

Volume III
No. 1



Thursday
20th April, 1961

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RA'AYAT (HOUSE OF REPRESENTATIVES)

OFFICIAL REPORT

CONTENTS

ANNOUNCEMENT BY Mr. SPEAKER :

Death of the Honourable Enche' Woo Saik Hong, P.J.K., J.P.
[Col. 7]

TITAH UCHAPAN D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG
DI-PERTUAN AGONG (HIS MAJESTY THE YANG DI-
PERTUAN AGONG'S SPEECH) [Col 7]

MESSAGE FROM THE SENATE [Col. 46]

ASSENT TO BILLS [Col. 46]

EARLIER RESUMPTION (Motion) [Col. 47]

ORAL ANSWERS TO QUESTIONS [Col. 47]

MOTIONS :

Times of Sittings Dewan Ra'ayat [Col. 52]

Committee of Selection [Col. 55]

Public Accounts Committee (Appointment of Chairman) [Col. 57]

The Yang di-Pertuan Agong's Speech—Address of Thanks [Col. 58]

WRITTEN ANSWERS TO QUESTIONS [Col. 141]

FEDERATION OF MALAYA
DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

Official Report

Third Session of the First Dewan Ra'ayat

Thursday, 20th April, 1961

The House met at Ten o'clock a.m.

PRESENT:

- The Honourable Mr. Speaker, DATO' HAJI MOHAMED NOAH BIN OMAR,
S.P.M.J., D.P.M.B., P.I.S., J.P.
- " the Prime Minister and Minister of External Affairs,
Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M.
(Kuala Kedah).
- " the Deputy Prime Minister, Minister of Defence and
Minister of Rural Development, TUN ABDUL RAZAK BIN
DATO' HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).
- " the Minister of Internal Security, DATO' DR. ISMAIL BIN
DATO' ABDUL RAHMAN, P.M.N. (Johore Timor).
- " the Minister of Finance, ENCHE' TAN SIEW SIN, J.P.
(Malacca Tengah).
- " the Minister of Works, Posts and Telecommunications,
DATO' V. T. SAMBANTHAN, P.M.N. (Sungei Siput).
- " the Minister of Agriculture and Co-operatives, ENCHE'
ABDUL AZIZ BIN ISHAK (Kuala Langat).
- " the Minister of Transport, ENCHE' SARDON BIN HAJI JUBIR
(Pontian Utara).
- " the Minister of Health and Social Welfare, DATO' ONG
YOKE LIN, P.M.N. (Ulu Selangor).
- " the Minister of Commerce and Industry, ENCHE' MOHAMED
KHIR BIN JOHARI (Kedah Tengah).
- " the Minister of Labour, ENCHE' BAHAMAN BIN SAMSUDIN
(Kuala Pilah).
- " the Assistant Minister of Education, ENCHE' ABDUL HAMID
KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, J.M.N., J.P. (Batang
Padang).
- " the Assistant Minister of Rural Development, TUAN HAJI
ABDUL KHALID BIN AWANG OSMAN (Kota Star Utara).
- " the Assistant Minister of Commerce and Industry, ENCHE'
CHEAH THEAM SWEE (Bukit Bintang).
- " the Assistant Minister of Labour, ENCHE' V. MANICKA-
VASAGAM, J.M.N., P.J.K. (Klang).
- " the Assistant Minister of the Interior, ENCHE' MOHAMED
ISMAIL BIN MOHAMED YUSOF (Jerai).

The Honourable ENCHE' ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Malacca Utara).
 .. ENCHE' ABDUL RAUF BIN A. RAHMAN (Krian Laut).
 .. ENCHE' ABDUL SAMAD BIN OSMAN (Sungei Patani).
 .. TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI ABDUL RAOF (Kuala Kangsar).
 .. TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI MOHD. SALLEH, A.M.N., P.I.S. (Segamat Utara).
 .. TUAN HAJI AHMAD BIN ABDULLAH (Kota Bharu Hilir).
 .. ENCHE' AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
 .. ENCHE' AHMAD BOESTAMAM (Setapak).
 .. ENCHE' AHMAD BIN MOHAMED SHAH, S.M.J. (Johore Bharu Barat).
 .. TUAN HAJI AHMAD BIN SAAID (Seberang Utara).
 .. ENCHE' AHMAD BIN HAJI YUSOF, P.J.K. (Krian Darat).
 .. TUAN HAJI AZAHARI BIN HAJI IBRAHIM (Kubang Pasu Barat).
 .. ENCHE' AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).
 .. DR. BURHANUDDIN BIN MOHD. NOOR (Besut).
 .. ENCHE' CHAN SIANG SUN (Bentong).
 .. ENCHE' CHAN SWEE Ho (Ulu Kinta).
 .. ENCHE' CHAN YOON ONN (Kampar).
 .. DATIN FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
 .. ENCHE' GEH CHONG KEAT (Penang Utara).
 .. ENCHE' HAMZAH BIN ALANG, A.M.N. (Kapar).
 .. ENCHE' HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N. (Kulim Utara).
 .. ENCHE' HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Baling).
 .. ENCHE' HARUN BIN PILUS (Trengganu Tengah).
 .. TUAN HAJI HASAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Kuala Trengganu Utara).
 .. TUAN HAJI HASSAN BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
 .. ENCHE' HASSAN BIN MANSOR (Malacca Selatan).
 .. ENCHE' HUSSEIN BIN To' MUDA HASSAN (Raub).
 .. ENCHE' HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, A.M.N., P.J.K. (Parit).
 .. TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN (Kota Bharu Hulu).
 .. ENCHE' IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN (Seberang Tengah).
 .. ENCHE' ISMAIL BIN IDRIS (Penang Selatan).
 .. ENCHE' KANG KOCK SENG (Batu Pahat).
 .. ENCHE' K. KARAM SINGH (Damansara).
 .. CHE' KHADIJAH BINTI MOHD. SIDEK (Dungun).
 .. ENCHE' LEE SAN CHOON (Kluang Utara).
 .. ENCHE' LEE SIOK YEW (Sepang).
 .. ENCHE' LIM JOO KONG (Alor Star).
 .. DR. LIM SWEE AUN, J.P. (Larut Selatan).
 .. ENCHE' LIU YOONG PENG (Rawang).

- The Honourable ENCHE' T. MAHIMA SINGH, J.P. (Port Dickson).
- " ENCHE' MOHAMED ABBAS BIN AHMAD (Hilir Perak).
- " ENCHE' MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA (Pasir Puteh).
- " ENCHE' MOHAMED DAHARI BIN HAJI MOHD. ALI (Kuala Selangor).
- " ENCHE' MOHAMED NOR BIN MOHD. DAHAN (Ulu Perak).
- " DATO' MOHAMED HANIFAH BIN HAJI ABDUL GHANI, P.J.K. (Pasir Mas Hulu).
- " ENCHE' MOHAMED SULONG BIN MOHD. ALI, J.M.N. (Lipis).
- " ENCHE' MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- " TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).
- " NIK MAN BIN NIK MOHAMED (Pasir Mas Hilir).
- " ENCHE' NG ANN TECK (Batu).
- " DATO' ONN BIN JA'AFAR, D.K., D.P.M.J. (Kuala Trengganu Selatan).
- " ENCHE' OTHMAN BIN ABDULLAH (Tanah Merah).
- " ENCHE' OTHMAN BIN ABDULLAH (Perlis Utara).
- " TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID (Rembau-Tampin).
- " ENCHE' SEAH TENG NGIAB (Muar Pantai).
- " ENCHE' D. R. SEENIVASAGAM (Ipoh).
- " ENCHE' S. P. SEENIVASAGAM (Menglembu).
- " TUAN SYED ESA BIN ALWEE, J.M.N., S.M.J., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- " TUAN SYED HASHIM BIN SYED AJAM, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- " ENCHE' TAN CHENG BEE, J.P. (Bagan).
- " ENCHE' TAN PHOCK KIN (Tanjong).
- " ENCHE' TAN TYE CHEK (Kulim-Bandar Bahru).
- " DATO' TEOH CHZE CHONG, D.P.M.J., J.P. (Segamat Selatan).
- " WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Kota Star Selatan).
- " WAN YAHYA BIN HAJI WAN MOHAMED (Kemaman).
- " ENCHE' YAHYA BIN HAJI AHMAD (Bagan Datoh).
- " ENCHE' YEOH TAT BENG (Bruas).
- " ENCHE' YONG WOO MING (Sitiawan).
- " PUAN HAJAH ZAIN BINTI SULAIMAN, J.M.N., P.I.S. (Pontian Selatan).
- " TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB (Langat).
- " ENCHE' ZULKIFLEE BIN MUHAMMAD (Bachok).

ABSENT:

- The Honourable the Minister of the Interior, DATO' SULEIMAN BIN DATO' ABDUL RAHMAN, P.M.N. (Muar Selatan).
- " the Minister of Education, ENCHE' ABDUL RAHMAN BIN HAJI TALIB (Kuantan).
- " the Assistant Minister of Information and Broadcasting, TUAN SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, J.M.N. (Johore Tenggara).

The Honourable ENCHE' CHAN CHONG WEN (Kluang Selatan).
 .. ENCHE' CHIN SEE YIN (Seremban Timor).
 .. ENCHE' V. DAVID (Bungsar).
 .. ENCHE' KHONG KOK YAT (Batu Gajah).
 .. ENCHE' LEE SECK FUN (Tanjong Malim).
 .. ENCHE' LIM KEAN SIEW (Dato Kramat).
 .. ENCHE' MOHAMED BIN UJANG (Jelebu-Jempol).
 .. ENCHE' QUEK KAI DONG, J.P. (Seremban Barat).
 .. ENCHE' TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
 .. ENCHE' TAN KEE GAK (Bandar Malacca).
 .. TENGKU INDRA PETRA IBNI SULTAN IBRAHIM, P.M.N. (Ulu Kelantan).
 .. ENCHE' V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
 .. WAN MUSTAPHA BIN HAJI ALI (Kelantan Hilir).

IN ATTENDANCE:

The Honourable the Minister of Justice, TUN LEONG YEW KOH, S.M.N.

PRAYERS

(Mr. Speaker *in the Chair*)

ANNOUNCEMENT BY MR. SPEAKER

DEATH OF THE HONOURABLE ENCHÉ' WOO SAIK HONG, P.J.K., J.P.

Mr. Speaker: Ahli² Yang Berhormat, saya dukachita mema'alumkan kepada Majlis ini akan kematian Yang Berhormat Enche' Woo Saik Hong, Ahli bagi kawasan Telok Anson. Saya bagi pehak Majlis ini melafadzkan perasaan sedeh di atas kematian-nya serta menguchapkan ta'ziah kepada kaum keluarga Ahli Yang Berhormat itu.

TITAH UCHAPAN DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG (HIS MAJESTY THE YANG DI-PERTUAN AGONG'S SPEECH)

Mr. Speaker: Ahli² Yang Berhormat, saya suka memberi tahu Dewan ini ia-itu Dewan ini pada 19 haribulan April, 1961, telah mengadap Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di-Dewan Tunku Abdul Rahman. Duli Yang Maha Mulia dengan limpah kurnia-nya telah mengeluarkan Titah uchapan

di-Raja kapada kedua² buah Dewan Parlimen. Saya telah perentahkan supaya salinan uchapan Duli Yang Maha Mulia itu di-bagikan kapada Ahli² Yang Berhormat Dewan ini dan di-chap serta di-masukkan dalam Buku Perbahahan Parlimen (Parliamentary Debates).

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara, Tuan Yang di-Pertua Dewan Ra'ayat dan Yang Berhormat Ahli² Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat:

Sabelum Beta melanjutkan uchapan Beta, Beta suka melafadzkan keshukuran ka-hadzrat Allah Subha-na-wata'ala yang telah mengizinkan kita sakalian berkumpul pada hari ini mendengar uchapan Beta atas perkara yang besar dalam dasar Kerajaan Beta bagi penggal Parlimen yang akan datang ini. Mudah-mudahan dengan taufik dan hidayah-nya dapat-lah kita bersama-sama menjalankan segala kerja² kita dengan sempurna.

Ini ada-lah pertama kali-nya Beta beruchap kepada Ahli² Yang Berhormat sakalian sa-bagai Yang di-Pertuan Agong. Maka oleh itu, Beta suka mengambil peluang ini berikrar bahawa Beta bersama-sama dengan Raja Permaisuri Agong akan memberi sa-penoh² perkhidmatan kapada ra'ayat Persekutuan Tanah Melayu dan juga dengan sa-berapa daya upaya Beta dengan

petunjok Allah Subha-na-wata'ala memelihara akan dasar² demokrasi dan pemerentahan yang berperlembagaan.

Sunggoh pun ini ada-lah pertama kali-nya Beta beruchap di-Parlimen ini tetapi Beta tiada-lah sunyi dari pada mengikuti akan segala perjalanan dan perbahathan di-kedua² Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat ini. Beta suka juga mengambil peluang menguchapkan sattinggi² tahniah kapada Ahli². Yang Berhormat sakalian atas sikap yang waras terhadap kewajipan masing² di-dalam Parlimen ini. Ini ada-lah menunjukkan bahawa sunggoh pun negara kita ini maseh muda lagi tetapi kita telah dapat memelihara 'adat pemerentahan sa-chara demokrasi yang terpuji.

Beta sangat² tertarik hati di-atas perasaan muhibbah yang bertambah² baik di-antara ahli² pehak Kerajaan dan ahli² pehak pembangkang, baik di-dalam Dewan ini mahu pun di-luar sunggoh pun mereka itu mempunyai fahaman siasah yang berlain² am. Sikap yang sa-umpama itu sangat-lah elok dan menunjukkan bahawa kita chukup faham akan demokrasi sa-chara ber-Parlimen. Ini ada-lah satu sempena baik bagi negara kita pada masa yang akan datang.

Beta pada hari ini hanya-lah berchakap berkenaan dengan dasar² yang baru sahaja dan tidak menyentoh dasar² yang sedang di-jalankan dengan sempurna-nya pada masa ini bagaimana yang telah di-terangkan dalam Dewan ini pada masa yang lalu. Adalah perkara yang besar dalam dasar Kerajaan Beta bagi penggal Parlimen yang akan datang ini ia-lah Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua yang telah di-persetujukan oleh kedua² Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat ini di-dalam persidangan-nya pada bulan Februari yang lalu. Dalam Ranchangan itu ada-lah tersebut dengan jelas-nya bahawa Kerajaan Beta bersama-sama dengan Kerajaan² Negeri dan Pehak² Berkua Tempatan serta dengan kerjasama daripada ahli² perniagaan sakalian ber'azam hendak menjadikan kemajuan mashrakat dan ekonomi di-bandar dan di-luar bandar itu supaya sa-imbang.

Beta sangat² sedar betapa susah payah-nya ra'ayat Beta terutama sa-kali mereka yang tinggal di-kampung² dan di-kawasan² luar bandar dalam usaha hendak meninggikan taraf hidup dan memberi pelajaran kapada anak² mereka itu. Ranchangan yang baharu sahaja di-luluskan itu ada-lah menjadi satu chabaran kapada kita sakalian. Kita hendak-lah menyambut chabaran itu dengan usaha yang berlipat ganda dan kerjasama yang bersunggoh². Sasunggoh-nya, semangat bersatu padu, setia yang tidak berbelah bahagi dan pengorbanan amat-lah di-kehendaki dalam usaha untuk mencapai taraf hidup yang lebuh tinggi.

Ranchangan² K e m a j u a n Luar Bandar telah siap di-susun dalam masa lebuh kurang enam bulan sahaja dengan berkat kerjasama pegawai² dan ahli² majlis meshuarat yang di-pileh di-daerah² menurut kehendak² yang di-tentukan di-dalam "Buku Merah". Ranchangan² itu telah di-semak oleh Kerajaan² Negeri melalui Jawatan-kuasa Kemajuan Negeri masing². Dalam masa Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua ini sedang di-sediakan, Kerajaan Beta tidak pula ketinggalan daripada menjalankan ranchangan² yang kecil untuk memenuhi kemahan² ra'ayat yang tinggal di-luar bandar. Oleh yang demikian jalan² kampong, jambatan², pusat² kesihatan, sekolah², bekalan² ayer dan balai² raya telah dapat di-adakan.

Ahli² Yang Berhormat sakalian akan berpeluang sa-kali lagi membinchangkan Ranchangan² itu pada masa menimbaungkan Anggaran Perbelanjaan Kemajuan tahun 1961 ini yang akan di-kemukakan di-dalam persidangan ini kelak. Beta berharap Anggaran Perbelanjaan itu akan ditimbang dengan memandang kapada kebijakan dan faedah negara serta ra'ayat seluroh-nya. Ranchangan Kemajuan Lima Tahun Yang Kedua ini akan memakan belanja lebuh dari pada Lima Ribu Juta Ringgit yang akan di-keluarkan oleh pehak Kerajaan dan ahli² perniagaan. Kerajaan Beta yakin dan perchaya bahawa ra'ayat akan sedia berusaha dan menyokong bagi kejayaan Ranchangan ini. Sa-bagaimana yang telah Beta sebutkan tadi, pelaksanaan Ranchangan ini

amat-lah mustahak supaya ekonomi negara ini bertambah subor dan supaya tercapai darjah kehidupan ra'ayat yang menasabah. Tidak ada lain jalan bagi tiap² sa-orang ra'ayat negara ini mencapai kemajuan melainkan dengan bekerja bersunggoh², berjimat chermat, berusaha dan berkorban.

Kerajaan Beta akan menerangkan chara² bagaimana ra'ayat yang tinggal di-kawasan² luar bandar boleh bekerjasama menjayakan Ranchangan Kemajuan Luar Bandar Kebangsaan ini. Bagi mencapai tujuan ini ra'ayat yang tinggal di-kampung² dan di-kampung² baharu hendak-lah mempunyai perasaan dan semangat yang baharu dan sedia berkorban bagi meninggikan taraf hidup mereka. Mereka hendak-lah sedar ia-itu ada satu sahaja jalan bagi mendapat kebahagian dan kema'amoran dan ini ia-lah dengan berjimat chermat dan bekerja bersunggoh².

Sa-bagai permulaan bagi melanchar perengkat yang kedua Ranchangan Kemajuan Luar Bandar Kebangsaan ini, Kerajaan Beta telah menubohkan satu bahagian Pelajaran Dewasa dalam Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Sungoh pun pentadbiran Pelajaran Dewasa telah sa-hingga ini di-jalankan oleh pertubuhan² sukarela dengan sangat² memberi puas hati tetapi pada pendapat Kerajaan Beta bahawa usaha kebangsaan hendak menghapuskan buta huruf itu tidak akan berjaya melainkan di-tadbirkan oleh Kerajaan sendiri. Kerajaan Beta suka hendak mengambil peluang di-sini menguchapkan berbanyak² terima kaseh kepada semua pertubuhan² sukarela, khas-nya kepada Persatuan Pelajaran Dewasa atas jasa² dan kerja² yang chemerlang yang telah mereka buat pada masa yang lalu. Kerajaan Beta juga berhutang budi kepada sakalian yang telah mengorbankan masa, tenaga dan wang ringgit dalam pekerjaan yang sangat mustahak ini. Ada-lah di-harapkan pada menjalankan usaha ini, pertubuhan² sukarela itu akan terus bekerja bersunggoh² dalam lapangan ini. Kerajaan Beta akan menubohkan sa-buah Jawatan-Kuasa Penasihat Kebangsaan dan mereka yang telah mengambil bahagian yang besar dalam hal

pelajaran dewasa ini akan di-minta menjadi ahli²-nya. Maka memang-lah tujuan Kerajaan Beta hendak memberi pelajaran kapada tiap² sa-orang ra'ayat supaya tahu menulis dan membacanya bahasa kebangsaan serta menanamkan perasaan sedar akan kewajipan² dan tanggong-jawab mereka.

Dalam hal pentadbiran tanah, Kerajaan Beta dengan bantuan Kerajaan² Negeri telah dapat membuat beberapa perubahan yang baik. Pejabat² Tanah telah di-bahagikan kapada dua bahagian—satu untuk menyelenggarakan hal kemajuan dan lagi satu sa-mata² untuk menjalankan pekerjaan biasa hari². Dengan jalan ini dapat-lah di-segerakan kerja² berkenaan dengan pembahagian tanah. Pembahagian tanah² baharu kepada ra'ayat yang berkehendakkan-nya telah di-mulakan oleh Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan dan oleh Kerajaan² Negeri. Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan telah berjaya mengadakan dua puluh tiga ranchangan di-serata Persekutuan Tanah Melayu dan dengan ini dapat-lah kira² 8,000 keluarga di-beri tanah tempat kediaman. Kerajaan² Negeri, kechualи Kelantan dan Trengganu, telah juga mulai membuka tanah mengikut Undang² Tanah (Kawasan Penempatan Beramai²). Kejayaan dalam mentadbirkan hal ehwal tanah ada-lah bergantong kapada kebolehan kita mengadakan peratoran yang sama dan mudah. Oleh yang demikian, dengan tujuan hendak menyatukan chara mentadbirkan tanah, Kerajaan Beta akan mengadakan dengan sa-berapa segera-nya satu Undang² Tanah Kebangsaan. Kerajaan Beta tidak pula lupa menguchapkan sa-tinggi² terima kaseh di atas baik budi Kerajaan New Zealand kerana menghantarkan di-bawah Ranchangan Colombo Juru² Ukor Tanah yang berkelayakan untuk membantu Juru² Ukor Tanah kita.

Lembaga Kemajuan Kampong dan Perusahaan yang telah mengambil bahagian penting dalam usaha memajukan kawasan² luar bandar akan terus menggalakkan orang² kampong menubohkan perusahaan kampong dan perusahaan kecil dan juga akan mengutamakan perkara mengadakan kemudahan² bagi menyelenggara dan

menjual barang² kampong. Ini ia-lah dengan tujuan hendak menambahkan pendapatan mereka itu.

Tiap² Kementerian yang berkenaan akan bekerja bersunggoh² berusaha sada upaya mereka bagi menjayakan tugas yang mustahak ini. Dalam lapangan pertanian, Kerajaan Beta akan sentiasa menggunakan bahan² kekayaan negara ini supaya kepinchangan kedudukan ekonomi pendudok² yang tinggal di-bandar dan di-luar bandar dapat di-kurangkan. Dengan menggunakan beneh² yang terpileh, chara² yang maju dan baja yang menchukupi, pengeluaran padi telah bertambah dengan banyak-nya. Pengeluaran beras bagi tahun 1960, di-anggarkan sa-banyak 560,000 ton, ia-lah yang terbanyak sa-kali yang pernah di-perolehi. Angka ini menunjukkan bahawa beras yang di-keluarkan telah bertambah 32 peratus daripada tahun yang lalu. Perentah 'am mengenai perkara menggunakan chara² pertanian yang baharu sedang di-keluarkan melalui Persatuan² Peladang. Persatuan² ini sedang menjalankan beberapa ranchangan termasok perchubaan menanam padi dua kali sa-tahun, membahagi² kan baja dan menggunakan alat² jentera sa-lain daripada menubohkan kumpulan² bagi menggunakan chara² pertanian yang baharu. Hingga masa ini, 120 buah Persatuan² Peladang telah di-tubohkan di-seluroh Persekutuan ini. Ada pun kerja Persatuan² ini ia-lah menggalakkan peladang² supaya mengambil berat dalam ranchangan² yang tujuan-nya hendak meninggikan taraf hidup mereka. Ranchangan² itu akan di-jalankan dengan panduan pegawai² yang terlateh dalam chara² pertanian yang baharu. Usaha² menambah lain² pengeluaran seperti kelapa sawit, kelapa, buah-buahan, sayor-sayoran, rumput "rhea", kopi dan teh ada-lah juga di-galakkan supaya pendudok² negara ini tiada ber-gantong sa-mata² kepada getah. Berkenaan dengan perusahaan ikan, Kerajaan Beta berchadang hendak mengada-kan undang² baharu untuk mengganti-kan undang² yang ada sekarang ini. Undang² yang baharu ini akan menyatu-kan peratoran² perikanan yang ada sekarang dan mengadakan peratoran lesen di-seluroh Persekutuan. Dalam tahun ini perusahaan menternak ayam

itek dan kambing akan di-luaskan lagi. Dengan tamat-nya Dharurat dan dengan ada-nya ranchangan² pem-bangunan luar bandar, pengeluaran binatang² ternak telah bertambah banyak. Oleh kerana memikirkan be-tapa mustahak-nya patut di-tinggikan ekonomi pendudok² negara ini dan dengan tujuan hendak mengurangkan kesusahan daripada angka berhutang, kekurangan modal dan pengaroh orang² tengah, maka Kerajaan Beta sentiasa akan memperkuat, menggalak dan menubohkan pergerakan sharikat kerjasama. Satu daripada sharat² yang utama bagi meninggikan kedudukan ekonomi pendudok² luar bandar ia-lah dengan menjayakan pergerakan sha-rikat kerjasama itu.

Dalam lapangan perdagangan dan perusahaan, dasar Kerajaan Beta sa-memang-nya-lah dan maseh tetap juga bertujuan menggalakkan pengeluaran getah asli untok menchukupi keperluan dunia yang maseh lagi kurang itu, dan juga untuk melawan getah tiruan. Penanaman sa-mula yang di-jalankan sa-chara beransor² di-ladang² getah, besar dan kecil itu, ada-lah satu tanda nyata yang membuktikan kejayaan dasar Kerajaan Beta dalam lapangan ini. Sa-buah Jawatan-Kuasa Kerja Ber-sekutu untuk menimbangkan ran-changan² Kerajaan bagi menanam sa-mula di-masa hadapan telah pun di-tubohkan.

Dan lagi amat-lah mustahak di-perelok dan di-jaga supaya mutu getah yang kita hantar keluar negeri itu sentiasa tinggi. Dengan sempurna-nya penyusunan sa-mula bahagian penyeli-dekan dan bahagian kemajuan yang telah di-belanjakan dengan Kumpulan Wang Getah Tanah Melayu, ada-lah di-harapkan penyelidekan² akan dapat di-jalankan dengan lebeh giat dan kedua² pehak itu akan dapat bekerja dengan lebeh² rapat lagi. Ranchangan membaik-biakan beneh getah yang di-jalankan oleh Pusat Penyelidekan Getah itu, telah menghasilkan beberapa beneh jenis baik yang akan mengeluarkan lebeh banyak getah daripada yang sudah². Penyelidekan mengenai jenis² getah asli yang tinggi mutu-nya yang sesuai dengan tujuan² yang tertentu, telah menambahkan pengeluaran getah.

Dengan tujuan hendak memberi keper-chayaan kepada dunia atas tetapnya pasaran getah kita itu, suatu Pusat Pertukaran Getah akan di-susun dan di-tubohkan dengan satu asas yang boleh di-terima oleh ahli² perdagangan antara-bangsa di-seluroh dunia, dan langkah² yang mustahak untuk meng-adakan undang² dan perlembagaan sedang di-ambil, supaya Pusat Pertukaran Getah itu dapat di-jalankan sa-bbelum akhir tahun ini. Kerajaan Beta, bersama² dengan Kerajaan² yang ber-gantong kepada jualan keluar negeri barang² utama yang sadikit jenis-nya itu, selalu menarek perhatian kapada kesukaran² yang di-sebabkan oleh turun-naik-nya harga barang² itu dan juga mengingatkan betapa mustahak-nya di-chari jalan supaya harga itu tetap dan tidak mendatangkan bimbang. Dengan sebab itu, Kerajaan Beta memikirkan sangat-lah mustahak harga getah asli itu sentiasa ada dalam keadaan yang tetap dan Kerajaan Beta akan menyokong apa² jua langkah antara-bangsa yang menasabah bagi mencapai tujuan ini.

Walau pun harga bijeh pada masa ini sangat memuaskan hati tetapi Kerajaan Beta perchaya ia-itu jika di-pandang dengan pandangan yang jauh Perjanjian Timah Antara-bangsa yang baharu itu ada-lah sangat besar guna-nya bagi menetapkan pasaran bijeh timah dengan mendatangkan munafa'at kapada pehak yang mengeluarkan bijeh timah dan kapada pehak yang meng-gunakan-nya. Jika tujuan ini hendak di-chapai maka mustahak-lah negeri² yang menggunakan bijeh timah itu menyokong Perjanjian ini dengan ber-sunggoh². Sa-sunggoh-nya sangat-lah elok kira-nya Perjanjian yang baharu yang telah di-sahkan oleh Kerajaan Beta dan akan berjalan kuat-kuasa-nya pada 1hb July yang akan datang dapat berjalan dengan sempurna.

Berkenaan dengan perusahaan nanas, Kerajaan Beta akan menchuba dengan sa-berapa boleh, melaksanakan keputusan² yang tersebut dalam Kertas Perentah Nombor 19 Tahun 1960. Adalah di-harap dengan di-sempurnakan keputusan² itu keadaan perusahaan² pada 'am-nya akan bertambah baik. Dalam Ranchangan Kemajuan Lima Tahun Yang Kedua peruntukan bagi

menubohkan Kilang Kebangsaan Me-ngetin nenas telah di-sediakan. Lang-kah² telah di-ambil untuk menubohkan sa-buah Badan Pusat Pasaran untuk menjaga supaya harga pasaran nenas tin itu tetap dan dapat menandingi ke-luaran negeri² yang lain. Sa-buah Pusat Penyelidekan Nenas akan di-tubohkan untuk menjalankan penyelidekan dengan lebeh giat lagi. Mengenai perusahaan kelapa, Jawatan-Kuasa Penasihat Kelapa yang di-tubohkan pada tahun lepas sedang menimbaangkan dengan teliti sama ada boleh atau tidak di-adakan ranchangan menanam sa-mula dan membolehkan kebun² kelapa di-kawasan² yang besar di-negara ini. Kerajaan Beta telah juga mengambil langkah menyu-sun sa-mula chara perdagangan kayu keluar negeri supaya perdagangan yang makin sa-hari sa-makin mustahak kapada ekonomi negara ini dapat ber-jalan dengan lebeh baik.

Dalam lapangan memajukan perusa-haan ada tanda² menunjukkan bahawa ahli² perusahaan luar negeri dan tempatan akan terus menanam modal dengan lebeh banyak lagi di-negara ini. Dengan tujuan supaya perusahaan tiada di-buka pada satu² tempat sahaja Kerajaan² Negeri ada-lah di-galakkan membuka kawasan² perusahaan saperti yang ada di-Petaling Jaya. Kerajaan Persekutuan telah pun mengadakan suatu Kumpulan Wang untuk membantu Kerajaan² itu membuka kawasan² perusahaan. Satu penyata yang di-buat oleh sa-orang pakar Bangsa² Bersatu berkenaan dengan perkara memajukan usaha² penyelidekan sedang di-timba-ngan oleh Kerajaan Persekutuan. Pen-yata ini antara lain²-nya menyebut tentang perkara menubohkan sa-buah Ma'mal Kimia Negara, sa-buah Pusat Kaji Teknik Perusahaan, sa-buah Badan Taraan Persekutuan Tanah Melayu dan sa-buah Badan Penguji Negara. Dan lagi ada-lah di-chadang-kan hendak menjadikan pusat² ini tempat menjalankan penyelidekan yang sa-lama ini di-jalankan di-luar negeri. Pada tahun ini langkah telah pun mulai di-ambil untuk menubohkan sa-buah pusat bagi melateh kakitangan yang akan menjadi pengurus² dan penyelia². Dua orang pakar daripada Pertubuhan Buroh Antara Bangsa yang mula² telah pun sampai di-negara ini

bagi memulakan ranchangan itu. Sa-buah sharikat yang di-anjorkan oleh Kerajaan bernama Sharikat Pemodalan Kemajuan Perusahaan Tanah Melayu Berhad, ia-itu sa-buah badan bagi memberi hutang kapada orang² yang hendak membuka perusahaan telah mula menjalankan perniagaan-nya. Sharikat ini boleh memberi berbagai² kemudahan kapada penanam modal tempatan dan luar negeri. Kerajaan Beta akan terus berusaha supaya banyak perusahaan² di-buka berjalan dengan tetap di-negara ini.

Dalam lapangan perdagangan pula, perdagangan di-luar negara bagi tahun yang lalu ada-lah bertambah baik disebabkan baik-nya harga getah dan timah. Nilai harga barang² keluar dan masok ada-lah lebuh tinggi pada tahun 1960 daripada tahun 1959 dan perbandingan perdagangan keluar masok dengan negeri² asing yang telah sedia menguntungkan negara kita ini makin bertambah baik dalam tempoh yang sama. Ada-lah hasrat Kerajaan Beta hendak menjalankan terus dasar yang luas mengenai perdagangan dan ekonomi yang sedia menjadi asas kemanoran negara kita ini. Sa-lain daripada barang² yang biasa di-dagangkan ka-luar negeri, Kerajaan Beta berchadang juga hendak memajukan jualan di-luar negeri barang² yang di-buat di-kilang² yang baharu di-buka dan juga barang² buatan negeri ini yang belum lagi bermutu bagi di-dagangkan ka-luar negeri.

Dalam lapangan pengangkutan, Kerajaan Beta sangat mengambil berat dalam perkara hendak memperbaiki lagi kemudahan² di-pelabuhan, terutama sa-kali di-Port Swettenham untuk mengurangkan kesukaran² yang disebabkan oleh barang² yang keluar masok di-situ makin sa-hari sa-makin bertambah. Dalam pada itu kerja membenai pengkalan² di-Utara Selat Kelang, ada-lah berjalan mengikut bagaimana yang di-jadualkan. Sementara itu kerja membenai pengkalan di-Butterworth akan di-jalankan. Undang² sedang digubal pula bagi menuahkan pehak berkuasa pelabuhan di-Melaka. Berkenaan dengan perusahaan pengangkutan jalan raya, Kerajaan Beta akan meneruskan dasar-nya hendak menambah bilangan orang Melayu yang mengambil bahagian dalam lapangan ini.

Pada masa ini perusahaan pengangku-tan yang di-mileki oleh orang Melayu telah bertambah 300 peratus banyaknya dan sharikat² bus ada-lah sa-makin bertambah banyak di-mileki oleh orang² Melayu, termasok dua sharikat bus yang terbesar di-Persekutuan ini. Ber-kendaan dengan penerbangan awam sa-buah pengkalan kapal terbang antara-bangsa yang baharu akan di-bena di-Kuala Lumpur. Usaha menchari tempat yang sesuai telah selesai di-jalankan maka sekarang sudah-lah dapat di-tentukan tapak pengkalan itu. Kerja membuat jalan menuju ka-tempat itu akan di-mulakan tiada berapa lama lagi.

Kerja² membina bangunan² baharu, jalan² raya, pejabat² pos dan kerja memperluas dan memperelokkan ke-mudahan² talikom akan terus di-jalan-kan mengikut Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua dan usaha mengelokkan lagi bekalan² ayer di-kawasan² luar bandar akan di-utamakan.

Oleh kerana baik perhubungan antara pekerja² dengan majikan² maka banyak-lah pemodal² di-luar negeri menaroh keperchayaan untuk menanam modal di-negeri ini. Dengan tujuan hendak mengekalkan perhubungan yang baik di-kalangan pekerja² Kerajaan Beta berchadang hendak meminda undang² yang berkenaan dengan-nya. Undang² Mahkamah Perusahaan Tahun 1948 harus akan di-pinda untuk memberi kuasa kapada Menteri Buroh champor tangan dalam sa-barang perbalahan sa-kira-nya di-fikirkan mustahak bagi faedah orang ramai.

Dalam lapangan pelajaran, Kerajaan Beta telah bersetuju dengan Penyata Jawatan-Kuasa Menyemak Sa-mula Pelajaran. Segala shor dalam penyata itu akan di-laksanakan dengan sa-berapa segera yang boleh dan Rang Undang² yang berthabit dengan-nya akan di-kemukakan di-dalam Parlimen dalam tahun ini juga. Dua perkara yang besar dalam hal pelajaran ia-lah menaikkan had umor berhenti sekolah dan memberi pelajaran yang perchuma di-sekolah² rendah. Mulai daripada tahun 1962 satu jenis sekolah yang baharu yang di-namakan Sekolah Pelajaran Lanjutan akan di-tubohkan. Dalam sekolah² ini akan di-adakan kursus sa-lama dua tahun untuk murid²

yang tiada dapat masuk ka-sekolah² menengah yang lain (termasuk Sekolah² Lanjutan Kampong) dan yang suka hendak melanjutkan pelajaran mereka sa-telah tamat belajar sa-lama enam tahun di-sekolah rendah. Ini akan berma'ana sa-rendah² umor berhenti sekolah akan menjadi 14 tahun selewat²-nya pada tahun 1963. Sunggoh pun tujuan Kerajaan Beta ia-lah hendak menaikkan had umor berhenti sekolah hingga kapada 15 tahun tetapi oleh kerana masa'alah pengurusan dan kewangan maka keputusan telah di-ambil ia-itu hendak menjalankan-nya dengan beransor², dan hendak mengadakan kursus dua tahun di-sekolah pelajaran lanjutan pada masa pelaksanaan Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua. Perkara hendak memberi pelajaran rendah perchuma dengan sa-berapa segera sedang di-timbangkan, dan sama ada dapat atau tidak di-jalankan dalam tahun 1962 atau kemudian daripada itu akan di-ambil keputusan-nya masa menyediakan Belanjanan tahun 1962.

Mulaï daripada awal tahun 1962 chara memberi separoh bantuan kepada sekolah² menengah yang tiada mengikut sharat² dengan sa-penoh-nya akan di-berhentikan. Maka terpulang-lah kapada sekolah² itu sendiri membuat keputusan sama ada hendak menjadi sekolah² yang mengikut sharat² dengan sa-penoh-nya dan mendapat bantuan yang penoh atau menjadi sekolah² yang bebas ya'ani tiada mendapat bantuan wang daripada Kerajaan tetapi maseh juga lagi kena mengikut sharat² yang di-kehendaki oleh undang². Kerajaan Beta berchadang hendak menjaga kepentingan penghidupan guru² yang layak di-sekolah² yang baharu menjadi sekolah² yang mendapat bantuan penoh mengikut dasar ini. Undang² Pelajaran yang baharu akan memberi kuasa mengantongkan perjalanan Pehak² Berkusa Pelajaran Tempatan, dan menubohkan sa-buah Lembaga Penasihat Pelajaran Kebangsaan dan Lembaga² Penasihat Pelajaran Negeri dan mengenakan serta memungut chukai pelajaran oleh Pehak Berkusa Persekutuan. Sekolah² pertukangan menengah dan sekolah² teknik menengah mengikut chara baharu akan di-adakan. Sekolah² Lanjutan Kampong di-kawasan luar bandar yang memberi

pelajaran² yang berguna untuk membuat sa-suatu pekerjaan di-kampong² akan di-tambah bilangan-nya. Latehan guru akan di-luaskan lagi untuk memenuhi kehendak² sekolah² yang bertambah ramai bilangan murid-nya, khas-nya guru² untuk mengajar di-sekolah² lanjutan, dan mengadakan guru² yang terlateh untuk mengajar bahasa kebangsaan. Persediaan² sedang di-buat untuk mengadakan pelajaran ugama Islam di-dalam semua sekolah² yang menerima bantuan yang mempunyai murid² ber-ugama Islam tidak kurang daripada 15 orang. Kemudahan² akan di-tambah untuk memperolehi pelajaran dengan menggunakan bahasa kebangsaan sa-bagai bahasa pengantar, termasok-lah pelajaran menengah. Usaha² akan di-buat untuk meninggikan mutu sekolah² kebangsaan dan semua darjah² aliran bahasa kebangsaan. Pelajaran yang menggunakan bahasa kebangsaan sa-bagai bahasa pengantar akan di-beri perchuma di-semua peringkat di-semua sekolah². Perundingan berkenaan dengan Tingkatan Gaji Yang Sa-rupa bagi guru² telah selesai di-jalankan dalam Majlis Kebangsaan Bersama bagi Guru² dan dalam penggal Parlimen ini Kerajaan Beta berchadang hendak mengambil langkah² yang mustahak bagi mengadakan Perkhidmatan Guru² Yang Sa-rupa. Kerajaan Beta dengan persetujuan pihak² berkuasa University berchadang hendak menubohkan sa-buah University kebangsaan yang berkuasa sendiri di-Kuala Lumpur mulaï daripada awal penggal University tahun 1962. Undang² bagi melaksanakan yang demikian itu akan di-kemukakan dalam Parlimen dalam penggal ini.

Kerajaan Beta akan terus memberi perhatian yang berat kapada kesihatan umum. Yang di-utamakan sa-kali ia-lah kesihatan luar bandar dan meluaskan lagi kemudahan² perubatan dan kesihatan kapada kawasan² luar bandar dengan tujuan hendak mengurangkan lagi angka kematian, khas-nya bagi kanak² dan ibu² yang bersalin dalam kalangan penduduk² luar bandar. Kerajaan Beta akan terus menjalankan usaha² bagi menghapuskan demam kura dan men-chegah penyakit batok kering, untot dan puru. Usaha memberi pelajaran berkenaan dengan kesihatan dan makanan khas-nya dalam kawasan²

kampong akan di-utamakan. Rumah² sakit yang sempit dan yang burok saperti yang ada di-dapati sekarang di-Kuala Lumpur, Seremban dan Kelang akan di-gantikan dengan rumah sakit yang baharu lagi moden. Rumah² sakit yang lain² akan juga di-perelokkan. Satu ranchangan latehan yang pesat bagi semua peringkat kakitangan teknik dan lain² akan di-jalankan untuk mengatasi kekurangan kakitangan yang ada sekarang dengan sebab perkhidmatan itu telah di-perluaskan. Undang² akan di-adakan bagi mengawal jirim radioactive dan perkakas² X-ray, melesen rumah² tempat bersalin, menyatukan undang² Negeri berkenaan dengan keranitina dan menjauhkan penyakit². Rang Undang² menjadikan perbadanan Persekutuan Orang² Buta Tanah Melayu dan Persekutuan Palang Merah Tanah Melayu ada-lah termasuk juga dalam ranchangan undang² Kerajaan Beta. Pusat Penyelidikan Perubatan sedang di-susun sa-mula supaya ia akan menjadi sa-buah daripada Pusat² Penyelidikan yang terkemuka dalam dunia berkenaan dengan penyakit² negeri panas.

Oleh kerana memandangkan betapa mustahak-nya kedudukan bandar Kuala Lumpur ini maka pada 1 haribulan April tahun ini kuasa mentadbirannya telah bertukar tangan daripada Kerajaan Negeri Selangor kapada Kerajaan Persekutuan. Maka ada-lah tujuan Kerajaan Beta hendak memajukan bandar ini hingga ia menjadi sa-buah kepala negeri yang berpadanan dengan taraf negeri ini dan yang boleh dimegah²kan oleh ra'ayat sakalian. Kerajaan Beta sedang berusaha juga membuat satu dasar jangka panjang bagi mentadbir dan memajukan Orang² Asli. Tujuan yang akhir ia-lah supaya Orang² Asli ini boleh menyesuaikan diri mereka dengan chara kehidupan di-negara ini dengan tiada pula merosakkan chara hidup dan kebudayaan mereka. Sementara itu Kerajaan Beta chukup sedar betapa mustahak-nya mengelokkan lagi keadaan masharakat dan ekonomi Orang² Asli itu dan wang telah di-untokkan bagi tujuan yang demikian dalam Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua. Beta berharap lebih banyak lagi Orang² Asli itu yang

akan mendapat faedah daripada pentadbiran Kerajaan terutama sa-kali dalam lapangan pelajaran dan perubatan.

Dengan bermula-nya Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua itu, mustahak-lah di-kekalkan kedudukan keewangan yang kukuh dalam negeri ini. Ini bererti bahawa Kerajaan dan orang² ramai hendak-lah membanyakkan lagi penanaman modal lebih daripada yang sudah². Untuk melaksanakan ranchangan penanaman modal ini mustahak-lah juga di-susun sa-mula peratoran chukai supaya bukan sahaja ia boleh menyediakan wang yang di-kehendaki bagi menjalankan dasar² Kerajaan bahkan juga ia boleh menjadi pendorong yang kuat bagi orang² ramai dan sharikat² untuk menambah penanaman modal di-Persekutuan. Perkembangan ekonomi dan kemajuan perusahaan dalam negeri menyebabkan mustahak peratoran chukai itu di-kaji sa-mula, dan ada-lah tujuan Kerajaan Beta supaya pekerjaan ini di-jalankan oleh Penasihat Keewangan yang dijangka akan sampai ka-negeri ini tiada berapa lama lagi.

Undang² yang mengelolakan perkara menjalankan perniagaan insuran di-Persekutuan, yang sedang terkandong dalam Undang² Sharikat Insuran Nyawa dan Undang² Sharikat Insuran Kebakaran, tiada memadai untuk menjaga faedah orang² yang mengambil insuran dan untuk menjamin bahawa sharikat² insuran mengambil bahagian yang chukup bagi menanggong perbelanjaan pembangunan negara dengan jalan menanam modal mereka dalam negeri ini. Oleh itu, Kerajaan Beta berchadang hendak mengadakan undang² insuran yang lengkap untuk mengawal perkara menjalankan semua perniagaan insuran di-Persekutuan. Sabagai langkah yang pertama, ada-lah di-chadangkan supaya di-ambil bekerja sa-orang Pesurohjaya Insuran yang akan menasihatkan Kerajaan berkenaan dengan bentuk undang² yang hendak di-adakan itu. Ia akan bertanggongjawab menubohkan pejabat yang mustahak bagi memerhatikan yang isi² kandongan undang² itu di-jalankan.

Pada masa Undang² Mata Wang, tahun 1960, di-timbangkan dalam

Dewan ini, Kerajaan Beta telah menyatakan bahawa isi² kandongan Perjanjian Mata Wang yang di-tetapkan dalam Undang² itu hendak-lah di-sifatkan sebagai sementara. Chara² bagaimana Bank Negara Tanah Melayu boleh menjadi bertanggong-jawab untuk mengeuarkan wang negara ini pada masa hadapan sedang di-timbangkan dengan halus-nya tetapi tiada-lah dapat hendak di-katakan bila masa-nya undang² yang mustahak itu akan dapat di-kemukakan dalam Parlimen. Ini satu perkara yang sangat mustahak bagi kita sakalian dan apa juar langkah yang hendak di-ambil sayogia-lah di-fikirkan bukan sahaja dari segi taraf kedaulatan Persekutuan Tanah Melayu bahkan juga perhubungan² ekonomi yang erat pada masa ini di-antara Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Brunei, Sarawak dan Borneo Utara.

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja telah tertuboh sa-lama 10 tahun dan telah menjadi satu alat yang menentukan bahawa pekerja² boleh mendapat sa-jumlah wang yang berpatutan pada masa mereka tua kelak. Akan tetapi pada masa ini Kumpulan Wang itu hanya memberi faedah kepada sebahagian pekerja² sahaja dan tujuan Kerajaan Beta ia-lah hendak meluaskan lagi faedah Kumpulan Wang itu kepada semua golongan pekerja² yang bergaji kurang daripada \$400 sa-bulan. Sunggoh pun demikian perkembangan ini hendak-lah di-fikirkan dan di-lakukan dengan chermat supaya dapat-lah di-kekalkan perjalanan yang lichin, sakali pun kerja² ini akan memberatkan pertadbiran.

Kerajaan Beta berhasrat hendak mengelak dengan bersunggoh² supaya orang² tiada dapat mengelak daripada membayar chukai pendapatan. Dengan tujuan yang demikian, Undang² Chukai Pendapatan Tahun 1947, telah di-pinda pada tahun yang lalu oleh satu Undang² Parlimen yang memberi kuasa² baharu kepada Kerajaan. Supaya pekerjaan ini dapat di-jalankan dengan chergas-nya, Kerajaan Beta, telah berusaha menchari dan mendapat delapan orang pakar Chukai Pendapatan daripada United Kingdom mengikut Ranchangan Colombo, dan telah juga mengambil bekerja beberapa orang Pegawai

Penyiasat yang berpengalaman daripada luar negeri untuk bekerja sa-chara konterek jangka pendek. Mereka ini-lah yang akan mula² menjadi ahli sa-buah kumpulan penyiasat khas dan kewajipan-nya ia-lah sa-mata² men-chegah orang² yang mengelak daripada membayar chukai pendapatan. Pegawai tersebut telah pun mulai menyandang jawatan mereka di-Ibu Pejabat dan di-pejabat² wilayah Chukai Pendapatan. Beberapa orang pegawai Tanah Melayu akan di-lateh menjalankan pekerjaan yang mustahak ini.

Maka jelas-lah bahawa Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua hanya boleh di-laksanakan dengan jaya-nya jika negara ini berada dalam aman dan tenteram. Dengan hal yang demikian Kerajaan Beta ada-lah ber'azam hendak mengekalkan ketenteraman dan keamanan dan segala langkah yang sesuai ada-lah di-ambil. Oleh kerana Dharurat sudah tamat maka mudah-lah bagi Pasukan Polis menjalankan tugas ini. Kerajaan Beta memang sedar akan ada-nya lagi penjahat² kominis di-kawasan sempadan antara Negeri Thai dengan Tanah Melayu dan juga ada-nya anchaman² subversive dalam negeri ini dan untuk menghapuskan kedua² perkara ini Kerajaan Beta telah mengambil langkah² yang sesuai. Kerja² yang di-jalankan untuk mengurangkan bahaya daripada kongsi² gelap dan pencholek² ada-lah berjalan terus dan Kerajaan Beta berchadang hendak mengadakan satu undang² terhadap pencholek² itu. Bagi menyokong kerja² yang di-tugaskan kepada Pasukan Polis itu maka Angkatan Tentera ada-lah juga di-kuatkan lagi. Ranchangan² untuk melengkapkan Tentera kita dengan alatan² yang baharu telah dibuat dan di-jangka akan dapat di-jalankan dalam tahun ini. Berkendaan dengan Tentera Laut pula usaha² bagi mengukuhkan tenaga kakitangan dan memberi latehan kapada kakitangan² teknik yang akan menjaga kapal² dan alatan² yang baharu akan di-utamakan dalam tahun ini. Kapal² Terbang yang baharu untuk Tentera Udara akan dibeli juga. Apabila siap terbena Maktab Tentera Persekutuan di-Sungei Besi itu pada tahun ini, maka latehan² untuk Angkatan Tentera akan di-jalankan dengan bersunggoh² lagi.

Dengan tujuan hendak mengingatkan tamatnya Dharurat dan juga menunjukkan betapa Negeri ini menghargakan pengorbanan dan jasa pasokan² keselamatan serta orang² lain yang mengambil bahagian, maka Kerajaan Beta berchadang hendak mendirikan sa-buah tugu menjadi lambang kemenangan Angkatan Tentera kita melawan musoh dan juga kejayaan demokrasi mengalahkan faham kominis. Tugu ini akan di-dirikan bersama² dengan satu lambang peringatan yang sesuai sa-bagai kenangan bagi mereka yang telah mengorbankan nyawa-nya kerana tujuan yang mulia. Tugu ini akan di-dirikan dikawasan yang indah dalam Taman Bunga Kuala Lumpur. Tugu ini akan siap di-bena pada ulang tahun Hari Kemerdekaan 1962 dengan memakan belanja lebuh daripada sa-juta ringgit. Tujuan Kerajaan Beta yang mengeluarkan lebuh kurang separoh daripada jumlah belanja tersebut ia-lah hendak memberi peluang kapada ra'ayat negara ini menunjukkan penghargaan mereka kepada jasa orang² terkorban itu dengan jalan menderma untuk belanja mendirikan tugu itu ia-itu suatu kenangan di atas jasa Pasokan² Keselamatan kita, Pasokan² Tentera Commonwealth dan pendudok² negeri ini.

Dalam hal perhubungan antara-bangsa, Kerajaan Beta akan terus menjalankan satu dasar luar negeri yang bebas yang di-buat dengan tujuan hendak mewujud dan mengekalkan keamanan dan kema'amoran dunia dengan berdasarkan asas² dan tujuan² Piagam Bangsa² Bersatu. Kerajaan Beta akan terus juga bekerjasama dengan semua negara² yang bersahabat dengan kita terutama sa-kali dalam lapangan ekonomi dan kebudayaan. Dengan hal yang demikian maka kita telah bersetuju hendak bekerjasama dengan Negeri² Thai dan Fillipina dalam lapangan ekonomi dan kebudayaan, di-Tenggara Asia. Kemajuan karaharach menchapai chita² ini telah diperolehi dengan lawatan President Garcia dari Negara Fillipina di-iringi oleh Setia-usaha Luar Negeri-nya dan juga Menteri Luar Negeri Thai kaknegeri kita baharu² ini. Persediaan² sedang di-buat untuk mengadakan perbinchang antara Menteri² ketiga² buah Negeri itu.

Ada beberapa masa'alah antara-bangsa yang sedang di-timbangkan oleh Kerajaan Beta. Satu daripada-nya ia-lah masa'alah Irian Barat. Sa-bagaimana Ahli² Yang Berhormat sedia ma'alum Perdana Menteri Beta telah menchuba hendak menyelesaikan perbalahan antara Republik Indonesia dengan Belanda dan menchari satu jalan yang aman lagi adil. Dalam masa lawatannya ka-Canada, Amerika Sharikat, United Kingdom dan Belanda baharu² ini Perdana Menteri Beta telah mengambil peluang memberitahu Kerajaan² Negeri itu betapa genting-nya suasana Irian Barat. Ada-lah di-perchaya bawahwa Negara² yang berkenaan itu chukup sedar akan hal yang demikian dan sedang mengambil perhatian yang berat bagi kali yang pertama-nya.

Berkenaan dengan keadaan di-Congo Kerajaan Beta telah menyambut seruan Bangsa² Bersatu dengan menghantar tentera-nya, dan tatkala beberapa buah negeri lain menarek balek tentera² mereka kita telah berpegang tegoh kapada janji² kita dan telah menambah lagi askar² kita itu. Pasokan yang penghabisan sa-kali telah berlepas pada minggu yang lepas dan apabila mereka sampai di-Congo kelak maka pasokan kita di-sana akan menjadi satu beriged. Askar² kita yang berada di-Congo telah menjalankan tugas mereka dengan sem-purna dan telah di-puji oleh bangsa² lain serta juga oleh orang² Congo sendiri.

Ada pun nama baik negeri ini telah bertambah harum kerana kita tiada bergenjak dengan perdirian kita ter-hadap dasar membedza² kan warna kulit atau "apartheid" itu. Afrika Selatan telah membuat keputusan hendak keluar daripada Commonwealth pada 31 haribulan May tahun ini apabila negara itu menjadi sa-buah republik. Kerajaan Beta akan terus mendesak Afrika Selatan sa-berapa yang dapat sama ada di-dalam atau di-luar Bangsa² Bersatu sa-hingga Kerajaan Afrika Selatan mengubah dasar-nya yang keji itu. Kerajaan Beta berjanji hendak membantu ra'ayat Algeria dengan sa-daya upaya-nya supaya mereka boleh menchapai kemerdekaan dan dengan tujuan yang demikian Perdana Menteri Beta telah membinchang dengan

sa-penoh²-nya perkara itu dengan General de Gaulle dalam bulan June tahun yang lalu. Kerajaan Beta akan terus berusaha dengan sa-boleh²-nya supaya ra'ayat Tibet dapat sa-mula hak² kema'nusiaan dan kebebasan beribadat dan kebudayaan mereka. Kerajaan Beta dukachita melihat keadaan di-Laos dan kita sedia berkhidmat supaya negeri itu kembali aman. Berkenaan dengan Negeri China dan Formosa, sunggoh pun Kerajaan Beta berpegang tegoh kepada dasar tiada mengi'tiraf kedua² buah Kerajaan itu, kerana sebab² kita sendiri, tetapi Kerajaan Beta berpendapat bahawa mas'-alah² antara-bangsa yang besar tiada akan dapat di-selesaikan jika Kerajaan Negeri China tiada mengambil bahagian bersama². Kerajaan Beta menegaskan bahawa Formosa hendak-lah di-i'tiraf sa-bagi sa-buah Negara yang berdaulat lagi merdeka dan Negeri China hendak-lah di-benarkan menjadi anggota Bangsa² Bersatu.

Sambil kita melaksanakan rancangan² hendak menjadikan pejabat² Kerajaan bekerja dengan lebih giat lagi, menguatkan lagi kedudukan wang negara ini, menjaga ketenteraman, menggalak dan mengekalkan tali persahabatan dengan negara² lain, Beta tidak akan lupa menyatakan sa-tinggi² penghargaan Beta kepada ra'ayat Beta yang sunggoh pun terdiri daripada berbagai² kaum dan ugama, tetapi hidup dengan aman damai dan saling mengerti sa-bagi satu bangsa. Hal yang demikian ini boleh-lah di-megah²-kan dan ada-lah menjadi sebutan dan tauladan kepada negara² lain. Kapada ra'ayat Beta yang berugama Islam, Beta suka hendak memberi sadikit nasihat ia-itu hendak-lah mereka ber-sikap saling mengerti dan menghormati ugama lain. Koran dan Rasullu'llah mengajar kita berbuat demikian. Kerajaan Beta sentiasa sedar yang Islam ada-lah ugama rasmi negara ini. Dengan yang demikian baharu² ini Kerajaan Beta telah mengadakan pertandingan membacha Koran bukan sahaja di-peringkat kebangsaan bahkan juga di-peringkat antara-bangsa dengan tujuan hendak menegakkan ajaran Al-Koran dan merapat serta mempereratkan tali persaudaraan negara² Islam di-dunia ini.

Dalam beberapa tahun sahaja selepas merdeka, kita telah berjaya menchapai kemajuan dalam beberapa lapangan dan menjalankan beberapa usaha dalam lain² lapangan. Dalam tahun yang lalu kita telah menchapai kemajuan yang demikian juga dan nampaknya dalam tahun ini pun kemajuan dan usaha² yang di-jalankan ada-lah bertambah² dan semua ini akan mendatangkan faedah kepada segala peringkat penduduk yang terdiri dari pada berbagai² kaum. Ada pun kejayaan yang telah kita chapai masa yang lalu itu dan kejayaan yang di-harap akan kita chapai lagi pada masa hadapan sa-bahagian besar-nya bergantong kapada semangat bertolak ansor, bersefahaman dan berbaik² hati yang jadi amalan di-antara kaum² yang besar dalam negeri ini. Sa-sunggoh-nya ini-lah satu keadaan yang di-dapati dalam sa-buah negeri yang aman dan sejahtera seperti negara kita ini. Jika sakira-nya kita boleh mengekalkan keadaan yang sa-umpama itu Insha' Allah pada tahun² yang akan datang pun dapat-lah Beta menyampaikan kapada Ahli² Yang Berhormat akan berita² kejayaan gilang gemilang yang di-chapai oleh negara kita yang di-kasehi ini.

[The English translation is as follows :

Mr. President, Mr. Speaker, Honourable Members of both Houses of Parliament:

Before I address you, I should like to offer my thanks to God for His great beneficence which enables us to assemble today to hear the important aspects of my Government's policy for the coming session of Parliament. May God bless us that we may be able to perform our duties well.

Addressing you for the first time as Yang di-Pertuan Agong I pledge myself, with the Raja Permaisuri Agong, to serve the people of the Federation of Malaya and with God's guidance to uphold to the best of my ability the principles of democracy and constitutional rule.

Although this is my first address to Parliament I have always followed with interest the proceedings and the debates of both Houses. I should like to take

this opportunity to congratulate you all on the mature attitude which you have adopted towards your duties in Parliament. You have shown that although our nation is young we have been able to uphold the high tradition of democratic government.

I am very much impressed by the increasing personal friendliness, in spite of differences of political views, between members of the Government and members of the Opposition both within and without the precincts of Parliament. Such conduct is most becoming and indicates the high standard of our concept of Parliamentary democracy. This augurs well for the future well-being of this country.

Dato' Onn bin Ja'afar (Kuala Trengganu Selatan): Tuan Yang di-Pertua, satu daripada sebab yang telah di-berikan oleh Timbalan Menteri Besar sebagai perubahan (*Ketawa*) sa-bagai Timbalan Perdana Menteri ia-itu perubahan ini ia-laah di-sebabkan pekerjaan Dewan ini telah bertambah lebih banyak maka dari itu di-kehendaki lebih banyak masa supaya dapat di-timbangkan, tetapi kalau kita semak waktu yang di-tentukan di-sini ia-itu dari pukul 10 pagi sampai 1.00 tengah hari hanya-lah 3 jam. Daripada pukul 8.30 sampai 11 malam 2½ jam. Jumlah semua ia-laah 5½ jam pada hal biasanya pada hari ini Dewan ini bersidang 5 jam ia-itu tambahan-nya sa-tengah jam sahaja. Ada-kah itu maksud atau sa-benar-nya kerana hendak melapangkan Menteri² yang dia bukan ada banyak urusan dan pekerjaan yang lain² ia-itu tidak-kah dapat di-ubah sadikit waktu² ini daripada pukul 9 sampai 1 ia-itu memberi 4 jam pada sa-belah pagi, tidak bekerja pada sa-belah petang kemudian bertambah daripada 8.30 sampai pukul 11 malam pada hari itu juga.

Mr. Speaker: Are you moving an amendment to the motion?

Dato' Onn bin Ja'afar: No, I just make a suggestion (*Laughter*).

Tun Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pandangan Ahli Yang Berhormat dari Bachok, perkara itu telah pun di-ambil perhatian oleh Jawatan-Kuasa Peratoran Meshuarat. Dalam Kertas D.R. 1961, di-situ telah ada di-chadangkan pindaan ia-itu pada hari Juma'at persidangan akan di-mulakan pada pukul 9.30 pagi dan tidak payah tiap² kali persidangan Yang Berhormat Perdana Menteri membawa chadangan.

Berkenaan dengan pandangan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Selatan, pihak Kerajaan suka hendak memerhatikan perkara itu dahulu, sebab chadangan yang di-kemukakan dalam Dewan ini ia-lah sa-bagai perchubaan, dan jika mustahak di-ubah pada suatu masa perkara itu akan ditimbangkan. Pada fikiran saya pada kali ini elok-lah chadangan yang dibentangkan ini di-chuba dahulu dan kita perhatikan, jika urusan² Parlimen ini bertambah lebih banyak barangkali kita terpaksa bersidang dalam masa yang lebih lanjut lagi tidak dapat tidak Kerajaan akan menimbangkan barangkali perkara itu di-ubah.

Question put, and agreed to.

Resolved,

That, pursuant to the provisions of paragraph (1) of Standing Order 12, this House hereby orders that as an experimental measure every sitting of the House during the present meeting shall begin at 10 a.m. and shall, unless the House shall have been previously adjourned, continue until 1 p.m. and then from 8.30 p.m. to 11 p.m. or, on any day on which an adjournment of the House is moved under Standing Order 17, until 11.30 p.m. and that for the purposes of such procedure the provisions of—

- (a) paragraphs (1) and (2) of Standing Order 16 and paragraph (4) of Standing Order 18 shall be construed as if for references to the hour of 4.30 p.m. there were substituted references to the hour of 11 p.m.;
- (b) paragraph (4) of Standing Order 17 shall be construed as if for reference to the hour of 5 p.m. there were substituted a reference to the hour of 11.30 p.m.; and
- (c) paragraph (3) of Standing Order 18 shall be construed as if for reference to the hour of 2.30 p.m. there were substituted a reference to the hour of 8.30 p.m.

COMMITTEE OF SELECTION

Tun Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, saya menchadangkan :

Ia-itu menurut perenggan 2 dalam Peratoran Meshuarat 76 sa-buah Jawatan-Kuasa yang terdiri daripada Yang di-Pertua sa-bagai Pengerusi dan mengandongi enam orang Ahli² yang tersebut di-bawah ini di-lantek menjadi ahli Jawatan-Kuasa Pilehan :

Timbalan Perdana Menteri.

Menteri Dalam.

Menteri Kesihatan dan Kebajikan Masyarakat.

Enche' V. Manickavasagam.

Enche' Ahmad Boestamam.

Dr. Burhanuddin bin Mohd. Noor.

Tuan Yang di-Pertua, menurut Fasal 76 (1) Peratoran Meshuarat mustahak-lah Dewan ini melantek satu Jawatan-Kuasa Pilehan dalam tiap² penggal Dewan ini. Oleh itu, oleh sebab kita pada hari ini mula Penggal Yang Ketiga bagi Dewan Ra'ayat, maka mustahak-lah di-lantek Jawatan-kuasa yang tersebut. Ahli² yang di-chadangkan ini ia-lah ahli² yang telah pun menduduki Jawatan-Kuasa ini pada penggal yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya menchadangkan.

Dato' Dr. Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong chadangan ini.

Enche' Ahmad bin Boestamam (Setapak): Tuan Yang di-Pertua, biasanya, Jawatan-Kuasa Pilehan ini mengandungi wakil² atau Ketua² Parti yang ada dalam Dewan ini. Saya menchadangkan supaya Timbalan Perdana Menteri menarek nama Ahmad Boestamam itu, dan di-gantikan kapada Enche' K. Karam Singh.

Mr. Speaker: Are you moving an amendment to delete your own name and substitute therefor the name of the Honourable Enche' K. Karam Singh—ada-kah bagitu? Membawa satu pindaan . . .

Enche' Ahmad Boestamam: Saya minta . . .

Mr. Speaker: Nanti dahulu saya belum habis berchakap. Ada-kah tuan berhajat supaya nama tuan yang ada dalam Motion ini di-buang dan digantikan dengan nama Yang Berhormat Enche' K. Karam Singh?

Enche' Ahmad Boestamam: Ya.

Mr. Speaker: Siapa sokong? Kalau tidak di-sokong, chadangan ini gugor dengan sendiri.

Enche' Zulkiflee bin Muhammad (Bachok): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong chadangan ini (*Ketawa*).

Mr. Speaker: Kalau tiada siapa yang hendak berchakap. Saya kemukakan pindaan ini sa-bagai di-undi.

Enche' Zulkiflee bin Muhammad: Saya hendak berchakap sadikit, sebabnya bagini, Tuan Yang di-Pertua, apa

yang di-minta oleh Ahli Yang Berhormat dari Setapak tadi ia-lah menyebutkan berkenaan dengan parti-nya sendiri, dan kalau sa-kira-nya Dewan ini mendengar chadangan asal tentulah Ahli Yang Berhormat hendak menyembelih kapada Timbalan Perdana Menteri. Dan mengikut biasa-nya kalah kalau di-undi, tetapi pindaan ini tidak usah-lah kita memikirkan soal Timbalan Perdana Menteri, dan saya perchaya Timbalan Perdana Menteri pun tidak keberatan sebab hal ini soal parti masing².

Tun Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, saya suka terangkan bagi pehak Kerajaan dan saya sendiri tidak ada apa² halangan tentang perkara ini. Jika satu² parti itu hendak melantek orang lain daripada Ketua-nya yang dahulu itu terpulang kapada mereka itu.

Amendment put, and agreed to.

Original Question, as amended, put, and agreed to.

Resolved,

That, in pursuance of paragraph 2 of Standing Order 76, a Committee consisting of the Speaker as Chairman and the following six members of the House, be appointed to serve as the Committee of Selection—

The Deputy Prime Minister.

The Minister of the Interior.

The Minister of Health and Social Welfare.

Enche' V. Manickavasagam.

Enche' K. Karam Singh.

Dr. Burhanuddin bin Mohd. Noor.

PUBLIC ACCOUNTS COMMITTEE

Appointment of Chairman

The Minister of Finance (Enche' Tan Siew Sin): Mr. Speaker, Sir, I beg to move—

That the Honourable Enche' Ahmad bin Mohamed Shah S.M.J., be appointed Chairman of the Public Accounts Committee.

Standing Order No. 77 requires this House to appoint at the beginning of each session a Public Accounts Committee and also to appoint its Chairman. The other members of the Committee will in due course be appointed by the Committee of Selection.

My Honourable friend, Enche' Ahmad bin Mohamed Shah, was the Chairman of the Committee during the last session, and I am sure the other members of the Committee will agree with me that the Honourable Member has during that period discharged the extra and onerous duties placed on him with ability and merit. In proposing his re-appointment for another session, I am confident that the good work that he has done and the experience gained by him during that period will be put to greater advantage during the current session.

The Committee's task is to examine the accounts of the Government in the light of observations made by the Auditor-General to ensure that public funds are expended and accounted for in the manner approved by Parliament and in this context therefore the choice of the Chairman is an important one. I have no doubt that my Honourable friend, Enche' Ahmad will once again ably shoulder the responsibilities placed upon him.

Enche' Ahmad has indicated his willingness to serve as Chairman again and we are grateful to him for his past services and for agreeing to serve again.

Sir, I beg to move.

Tun Abdul Razak: Sir, I beg to second the motion.

Question put, and agreed to.

Resolved,

That the Honourable Enche' Ahmad bin Mohamed Shah S.M.J., be appointed Chairman of the Public Accounts Committee.

THE YANG DI-PERTUAN AGONG'S SPEECH

ADDRESS OF THANKS

Dr. Lim Swee Aun (Larut Selatan): Mr. Speaker, Sir, I beg to move,

That an humble Address be presented to His Majesty the Yang di-Pertuan Agong as follows—

“Your Majesty,

We, the Speaker and Members of the Dewan Ra'ayat of the Federation of Malaya in Parliament assembled, beg leave

to offer Your Majesty our humble thanks for the Gracious Speech with which the Third Session of the Parliament has been opened."

Sir, I am deeply conscious of the honour bestowed on my constituency of Larut Selatan and on myself by this House in choosing me to move this humble Address a second time two years in succession, and I take this opportunity to say how happy and grateful we are. I have spent several nights—very happy nights—trying to find out why I have been so honoured again. I cannot flatter myself that I make good speeches; nor can I flatter myself that I have been an outstanding backbencher who has been a thorn in the sides of the Opposition. At best I may probably have been a mere pinprick in the tougher hides of some of the Members.

Debates in this House have on occasions been heated, and, Mr. Speaker, your patience must have been sorely tried. But you have been very capable and have ably streered this House to cooler atmospheres. I am confident all Honourable Members must welcome the warm compliment His Majesty has paid us when he said in his Gracious Speech that—

"I am very much impressed by the increasing personal friendliness, in spite of differences of political views, between members of the Government and members of the Opposition both within and without the precincts of Parliament. Such conduct is most becoming and indicates the high standard of our concept of Parliamentary democracy. This augurs well for the future well-being of this country."

Sir, perhaps the achievements in my constituency have earned me this honour to move this humble Address. In marked contrast to the Peoples Progressive Party's constituency in Menglembu, where the Honourable Member—who unfortunately is not here this morning—has admitted that terror and fear grip the people, Taiping, an Alliance constituency, is, as all of us must know, the town of the Great Peace. It is the home of harmony where citizens of all races live, work and play together. This perfect understanding amongst the peoples of all the races is the result of the fair, just, progressive and benevolent government

of the Alliance. The Alliance Government has been so popular and so effective that on the 12th of April this year when nominations to the Taiping Town Council were called, 11 out of the 15 Alliance candidates were returned uncontested (*Applause*). The remaining 4 seats are being contested by disgruntled individuals called Independents.

Enche' Zulkiflee bin Muhammad: On a point of order under S.O. 36 (1)—is the matter relevant, Sir?

Mr. Speaker: Please proceed.

Dr. Lim Swee Aun: Thank you. I have just said that the four seats are being contested by disgruntled individuals called Independents, but public opinion indicates that in all probability the Alliance will win all the four seats. As I have been interrupted by an Honourable Member from the P.M.I.P., I would take this opportunity to report that of the four independents, none came from the P.M.I.P. Let me hasten to add that the Alliance is a democratic party, and as such, we welcome a healthy and intelligent Opposition.

I am sure I am expressing the admiration of the House and also of the country at the great sense of duty of His Majesty when he pledged himself, with the Raja Permaisuri Agong, to serve the people of the Federation of Malaya and with God's guidance to uphold to the best of their ability the principles of democracy and constitutional rule. We are very proud of the great interest His Majesty has taken in the administration of the country and in the welfare of the people.

We all seek to promote a balanced social and economic development in both the urban and rural areas and to attain a reasonable standard of living for all our people. We are impressed by the magnitude of the Government's Second Five Year Plan. But what is more important: we are also sobered by the words in the Gracious Speech which says—

"There is no short cut to the attainment of progress and development other than hard work, thrift, devotion and sacrifice by everyone in this country."

Sir, I am happy to report that rural development in my constituency has so far been a success. The Honourable the Minister of Rural Development has paid us a compliment when he visited us and has said that Larut and Matang is perhaps one of the best Districts in the Federation. (*Laughter*). Due credit must go to our energetic, hard working and efficient District Officer, Enche' Ahmad bin Yunus. Credit must also go to the members of the District Rural Development Executive Committee, but greater credit must go to the kampong people themselves who have acquired a new spirit, a sense of dedication, to improve their own standard of living. They have realised that God helps those who help themselves; and they will succeed if they work hard and toil hard.

Sir, we welcome the improvement in the field of land alienation by the Government and the Government of the States. The 23 land development schemes established by the Federal Land Development Authority throughout the country will provide land for the landless citizens of this country, both Malays and non-Malays. Let us hope that in living, working and playing together in these newly created communities, the future true Malayans will be born.

Great emphasis has been put on the efforts to increase production in all avenues of agriculture and industry. But as ours is a primary producing country, whose economy is largely dependent on the export of a few primary commodities, the Gracious Speech reflects our need for the adoption of practical international measures to achieve the greatest stability in the prices of these commodities. This will be of mutual benefit to the consumers and to the producers.

Whilst we cannot presume to teach other countries, to educate ourselves is certainly our duty. It is certainly a comfort to note that Teacher Training will be expanded to deal with the increasing school population. We cannot afford to sacrifice quality for quantity. We welcome the intention of Government to establish an autonomous National University in 1962 in Kuala

Lumpur. The country looks forward with great expectations to the birth of a Faculty of Medicine in this our new University in 1962. We trust that attendant midwives in the Ministry of Education and the Ministry of Health will work in harmony and in co-operation so that the much needed baby will be delivered on time. Postponement of the date means prolonging the agony of doctor shortage in the Government Service.

In the field of international relations, we are proud to note that the Government will continue to pursue an independent foreign policy designed to contribute towards the promotion and maintenance of world peace and prosperity based on the principles and purposes of the Charter of the United Nations. That Malaya respects human rights has been amply proven in our firm stand on the policy of apartheid.

Sir, in great humility, we thank His Majesty for the Gracious tribute he has paid us, the people of Malaya, for having lived together in peace and harmony in the spirit of true nationhood in spite of the fact that we are comprised of different races, creeds and religions. Thank you. (*Applause*).

Enche' Abdul Ghani bin Ishak (Malacca Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong atas chadangan yang di-datangkan oleh sahabat saya Ahli Yang Berhormat dari Larut Selatan untuk menguchapkan tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas titah uchapan-nya yang telah sama² kita dengar baharu lepas sa-malam. Kapada seruan uchapan daripada Seri Paduka Baginda nyata-lah kapada kita bahawa Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu sekarang ini sedang bersunggoh² untuk memajukan bagi menaikkan taraf hidup ra'ayat negeri ini atau pun untuk memajukan ra'ayat-nya sa-bagaimana yang ter-kandong dalam uchapan² yang sama² kita dengar sa-malam. Satu daripadanya ia-lah untuk menyamakan keadaan hidup ra'ayat di-bandar dengan di-luar bandar. Bagi pehak diri saya sendiri dalam kawasan saya Melaka Utara juga boleh di-katakan seluroh dalam negeri

Melaka perkara yang telah di-jalankan oleh Kerajaan bagi menaikkan taraf hidup ra'ayat kita di-luar bandar telah nampak bertambah, telah nampak tumboh dan insha' Allah sa-kira-nya uchapan² yang di-keluarkan untuk mengharapkan keamanan, untuk mengharapkan bekerjasama dalam masa yang akan datang maka dapat-lah buah itu atau pun hasil-nya sama² kita kechap sadikit masa lagi pada masa yang akan datang.

Bagaimana-kah ria-nya atau riang-nya kami di-luar bandar sekarang ini sa-bagaimana biasa yang telah di-dapat lama dahulu oleh orang² di-luar bandar. Saya rasa ta' dapat-lah di-gambarkan dengan uchapan atau pun di-gambarkan dengan kata² melainkan kita sekarang di-luar bandar sedang menuju pada kebaikan taraf hidup kita, kerana kemudahan yang sedang sampai di-luar bandar itu ada-lah memimpin kita kepada fahaman yang gemilang. Kita sekarang di-luar bandar telah dapat kesenangan berkenaan dengan menguruskan hal² kesihatan, umpama-nya beberapa banyak clinic atau sub-clinic yang telah di-dirikan di-kawasan² luar bandar. Dengan ini saya rasa kalau sa-kira-nya dalam masa sadikit masa lagi sa-bagaimana yang terkandong dalam uchapan Seri Paduka Baginda ia-itu dalam Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua di-jalankan maka akan tersibar-lah kapada seluroh akan benda yang sangat mustahak itu pada ra'ayat semua. Sa-kira-nya kesihatan orang di-luar bandar juga dalam bandar sa-bagaimana yang terkandong dalam uchapan baginda itu maka saya rasa negeri kita akan maju kerana ra'ayat yang sentiasa berusaha dengan giat-nya di-samping gembira dan riang bagi mencapai tujuan masing².

Dalam hal ini saya minta-lah pada Ahli² kita, Ahli² Parlimen ini juga pada semua ra'ayat supaya berchakap atau pun berbahath dalam maksud yang kita tujukan sekarang ia-itu mencapai kema'amoran, kemajuan dan keamanan negeri kita ini dengan sa-benar-nya. Perkara ini, saya suka memberi tahu pada Dewan ini ia-itu ada berlainan chakap di-luar daripada Dewan ini, mithal-nya mereka menggelapkan tujuan yang sa-benar-nya daripada

ranchangan yang di-jalankan oleh Kerajaan dengan mana Kerajaan meng-adakan ayer paip di-kampung², membuka jalan di-kampung², mendirikan balai² raya dan lain². Ini ta' lain dan ta' bukan ia-lah tujuan yang sa-benar-nya untuk menaikkan taraf hidup ra'ayat kerana kesusahan dalam hal yang telah berabad² atau yang telah lama dahulu itu patut-lah di-rombak dengan chara yang bagini, kalau tidak ada sampai ka-kampung, sampai ka-desa bagaimana-kah buah² atau hasil² boleh di-jual kerana kenaikan atau kenderaan tidak ada, atau tidak sampai ka-sana. Bagaimana-kah ra'ayat itu sihat atau sempurna sa-kira-nya ayer di-sasuki tempat itu katakan-lah satengah² pemimpin dari parti politik itu mengatakan bawaha paip ayer ini akan memberatkan tanggongan ra'ayat, pada hal ayer yang di-beri itu ada-lah ayer yang menjamin kesihatan ra'ayat seluroh kampung. Maka saya rasa perkara ini patut-lah sama² kita mengambil berat atas Titah uchapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk pembinaan negara kita dan ini bukan-lah kerana kepentingan kita hidup dalam segi ideology kita sendiri, tetapi hendak-lah kita memandang keselurohan-nya kapada kepentingan ra'ayat, terutama sa-kali kerana kita hidup sekarang dalam zaman negeri kita mencapai kemajuan—wakil ra'ayat atau ra'ayat-lah yang memang berharap kemajuan dan kapada kemajuan itu kita tidak mahu menghabiskan masa kita. Maka apa-kah yang dapat kita berikan kapada ra'ayat yang kita harapkan ra'ayat kita dapat maju dalam negeri ini. Dalam soal ini ada ter-kandong dalam titah uchapan yang menyatakan meminta kapada kita semua yang berkenaan dalam Persekutuan Tanah Melayu ini supaya bekerjasama di-antara satu sama lain, mithal-nya ranchangan pemberian tanah. Di-Melaka mithal-nya, walau pun bukan dalam kawasan Melaka Utara ia-itu pembahagian tanah kepada ra'ayat di-Kemendor yang di-jalankan oleh Perikatan menerusi F.L.D.A.

Saya rasa atau pun apa yang telah saya lihat ranchangan ini sangat memuaskan hati, kerana kerjasama yang di-dapati di-antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan

ada-lah paling penting untok memaju-kan perkara ini. Kalau dalam soal ini kita tidak dapat laksanakan dan kalau kita tidak dapat persamaan yang benar² dalam ranchangan untok kemajuan tanah ini, saya rasa walau bagaimana pun chita² kita untok menaikkan taraf hidup ra'ayat kampung akan lambat atau pun tidak dapat kita sampaikan dalam jangka yang kita pandang dan yang kita kehendaki sekarang.

Sa-perkara lagi yang hendak saya chakapkan dalam Dewan ini ia-itu sa-kira-nya kita nampak dengan terang keadaan kemajuan dalam Persekutuan Tanah Melayu daripada segala segi, umpsama-nya, dalam hal perniagaan dan perusahaan kita nampak dalam negeri ini sekarang telah di-mulakan zaman perkembangan dalam hal perusahaan dan perdagangan ini, kerana keadaan negeri kita ini aman dan keadaan mata wang-nya baik dari segi antara bangsa; maka banyak-lah lapangan boleh di-adakan yang dapat di-jalankan oleh saudagar² atau pun anak negeri ini sendiri yang bersama² meranchangkan hal yang saya sebutkan ini.

Maka nyata-lah kapada kita ia-itu apa yang kita kehendaki pada masa yang akan datang tidak lebuh dan tidak kurang hendak-lah kita bersama² menjaga keamanan negeri kita supaya ranchangan yang akan memberi buah pada sadikit masa yang akan datang dapat di-sampaikan dan kita kechap bersama dalam negeri yang muda ini.

Tuan Yang di-Pertua, sa-kian-lah sahaja perchakapan saya.

Dr. Burhanuddin bin Mohd. Noor (Besut): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyertai dan menyokong usul yang di-bawa oleh Yang Berhormat Dr. Lim Swee Aun kerana memberi uchapan kapada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah melafadzkan Titah uchapan di-Raja kapada kita di-Dewan Tunku Abdul Rahman. Kita telah bersama² mendengar uchapan yang telah di-lafadzkan oleh Baginda itu, tetapi kerana ada beberapa perkara yang berkenaan dengan kawasan saya sendiri dan juga di-kawasan yang lain yang saya tahu perkara² yang perlu saya sebut dan memberi pandangan

dan shor yang saya fikir bahawa itu-lah yang akan menjadikan uchapan Duli Yang Maha Mulia itu akan mengisi isi yang lebuh tepat lagi kapada tujuan²-nya dan sa-kira-nya tidak disebut mungkin-lah akan kechewa yang berkepanjangan kedudukan kehidupan ra'ayat.

Tuan Yang di-Pertua, di-antara perkara² yang hendak saya sebutkan ia-lah berkenaan dengan Ranchangan Kemajuan Lima Tahun Yang Kedua yang akan memakan belanja \$5,000 juta ini ada-lah perbelanjaan yang besar dan mempunyai tujuan² yang besar. Tuan Yang di-Pertua, kita telah melalui ranchangan lima tahun yang pertama yang telah pun kita bahathkan dalam persidangan Belanjawan yang sudah, dan telah banyak-lah Ahli² Yang Berhormat dalam Dewan ini memberi pandangan bagaimana kechewa-nya ranchangan lima tahun yang pertama itu. Dan dengan kita menghadapi ranchangan lima tahun yang kedua ini jika tidak di-ator dengan rapi dan kemas maka ranchangan² ini juga akan berlaku saperti keadaan ranchangan yang lima tahun yang pertama itu. Dalam ranchangan lima tahun yang pertama yang telah kechewa itu, maka dalam ranchangan lima tahun yang kedua ini kita dapat ada beberapa perkara yang perlu sa-kali kita perbaiki ia-itu berkenaan dengan kewangan \$5,000 juta yang bagini besar ini. Dalam ranchangan yang sudah ketara bahawa tidak ada satu sistem, tidak ada satu peratoran membahagi perbelanjaan² itu dengan sama rata kepada sa-buah negeri dalam Persekutuan Tanah Melayu ini. Hal itu ada-lah disusun dengan chara bagaimana-kah perjalanan-nya, maka hal ini di-rasai benar oleh negeri² Kelantan dan Trengganu yang mana dalam perbahathan Belanjawan yang lalu berkenaan dengan Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua ini saya sendiri telah menyokong atas dasar ranchangan kemajuan ini. Tetapi saya suka mengingatkan bahawa ranchangan ini ada-lah negeri yang sangat berhajat kapada kemajuan ia-lah negeri di-Pantai Timor saperti negeri² Kelantan, Trengganu dan Pahang. Maka dengan sebab tidak ada pembahagian yang tertentu, kerana sentimen politik sa-bagaimana yang selalu

kita dengar dan ketara di-dalam siaran² surat khabar manakala Menteri² Perikatan melawat ka-Pantai Timor telah menimbulkan perasangka yang mengugut keadaan² pembahagian ini. Saya rasa dalam ranchangan kemajuan lima tahun ini perlu sa-kali di-tentukan sa-bagaimana menentukan "capitation grant" Kerajaan Persekutuan kapada tiap² negeri, maka bagitu juga-lah perlu di-adakan pembahagian yang sama rata dalam tiap² negeri itu untuk mengelakkan sa-barang perasangka yang tidak baik yang mungkin terjadi sa-bagaimana ranchangan lima tahun yang pertama itu.

Demikian juga dalam beberapa perkara yang telah kedapatan dalam pembahagian pegawai². Dalam kita mengadakan ranchangan lima tahun maka pegawai² M.C.S. selalu di-tukar² kan, baharu² ini dalam kawasan saya bahawa saya sendiri menyaksikan sedang mereka bekerja menyusun ranchangan²-nya dengan elok kemudian di-tukarkan pula dengan satu orang baharu dan manakala orang baharu itu datang terpaksa-lah pula menyemak kembali dan mengambil masa yang lama pula untuk membuat pekerjaan itu. Jadi ini ada-lah menambahkan lambat lagi bukan menambahkan cepat. Bukan-kah baik kalau dalam lima tahun itu pegawai² itu di-tetapkan bertanggong-jawab supaya dapat-lah pekerjaan mereka beres dan lancar terus-menerus. Sa-perkara lagi dalam pembahagian² itu mesti-lah merupakan satu² kemajuan dan pembinaan. Mithal-nya dalam pembahagian yang pertama Jambatan Dungun mithal-nya termasuk dalam ranchangan tahun yang pertama. Tetapi perkara itu telah tidak di-bena di-dalam tahun yang pertama dan akan masok pula kapada ranchangan yang kedua atau tahun yang kedua.

Jadi dengan pembahagian² yang tidak tentu itu mungkin juga mithal-nya Jambatan Dungun itu tidak berjalan dan tidak di-bena dalam ranchangan tahun yang kedua itu. Sa-patut-nya dalam perkara pembahagian kerja itu sa-kira-nya hendak di-jalankan dalam tahun yang pertama maka hendak-lah di-jalankan dalam ranchangan yang pertama itu juga. Saya sendiri rasa

sangat kechewa, mithal-nya dalam pembahagian kesihatan, di-Besut penduduk²-nya ada lebeh kurang empat puloh lima ribu, ada hospital tetapi kurang doktor. Ini ada-lah rasa yang sangat di-kesalkan dan rasa kechewa ra'ayat di-sana, dalam masa meshuarat belanjawan bulan April yang lalu saya sendiri telah meminta pada Menteri Kesihatan supaya menghantar doktor di-sana, tetapi sampai-lah sekarang tidak ada lagi doktor di-hospital itu dan di-sana sa-hingga sekarang, Tuan Yang di-Pertua, orang² hendak pergi haji terpaksa pergi jauh ka-Kuala Trengganu kerana mengambil surat rasmi untuk pergi haji. Ini-lah chontoh² yang berlainan daripada kemajuan² yang kita baca dan kita dengar dari-pada uchapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Berkenaan dengan ranchangan kemajuan itu bagaimana saya telah sebutkan tadi memang pada dasar-nya Persatuan Islam Sa-Malaya itu menyokong atas kemajuan ranchangan itu dan kemajuan yang baik bagi kebajikan ra'ayat. Tetapi ranchangan² itu bagaimana yang telah timbul kita baca dalam surat² khabar daripada apa yang telah di-siarkan uchapan² Menteri Perikatan melawat ka-Pantai Timor itu sa-olah² Persatuan Islam ini menolak ranchangan kemajuan, pada dasar-nya saya telah katakan bahawa kita ber-setuju menyokong, pada perkara yang menjadi pertelingkahan itu ada-lah bagaimana ada di-sebutkan dalam Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong menyebut negeri Trengganu dan Kelantan dengan sebab berkaitan dengan undang² tanah yang di-fikirkan ranchangan itu supaya di-terima bulat² bagaimana kehendak Perikatan, tetapi itu ada-lah berlawanan dengan kepentingan² undang² yang telah di-adakan dalam negeri dan pehak Persatuan Islam Sa-Malaya ini ada-lah bersunggoh² hendak mempertahankan kepentingan ra'ayat negeri Kelantan dan Trengganu dan jika sa-kira-nya di-terima sahaja bulat² maka tentu-lah akan mengechewakan undang² negeri itu dan juga pehak ra'ayat Trengganu dan Kelantan.

Sa-perkara lagi ada di-sebut di-dalam uchapan Seri Paduka Baginda

Yang di-Pertuan Agong tentang orang asli. Saya fikir, Tuan Yang di-Pertua, itu pun boleh mengelirukan di-antara orang asli dengan kita bangsa Melayu. Jika perkataan orang asli itu kita bawa maka orang² Melayu ada-lah sama dengan orang² dagang yang menumpang di-negeri kita ini. Jadi harus-lah mendapat perhatian pehak Kerajaan supaya memakaikan nama yang telah sedia ma' alum pada pemakaian orang² Melayu. Di-dalam uchapan itu juga menyebutkan untuk membukakan lagi penanaman modal luar di-negeri ini saya suka-lah memberikan perhatian kerana kita ini maseh lagi dalam Commonwealth dan kita maseh lagi bagaimana uchapan Menteri Pertanian, yang menerangkan bahawa kemerdekaan kita ini di-dalam ekonomi, di-dalam teknikal maseh belum lepas lagi dalam beberapa keadaan yang terikat, jadi saya berharap dengan chara penanaman modal luar itu tentulah menjadikan negeri kita balek kapada pengaroh capitalist. Kerana dengan besar-nya lagi capitalist luar mungkin-lah kedudukan ra'ayat anak negeri ini bertambah sulit walau pun kita dalam chara hendak membena tetapi ranchangan itu lebuh menguntungkan kapada contractor² dan kapada saudagar².

Dan sa-perkara lagi berkenaan dengan tugu kemenangan angkatan tentera kita, saya suka menarek perhatian dalam tujuan ini supaya pehak pemerintah tidak-lah melupakan anak isteri yang telah di-tinggalkan oleh suami-nya yang telah meninggal itu supaya jangan-lah sampai terbengkalai kedudukan pelajaran anak²-nya dan hal peri kehidupan janda² itu, di-samping itu harus-lah mengadakan penyiasatan yang halus supaya dapat bantuan yang lumbayan pada mereka itu.

Berkenaan dengan siasah luar negeri kita saya rasa kechewa dalam menyebutkan negeri² yang jauh seperti Tibet, Congo ia-itu saperti tambahan tentera² kita ka-luar negeri itu, tetapi saudara² kita yang bersempadan dengan kita ia-itu Siam tidak di-sebutkan pada hal perkara mereka itu ada-lah yang berat dan sulit sa-kali sa-bagaimana yang tersiar dalam surat khabar. Sa-patutnya pemerintah dalam dasar luar

negeri-nya mengambil perhatian dan memberi pertolongan yang dapat bagi melepaskan mereka daripada penindasan saudara² kita di-sana.

Enche' K. Karam Singh (Damasara): Mr. Speaker, Sir, we heard the Gracious Speech yesterday and from the Gracious Speech we have come to know the present approach of the Government to the problems of our country for the coming year. There are parts of this Speech which are very enlightening, but, as in all things, there are defects also in this Speech which we will point out so that the Government can in a spirit of co-operation for the benefit of the people undertake to remove them. Mr. Speaker, Sir, when we point out shortcomings in the Government's policy programme, we do not do so with the purpose of just fault finding, but do so with a view to bringing to the attention of the Government certain vital considerations which must be fulfilled for the welfare of our nation.

Mr. Speaker, Sir, on the first page of the Gracious Speech we find that we have been congratulated on our mature attitude which we have adopted towards our duties in Parliament, and although we are a young nation, we are commended for having been able to uphold the high traditions of democratic government. We are commended for upholding the high traditions of democratic government: we on the Opposition can fully take on that commendation, but unfortunately the Government has fallen short of this commendation, because contrary to the spirit of parliamentary democracy, the Government in the past year embarked on arbitrary arrests of the citizens of our country and trampled upon all principles of parliamentary democracy. The Government has arrested leading members and personalities of our Party. Mr. Speaker, Sir, that is only paying lip service to parliamentary democracy when in practice you seek to destroy by arbitrary and unprincipled arrests an Opposition Party from gaining strength in this country. So, if these words of this Gracious Speech

Mr. Speaker: Order, order! I must point out that this is a subject which

will come under Motion No. 13. If you read Motion No. 13, it says—

"That this House views with great concern the use of the Internal Security Act, 1960, by the Government to arrest and detain twelve Socialist Front Leaders and two trade union workers."

You cannot anticipate the debate on that. I must rule you out on that.

Enche' K. Karam Singh: With great respect, I am only touching generally on the subject of parliamentary democracy. I am not going into that motion at all.

Mr. Speaker: You must not touch on that.

Enche' K. Karam Singh: If we want to respect parliamentary democracy in our country, we must see that members of legally constituted political parties are not subject to arbitrary arrests.

On page 2 of the Speech we find that we are told that—

"The Plan recently approved is a challenge to all of us. We should accept the challenge by making greater efforts and giving our wholehearted co-operation. Joint action, devotion and sacrifice are the pre-requisites to the attainment of a higher standard of living of the people."

Mr. Speaker, Sir, in any programme for the upliftment of the people, you cannot dictate a programme to the people from above. The Government, if it wants to succeed in this Plan, must go to the people and get the ideas of the people and their active participation in this Plan. It should not adopt the attitude of just putting up a plan and asking the people to co-operate with it. The co-operation must come in the planning stages of the Plan so that the ideas and views of the people are also contained in the Plan.

Mr. Speaker, Sir, our Yang di-Pertuan Agong has said in his Speech that he is fully aware of the hardships of his people, particularly those in the kampongs and rural areas in their efforts to better their livelihood and provide for the education of their children. Sir, at no time have the sufferings of our people been so great as at the present moment. We find that the Government has not been effective in raising the standard of living of our people. If we go to the Estates, Mr. Speaker, Sir, we

will find rubber tappers living, or having to live, on \$60 a month. On \$60 a month wages, they have to support themselves, and their families, and have to send their children to school. They find it impossible to make ends meet, and if there is a fall in the price of rubber their position further deteriorates. We would, therefore, ask that positive steps be taken to guarantee a minimum wage to our workers so that, in times of low prices of products, they do not suffer in their livelihood.

Mr. Speaker, Sir, there is one difficulty, one suffering, which does not arise out of the living conditions of the people but it has been created by the Government, and since it has been created by the Government, I call upon the Government to solve this suffering of the people—I refer to the question of the issue of new identity cards. We find, in front of the Sulaiman Building, thousands upon thousands of our citizens—estate folks and kampong folks—coming to get the identity cards, and some of them wait in the hot sun for hours and hours before they are attended to. Mr. Speaker, Sir, it is much easier, it is much more economic, to send Registration Officers to estates and kampons and small towns than to ask thousands and thousands of people to come to the Registration Office. We would ask the Government to bear in mind the inconvenience that has been caused by asking thousands and thousands of our citizens to come to the Registration Offices in the big towns, and to chalk out a programme of sending Registration Officers all over the country—to all estates and villages—so that at appointed times our citizens, who want to have new identity cards, will be adequately attended to.

Mr. Speaker, Sir, on page 3, a certain part of the Gracious Speech reads as follows:

"It is the aim of my Government to make every citizen of this country literate in the national language and to instil in each a sense of consciousness of his civic duties and responsibilities."

Mr. Speaker, Sir, in another part of the Gracious Speech, reference is made to education, which reads:

"In the field of education, my Government has accepted the Report of the Education

Review Committee. The recommendations will be implemented as soon as practicable and a Bill will be introduced in Parliament this year."

Sir, further it says:

"While my Government's ultimate objective is to raise the school-leaving age to 15, it has been decided, for organisational and financial reasons, that this must be done by stages and that during the Second Five-Year Plan period a two-year post-primary course will be established, thus raising the general school-leaving age, in the first instance, by two years to 14. Consideration is being given to the introduction as soon as possible of free primary education and the decision whether this is to be done in 1962 or later will be made when the 1962 Budget is being prepared for presentation to Parliament."

Sir, it is of the utmost urgency that free primary education be introduced at the soonest possible time, because we find that the lower income group in our country, the kampong people, the estate workers and the people living in the New Villages, are unable to provide their children with school fees; they are unable to pay for their bus fares; they are unable to pay for their books, because they do not have enough money. Their earning is not enough to cover all these expenses, and unless the Government takes urgent steps to provide free primary education at the earliest possible moment, we will find that the provision of education to the children of the lower income group will be a heavy burden which they are unable to bear.

Mr. Speaker, Sir, I am not touching on the medium of instruction at the moment, but I wish to say something about education. In the field of education, the policy of the Alliance Government is not only negative, but it is also destructive and harmful not only for our children but for our nation. In the Rahman Talib Report and in the Second Five-Year Plan, we find that there is a restriction of places in secondary schools for all children who pass from primary schools to 30 per cent. Only 30 per cent of children who pass or finish their primary education, will be given places in the secondary schools. Mr. Speaker, Sir, this will mean that 70 per cent of our school children will have their education stopped by the Government at the age of 11, that is, just before they enter

secondary schools. Sir, I do not think any Government which has a feeling of responsibility to the people will punish our young children who are just 11 years old by stopping 70 per cent of them from schooling at this tender age. Mr. Speaker, Sir, what will these children learn at the age of 11 once they are stopped from school? They will forget what little they have learned and in the course of a few years their level of education will be very much reduced. Up to about age of 18, these 11 year-old children will not be able to gain employment. So, Mr. Speaker, Sir, we are faced with the problem that 70 per cent of our 11 year-old children have no schools and they will not be able to work. What will this lead to? This will lead to our young 11 year-old children turning towards crimes. They will become juvenile delinquents. And unless the Government provides secondary education for all children, you will find that they will become juvenile delinquents, and when they grow up they will become fully qualified adult delinquents. This, Mr. Speaker, Sir, is being done not through ignorance but through a policy of an elected Government. These are very disastrous consequences for our children and our nation, because when the older generation passes away, these young children will form the ra'ayat of this country; and when they form the ra'ayat of this country, we will find that 70 per cent of them are quarter—or even less than quarter-educated and the nation that is so little educated will not be able to progress, will not be able to hold its place in the community of nations. So, Mr. Speaker, Sir, we would urge the Government not to follow this negative policy of giving place in secondary schools for only 30 per cent of our children but to make provision for places for every child in our country in the secondary schools.

Mr. Speaker, Sir, the Gracious Speech contains an enlightening statement on the problems of our ra'ayat. It reads:

"In view of the importance of raising the economy of the masses and in order to reduce the handicaps arising from indebtedness, shortage of capital and excessive

dependence on middlemen, my Government will continue to consolidate, encourage and organise the co-operative movement. A successful co-operative movement is one of the principal instruments for the economic uplift of the rural people."

Mr. Speaker, Sir, today we find that our kampong people are poor not because they do not work hard, but because they are not well paid for their produce. We find that they get a very small percentage of the market price for their produce—sometimes it amounts to about ten per cent or even less than that, the lion's share of the value of the kampong produce going to the middlemen. It is indeed a tribute to the Government to be able to acknowledge this problem of the people and we hope that it will receive adequate attention and solution very soon.

Mr. Speaker, Sir, the Speech refers to the production of rubber. It says, "there is need to improve and to maintain the highest standards in the quality of the rubber which we export." Further on, reference is made to the price of tin. As we know, Sir, the production of rubber and tin in our country is largely in the hands of foreign British capital and when the Gracious Speech refers to improving and maintaining the highest standards in the quality of rubber and the production of tin, sometimes it is very doubtful whether the Alliance Government speaks for the interests of our people, or whether the Government is just the mouthpiece for foreign British capitalistic interests. Here again, we come to the problem of economic merdeka for our country. There can be no economic merdeka with our major produce or major commodities tied up in the hands of foreign capitalists, and all planning would be reduced to "nil" if our country does not have any control over its major products.

Mr. Speaker, Sir, the Speech refers to foreign trade. In foreign trade also, we find that the foreign trade of our country is to a major extent controlled by British interests. If we want our country to be fully independent economically, we must see that our country

and its Government take a greater and more active share not only in the control of wealth within our country but also in the management of our import and export trade.

Mr. Speaker, Sir, the Gracious Speech further on reads:

"My Government will continue to attach great importance to public health. The main emphasis will be on rural health and the further expansion of medical and health facilities into the rural areas with the principal aim of further reducing the mortality rate, particularly the maternal and infant mortality rate among the rural people. My Government will continue to press forward with the campaigns for the eradication of malaria and the control of tuberculosis, filariasis and yaws. Emphasis will also be placed on health education and nutrition, particularly in the rural areas."

Mr. Speaker, Sir, this would amount to a passing statement. What we would want to know is, what have been the results, what have been the achievements of the work of the Government in the past in regard to the eradication of malaria and the control of tuberculosis, filariasis and yaws. Unless we are told what were the results achieved, it would not amount to very much when we are just told that the Government will continue to pay attention to the problems. Unless there has been progress made already in the battle against disease, mere statement will not have much significance.

Mr. Speaker, Sir, reference is made to the Employees, Provident Fund. It says:

"The Employees' Provident Fund has now been established for ten years and has been a means of ensuring that employees are guaranteed a reasonable sum with which to provide for their old age."

Sir, the sum that stands to the credit of an employee when he retires at the age of 55 is not very much and it cannot last that person for very many months. It may last, at the most, probably a year or so. What will happen to the old citizen who has stopped work, after his provident fund has been used up by him? This would reveal that there is great social insecurity in our country and the Alliance Government has failed to provide social

security to our people. Any government, any responsible government in this modern age must look after its citizens who are weak, or who suffer due to social reasons. There must be a guarantee of employment; there must be provision of unemployment relief for the unemployed, for their dependants and for the education of the children. There must be provision of sick relief to those of our people who are unfortunate enough to have been sick for long periods.

Mr. Speaker, Sir, we find today there is no provision to protect helpless widows and helpless orphans. It is the duty of the Government to look after its helpless orphans and helpless widows in our country, and we hope that an assurance will be given by the Government that these helpless people will in future receive adequate support from the Government.

Mr. Speaker, Sir, I now come to old-age pensions. We find that certain Government servants in our country today are guaranteed pensions when they retire, but they form only a very small proportion of the people of our country. Our Government must guarantee and provide to every citizen a pension in his or her old age, Sir, so that there is no suffering among our old citizens. They should have enough to eat, enough to wear, have a roof over their heads, and they should not be unduly harrassed by poverty in their old age.

Mr. Speaker, Sir, in another part of the Speech it reads:

"In order to commemorate the successful termination of the Emergency and to record this country's appreciation of the sacrifice and service of the security forces and of those who bore their part in the campaign, the Government intends to erect a worthy monument depicting the victory of our forces over the enemy and the triumph of democracy over communism It is the intention of my Government, which is providing approximately half this sum, that the people of this country should be given an opportunity of showing their tangible appreciation of its historic significance by making their contribution towards this permanent record of the glorious services of our Security Forces, the Commonwealth Forces and the civilian population."

Mr. Speaker, Sir, if there is a monument to the Commonwealth Forces, which was an army of occupation in our country and which attempted to re-colonise Malaya again after World War II, I think that that monument would not be a monument to our honour but would be a monument to our shame; and if we erect a monument to the Commonwealth Forces who fought in our country, it would show the prevalence of the colonial mentality among the members of the Government. If we want to erect a monument, Mr. Speaker, Sir, we must erect it to those who fought so that this country could be free. We must attach the correct historic significance and must not just erect a monument to an army which sought to reduce our country again into a colony of the British. Mr. Speaker, Sir, we find that the Government wants to erect a monument to members of our Security Forces who fell during the Emergency. I remember, during our last Hari Raya, the Deputy Prime Minister made a broadcast in which he asked the people of this country not to forget those of our Security Forces and those of our people who died during the Emergency. But, Mr. Speaker, Sir, it is one thing to remember those who died, and another thing the way this Government is treating those who did not die. We find that those among the Security Forces who did not die had borrowed the paltry sum of \$1,000 or \$1,500—those who had served under the British and under the Alliance Government had been lent these small sums of money at the end of their services. But what did we find happening to these people who did not die in the Emergency? We find that the Government is prosecuting and persecuting them—attaching their houses, attaching their sewing machines, attaching their motor cycles, and locking them up in the civil prisons for having failed to pay up these small sums. It would be very strange for the Government to pay lip service to those who died and then show ingratitude to those who did not die. This is a very widespread problem and we hope that there would

be no more sufferings at the hands of the Government to these people who today are still alive after having fought in the Emergency. The feeling among these people is that they had been tricked first by the British and then by the Alliance Government, and that they had been made to fight in the Emergency under false promises.

Mr. Speaker, Sir, in the field of foreign policy, we find reference has been made to West Irian, to Congo, to South Africa, to Tibet, to Laos, and to the People's Republic of China. Mr. Speaker, Sir, there are other problems in the field of international politics which demand the urgent attention of our Government. We find that in Kenya the people of Kenya want their great leader Jomo Kenyatta to be free. But the British Government is refusing to free Jomo Kenyatta. Mr. Speaker, Sir, we are in the Commonwealth and Malaya has the right to tell the British Government to release this beloved leader of the Kenyan people so that the Kenyan people will be able to participate fully in their own affairs and in the affairs of the world. Mr. Speaker, Sir, we hope that our Honourable Prime Minister, who has fearlessly fought against apartheid, will equally fearlessly fight for the release of this great African leader, Mr. Jomo Kenyatta.

Today we find in Angola that after five centuries of oppression at the hands of the Portuguese, the people of Angola are fighting for their freedom. We would ask that our country fully support the demand for independence by the ra'ayat of Angola, and not only support by word of mouth but we must support them fully by material and other means. And we can co-operate with the Bandoeng countries—with the Afro-Asian nations—in asking for the full freedom of our African brothers who have been oppressed for five centuries by the Portuguese. Mr. Speaker, Sir, independence has no meaning if it is independence only for our country. There must be a link of independence in every country of this world encircling this world, and we will serve humanity by fighting and supporting the cause of freedom for Angola

and we—our nation and our people—will have the proud privilege of having fought for, and assisting to freedom, the people of Africa, and we will gain the friendship and love of the people of Africa if our Government stands wholeheartedly and four-square behind the people of Angola in their struggle for independence. That is all I have to say.

Enche' Othman bin Abdullah (Tanah Merah): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun ia-lah menyertai uchapan terima kaseh kapada ke-bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam uchapan-nya dalam Parlimen yang telah di-sampaikan oleh Baginda di-kedua² buah Dewan Parlimen ini. Yang sangat menarek perhatian kita dalam kese-lurohan uchapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong itu ia-itu telah membayangkan dalam Titah Baginda:

"Beta sangat² tertarek hati di-atas perasaan muhibbah yang bertambah² baik di-antara ahli² pehak Kerajaan dan ahli² pehak pem-bangkang, baik di-dalam Dewan ini mahu pun di-luar sunggoh pun mereka itu mem-punyaï fahaman siasah yang berlain²an, Sikap yan[;] sa-umpama itu sangat-lah elok dan menunjukkan bahawa kita chukup faham akan demokrasi sa-chara berparlimen."

Ini-lah uchapan Baginda yang sangat menarek perhatian kita sa-bagai orang² yang di-beri tanggong jawab oleh ra'ayat melalui demokrasi, melalui suara² ra'ayat dan bagi saya sendiri dapat-lah menekan-kan sa-bagaimana Titah Baginda itu bahawa ra'ayat negeri ini chukup faham atas dasar demokrasi. Fahaman pada ma'ana demokrasi dan berchakap dalam soal demokrasi tentu-lah kita tidak mahu berpura² dan tidak mahu main songlap mata atau main mata gelap di-dalam mengamalkan demokrasi dalam negeri ini. Tuan Yang di-Pertua, kalau kita membuat satu penyelidekan daripada amalan dan perbuatan dari Titah uchapan Baginda ini nyata-lah bahawa yang di-uchapkan oleh Seri Paduka Baginda itu kita junjung tinggi sa-bagai Yang di-Pertuan Agong dalam negeri kita yang menjadi simbol perpaduan ra'ayat bagi ra'ayat Perse-ku-tuan Tanah Melayu. Kalau kita pergi membuat satu penyelidekan dalam amalan-nya, maka ternyata-lah

kemelesetan yang sangat jauh, kemelesetan saya katakan bahawa bertambah² baik di-antara ahli² pehak Kerajaan dan ahli² pehak pembangkang, baik di-dalam Dewan ini mahu pun di-luar yang di-jangka dapat di-amalkan dengan sa-baik²-nya itu sa-benar-nya sudah merupakan satu kerunchingan politik, merupakan pertarongan politik dan merupakan satu perjudian. Apa-kah amalan yang dilakukan itu dapat memberi keuntungan kapada ra'ayat negeri ini atau tidak memberi keuntungan? Dalam semua hal keamanan-lah yang hendak kita pertahankan, kita mahu keamanan dan kita hendak mempertahankan keamanan itu, dan daripada keinginan itu timbul undang² supaya kita menjaga sa-barang anasir subversive masuk ke dalam negeri ini, sa-barang kerja² yang boleh menimbulkan pertumpahan darah dan sa-barang chakap² yang membangkitkan perasaan ber kaum, bernegeri dan berfahaman politik, kerana kita tahu bahawa pertumpahan darah atau pun kehanchoran kesusilaan dan tata tertib hidup ra'ayat dalam negeri ini tidak akan sadikit pun memberi keuntungan kapada ra'ayat, sa-lain daripada keuntungan itu di-beri dan di-perdapatkan oleh tokoh² politik yang hendak mempertahankan kedudokannya sa-bagai "orang besar". Kita tidak mahu, Tuan Yang di-Pertua, menjadikan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertua Agong ini sa-bagai satu alat "microphone" yang menyampaikan suara ilham, menyampaikan suara perdamaian kapada seluoroh ra'ayat, sedang Kerajaan sendiri yang memegang teraju Kerajaan pada hakikat-nya sa-banyak sadikit telah menyentoh keamanan negeri ini sendiri pada asas-nya.

Tuan Yang di-Pertua, memahami ma'ana demokrasi ini tentu-lah kita tahu bahawa demokrasi telah memberi kapada kita kebebasan berchakap, tetapi, tidak-lah bererti bahawa kebebasan berchakap itu menjadikan tiap² sa-orang itu berchakap apa yang ia mahu sa-hingga menghilangkan akal, budi, bahasa dan 'adat diri-nya sendiri, terutama sa-kali, Tuan Yang di-Pertua, saya terpaksa berchakap dan menyatakan dalam Dewan ini dengan rasa yang amat dukachita bahawa apa yang

di-nyatakan oleh Seri Paduka Baginda itu telah meleset. Kemelesetan yang saya katakan ini ia-lah timbul daripada beberapa orang Yang Berhormat² Menteri Kerajaan, yang pada waktu yang akhir ini telah melawat Pantai Timor yang telah pun menunjukkan perasaan yang muhibbah dan kaseh sayang di-antara Menteri² itu dengan ra'ayat Pantai Timor. Perasaan muhibbah ini bukan-lah menimbulkan persahabatan yang baik dan ulor tangan kaseh mesra, tetapi menyampaikan muhibbah supaya ra'ayat dalam negeri itu mengadakan "demonstration" mengadakan gerakan² dan mengadakan kesatuan² yang boleh kita katakan sebagai satu anasir subversive. Tujuannya ia-lah kerana hendak menjatohkan satu Kerajaan yang sah mengikut demokrasi. Tuan Yang di-Pertua, tidak ada dalam undang² demokrasi negara ini yang tidak mahu mengakui sa-suatu negeri, sa-suatu negara yang telah di-pileh oleh ra'ayat melalui dasar demokrasi.

Apa yang saya dengar dan apa yang kita dengar ia-itu Yang Berhormat Menteri Keselamatan Dalam Negeri—yang ada di-hadapan saya ini—ia gelak—telah menimbulkan chakap² yang saya rasa boleh menimbulkan sa-suatu yang tidak di-ingini, sa-suatu yang tidak sama sa-kali terlintas dalam fikiran kita, beliau sa-bagai Menteri Keselamatan Dalam Negeri walau pun kedatangan-nya ka-Pantai Timor sa-bagai sa-orang pemimpin parti politik, tetapi mahu tidak mahu beliau terpaksa mengaku bahawa beliau ada-lah sa-orang Menteri yang bertanggong jawab menjaga keamanan dalam negeri ini.

Sa-patut-nya, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat itu datang ka-negeri Pantai Timor hendak-lah menyatakan kapada ra'ayat negeri ini supaya ra'ayat negeri itu berbaik² di-antara satu sama lain tidak menghasut, tetapi yang saya dengar, Tuan Yang di-Pertua, Menteri itu telah menghasut, Menteri itu telah mendorongkan semangat ra'ayat supaya keluar beramai² pergi di-hadapan rumah Menteri Besar supaya ia memberikan segala janji²-nya, kalau tidak jangan pulang. Tuan Yang di-Pertua, sa-orang Menteri yang menjaga keselamatan dan yang menjaga

keamanan dalam negeri ini telah menghasut dan hasil² daripada hasutan-nya itu telah nampak berjaya, telah nampak pehak² orang² yang tidak bertanggong-jawab itu telah berdiri di-belakang-nya dan telah berani men-chuba melemparkan batu ka-motorkar² daripada Ahli² Yang Berhormat di-sini. Mereka itu berani berbuat demikian kerana jaminan daripada Menteri itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Menteri itu bertanggong-jawab dan sanggup menyelamatkan sa-suatu per-gadohan dalam negeri Kelantan dan Trengganu itu kalau berlaku? Sanggup-kah Menteri itu menghisap dan meminum darah yang keluar daripada timbul-nya perkataan yang tidak bertanggong-jawab itu. Sanggup-kah, Tuan Yang di-Pertua, Menteri itu menghilangkan rasa salah faham bagi ra'ayat. Ini-lah satu perkara yang amat di-kesalkan. Tuan Yang di-Pertua, Menteri itu chuba membakar jiwa ra'ayat, kami juga boleh membakar jiwa ra'ayat dan kami sanggup mem-buat perarakan, tetapi apa-kah untong-nya kapada ra'ayat, apa yang akan jadi ia-lah huru-hara dalam negeri yang akan menjadikan anak kehilangan bapa, dan orang² yang tidak berdosa juga akan di-bawa ka-dalam mah-kamah.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, di-dalam soal memahamkan demokrasi itu sekarang saya nyatakan bahawa kami sanjong tinggi apa yang telah di-titahkan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong supaya kita berbaik² di-antara satu sama lain. Tetapi bagi saya sendiri dan bagi Persatuan saya biar-lah kita ini sa-bagai bapa kapada ra'ayat, bapa yang layak memimpin ra'ayat dan menun-jokkan sa-suatu sikap yang baik. Apa yang saya dengar bahawa Yang Berhormat itu telah berkata di-dalam majlis perhimpunan di-Pantai Timor itu bahawa ra'ayat Kerajaan Pas tidak mahu memberikan kerjasama-nya dengan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dengan alasan bahawa keda-tangan beliau itu tidak di-berikan sambutan. Kalau hendak di-sebut soal sambutan itu, Tuan Yang di-Pertua, bahawa Kerajaan Pas negeri Kelantan

itu menurut yang telah di-fahamkan telah berikhtiar sa-berapa boleh sa-hingga pada akhir-nya menghantar taligram kapada Kementerian Luar Bandar dengan tujuan dan hasrat dari-pada kedatangan para² Menteri ka-Pantai Timor itu supaya Kerajaan Kelantan dapat memberikan penghor-matan yang sa-tinggi²-nya, bukan ka-pada pemimpin² Perikatan, tetapi memberikan penghormatan kapada Menteri Persekutuan Tanah Melayu yang kami akuï mengikut dasar demokrasi, kami akuï mereka menjadi Menteri kami bukan daripada parti Perikatan dan orang² dalam negeri Kelantan sa-bagai satu daripada negeri dalam Persekutuan Tanah Melayu ingin hendak bertemu dan berama-tamah dengan Timbalan Perdana Menteri sa-laku Menteri Pembangunan Luar Bandar dapat membukakan benda² dan perkara² yang mustahak dalam ranchangan Kementerian Luar Bandar. Tetapi kami dapat tahu jawapan yang di-dapati oleh Kerajaan Kelantan bahawa Menteri Pem-bangunan Luar Bandar itu telah menolak sama sa-kali segala permin-taan dan layanan yang akan di-berikan kapada Kerajaan Kelantan.

Saya harap hendak-lah kita mema-hamkan betul² dasar demokrasi itu, biar-lah kita mengamalkan-nya pula. Datang-lah sa-sabuah negeri itu baik negeri itu di-perentah oleh parti mana pun, tetapi negeri² ini ada-lah mem-punyaï ikatan yang berantai² di-antara 11 rantai yang menjadikan satu negara ia-itu Persekutuan Tanah Melayu dan jika sa-kira-nya satu rantai atau dua rantai itu putus maka akan berkechail-lah Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu. Tuan Yang di-Pertua, alang-kah molek-nya kalau rombongan Menteri itu dapat memberikan dan menunjukkan kerjasama-nya sedangkan Kerajaan Negeri bersedia untuk mem-berikan kerjasama-nya dengan Menteri itu. Satu chontoh, Tuan Yang di-Pertua, sa-telah beberapa hari kembali-nya Menteri itu sa-telah meninggalkan kesan² melaga²kan hati ra'ayat Pantai Timor, mudah²an akan dapat-lah mereka ajaran daripada perbuatan itu. Kemudian datang-lah pula Yang Berhormat Menteri Buroh ka-negeri

Kelantan, tetapi Menteri Buroh ini lebuh mengerti ‘adat isti’adat orang Melayu, beliau telah memberi tahuhan Kerajaan Kelantan dua minggu sebelum kedatangan beliau itu. Ke-datangan Yang Berhormat itu mendapat sambutan yang baik daripada Kerajaan. Ini menunjukkan satu tanda yang terang bahawa Kerajaan Kelantan tidak dapat membeza²kan Menteri² itu, tetapi bersedia membuat dan memberikan kerjasama demi untuk kepentingan ra’ayat.

Sa-telah itu, Tuan Yang di-Pertua, timbul-lah beberapa keraguan dan beberapa chakap²an yang sekarang ini menjadi buah² chakap orang di-Pantai Timor, bahawa Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu tidak akan membantu di-dalam ranchangan Pembangunan Luar Bandar bagi Kerajaan PAS di-Kelantan dan Trengganu. Saya tidak tahu apa-kah telah menjadi dasar Kerajaan untuk meninggalkan kedua² buah negeri ini. Kerajaan Trengganu dan Kelantan telah membuat segala ranchangan Kemajuan Luar Bandarnya mengikut ranchangan sa-bagaimana di-dalam uchapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bagi Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua.

Buku Merah sa-bagi buku hikmat yang berkaki² lebar dan panjang-nya sa-hinggaikan budak yang berumor 10 tahun ta’ boleh mengangkat-nya—bagitu besar-nya buku itu telah dapat di-penohi oleh Kerajaan kedua² buah Negeri itu dengan bekerja siang malam sampai pukul 12 malam. Oleh kerana saya sa-bagi sa-orang anggota Jawatan-Kuasa Daerah, saya tidak mahu menghilangkan sadikit pun masa atau sadikit waktu bagi membuat ranchangan² Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar yang telah memberi nasihat-nya sa-telah menghentam Kerajaan² Negeri itu pada satu masa dahulu yang telah saya reportkan kapada Dewan ini dan telah memberi pandangan-nya supaya Kerajaan ini membuat ranchangan sa-berapa yang banyak dan jangan-lah di-fikirkan adakah ranchangan itu dapat di-adakan dari segi kewangan. Oleh Kerajaan Negeri dan oleh Daerah² telah menjalankan usaha²-nya bagi membuat ranchangan yang hendak di-buat-nya

ini yang banyak memakan belanja bermillion ringgit.

Ini satu bukti bahawa Kerajaan Kelantan dan Trengganu bersedia membuat kerjasama dengan mengadakan atau mengisikan Buku Merah itu yang kalau saya ta’ salah negeri Kelantan terlebih dahulu menghantar dan mengisi-nya dengan sempurna, tetapi, Tuan Yang di-Pertua, ini menjadi bahan politik. Ini-lah, Tuan Yang di-Pertua, democracy yang kita amalkan di-negeri ini. Dasar² ini telah kita jadikan bahan politik sa-hingga, minta ma’af, Tuan Yang di-Pertua, saya berchakap sa-hingga ada di-suatu tempat dalam kawasan saya di-mana satu project membuat paip ayer hendak di-buat dalam kawasan itu ia-itu dalam kawasan Ayer Lanas di-mana FLDA membuka tanah di-kawa-san itu dan di-sediakan wang sa-banyak \$180,000 untuk membuat satu project pembekalan ayer kepada pendudok di-situ. Wang sa-banyak itu telah di-beri pada masa yang terlalu akhir sa-hingga musim hujan telah menghalang segala kemajuan² yang patut di-buat kerana jalan di-situ tahu sama tahu-lah sahaja, tetapi barangkali dalam rom-bongan yang baharu² ini tidak sampai ka-Ayer Lanas menengok-nya sendiri. Apa yang berlaku tentang project itu tidak jadi di-buat dan kempen di-jalankan. Apakala kempen itu di-jalankan oleh UMNO, mereka telah berkata sekarang ini bayar yuran UMNO—sa-lama tuan² tidak mem-bayar yuran UMNO maka ayer itu tidak akan dapat di-buat. (*Tepok*)—Bagus! Tuan Yang di-Pertua, bagus—kata sa-orang Ahli Yang Berhormat yang menunjukkan kebagusan sikap-nya itu yang tidak mengerti faham democracy dalam negeri-nya sendiri. Democracy kata kita, democracy kata dia, tetapi sa-benar-nya dia muah-cracy ra’ayat yang tidak mahu ikut chakap dia.

Mr. Speaker: Nanti! Saya hendak mengingatkan tentang Peratoran² Majlis ini ia-itu Fasal 36 (2). Saya chuma hendak mengingatkan sahaja, sebab kalimah² yang hendak di-sebutkan itu hendak-lah di-jaga. Kata-nya: 36 (10). Ada-lah salah pada

peratoran menggunakan—(a) perkataan² derhaka kepada negeri; (b) perkataan² membangkitkan perasaan melawan kuasa Kerajaan. Jadi saya chuma hendak mengingatkan sahaja bila berchakap itu hendak-lah jaga kalimah-nya yang hendak di-gunakan supaya tidak termasuk di-bawah Fasal (a) dan (b). Proceed.

Enche' Othman bin Abdullah (Tanah Merah): Tuan Yang di-Pertua, ini-lah satu di'ayah yang telah pun di-dapati sekarang ini. Satu lagi di'ayah yang berlaku sekarang ini di-Pantai Timor yang saya maksudkan sa-benar-nya ia-lah satu perselisihan dari satu masaalah yang timbul akibat daripada kedatangan Menteri ini ia-itu konon khabar-nya Ulu Kelantan ada-lah kawasan yang di-menangi oleh Perikatan dan di'ayah telah di-jalankan bahawa jalan Ulu Kelantan itu telah di-buat oleh kerana itu satu kawasan-nya. Segala project, segala usaha untuk membuat project di-tempat itu telah di-tumpukan dengan sa-banyak²-nya ia-itu segala jentera² pembuat jalan—jentera itu dan jentera ini telah di-kumpulkan di-tempat itu. Ini pun telah di-jadikan bahan dalam politik, pada hal, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri dalam bentuk hendak bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu yang sekarang ini telah pun menunjukkan kerjasama-nya yang besar sa-hingga Kerajaan Negeri yang membeli sa-buah jentera untuk membaiki jalan ka-kampung² yang kami sediakan itu untuk membaiki Jalan Penggawa kata orang sa-belah Kelantan. Kami hantar juga, hantar bersama² di-Ulu Kelantan dengan maksud dan tujuan supaya jalan itu dapat di-lekaskan segera di-buat serta di-selesaikan, kerana kawasan itu-lah yang banyak tanah kosong. Wang mana-kah yang di-belanjakan dalam membuat jalan di-Ulu Kelantan itu? Menurut yang saya tahu wang \$1 million telah di-dahulukan oleh Kerajaan Negeri kerana membuat jalan-jalan yang di-buat di-Ulu Kelantan oleh pendahuluan wang Kerajaan, PAS atau Persatuan Islam tidak sama sa-kali menjadikan bahan politik, tidak sama sa-kali menjadikan modal politik, tetapi menjadikan satu usaha kerjasama daripada pehak Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri supaya kemudahan² ra'ayat

dapat di-chapai.

Kerajaan Negeri memberi pendahuluan wang—Kerajaan Negeri menghantar segala benda yang di-antara-nya ia-lah jentera² yang di-beli, tetapi Perikatan telah menjadikan modal politik-nya dan modal politik-nya ini saya tahu akan menimbulkan rasa salah faham, apa lagi di-chochok oleh Menteri Keselamatan Dalam Negeri maka Menteri Keselamatan Dalam Negeri tidak merupakan Menteri untuk Menteri Keselamatan, tetapi Menteri untuk menchuba menghanchorkan keselamatan dalam negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, demikian-lah gejala² yang ada di-Pantai Timor. Kami menghormati dan kami berharap benar sa-hingga pada masa Menteri Muda Pembangunan Luar Bandar datang ka-negeri Kelantan sadikit masa dahulu kami telah bertanya kenapa Menteri Pembangunan Luar Bandar sendiri tidak datang dan oleh kerana yang memegang peranan penting dalam soal pekerjaan luar bandar itu ia-lah Menteri Pembangunan Luar Bandar maka besar benar-lah hati ra'ayat, hati Kerajaan bila Menteri Pembangunan Luar Bandar itu datang ka-Kelantan, tetapi itu-lah yang kami dukachitakan, Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat menunjukkan kerjasama di-antara beliau dengan pelawaan² yang di-beri oleh Kerajaan Negeri Kelantan dan kami berharap pada masa yang akan datang biar-lah Menteri² yang berkenaan itu dapat memberi kerjasama, dan kita patut-lah bersabar sa-hingga tahun 1964 kalau ra'ayat negeri Kelantan chintakan pada Perikatan boleh-lah pileh mereka (*Hear! Hear!*) jika lalu ta' suka mereka akan memileh kami lagi, dan sa-kiranya apa yang di-buat oleh Kerajaan Perikatan pada hari ini menyakitkan hati ra'ayat negeri Kelantan dan dengan itu mereka memileh Persatuan Islam jangan-lah tuan² sakit hati. Ini-lah democracy! Mari-lah kita amalkan sa-chara gentleman.

Tuan Yang di-Pertua, dalam titah uchapan baginda menyebutkan—

Beta sangat² sedar betapa susah payah-nya ra'ayat Beta terutama sa-kali mereka yang tinggal di-kampung² dan di-kawasan² luar bandar dalam usaha hendak meninggikan taraf hidup dan memberi pelajaran kapada anak² mereka itu. Ranchangan yang baharu

sahaja di-luluskan itu ada-lah menjadi satu chabaran kapada kita sa-kalian. Kita hendak-lah menyambut chabaran itu dengan usaha yang berlipat ganda dan kerjasama yang bersunggoh². Sa-sunggoh-nya, semangat ber-satu padu, setia yang tidak berbelah bahagi dan pengorbanan amat-lah di-kehendaki dalam usaha untuk menchapai taraf hidup yang lebeh tinggi.

Kalimah ini boleh-lah saya anggap sa-bagai satu kalimah hikmat daripada Titah Seri Paduka Baginda bagi menchapai kehidupan dan taraf ra'ayat yang lebeh tinggi. Suatu benda harus kita tekankan untok menchapai taraf hidup ra'ayat yang lebeh tinggi, sharatnya hendak-lah kerjasama yang tidak sadikit pun kurang di-antara mereka yang bertanggong jawab. Tuan Yang di-Pertua, ranchangan lima tahun yang di-kemukakan oleh Kerajaan dan usaha-nya hendak membangunkan taraf hidup ra'ayat dalam negeri ini sa-bagai satu chabaran yang mutlak, bukan sahaja kepada ra'ayat yang patut memberi kerjasama-nya kapada pembangunan² ini tetapi chabaran ini juga di-tumpukan kapada orang² yang bertanggong jawab dalam pembangunan dan membaiki kehidupan ra'ayat.

Tuan Yang di-Pertua, yang di-kesalkan yang menjadi pokok daripada perselisihan fahaman ini ia-lah bahawa Kerajaan PAS di-negeri² Kelantan dan Trengganu tidak menerima satu ranchangan, ia-itu ranchangan pembukaan tanah, itu sahaja yang tidak di-terima, kerana ia mempunyai ranchangan-nya sendiri. Ada pun ranchangan pembangunan luar bandar yang tidak berkait dengan pembukaan tanah, maka Kerajaan itu menerima, dan dalam Dewan ini sendiri kita menyokong dan memberi gambaran² yang patut di-buat. Kenapa-kah kedua² buah Kerajaan negeri itu tidak menerima dasar pembukaan tanah—saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, biar-lah saya tidak menerangkan, mungkin ada sahabat saya akan menerangkan sa-banyak sadikit kenapa maka kami tidak menerima dasar pembukaan tanah yang di-anjorkan oleh Kerajaan Persekutuan supaya lebeh jelas dan supaya jangan menjadi perasangka politik, menjadi satu modal untuk menakut²kan ra'ayat. Kami juga membuat ranchangan dengan kehendak ra'ayat, kerana kami naik dengan kehendak ra'ayat. Tuan Yang di-Pertua,

dalam memenohi kehendak "Buku Merah" itu kami telah menunjukkan kerjasama yang erat di-antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan.

Di-dalam menyatakan pembukaan tanah yang telah pun di-sebutkan dalam uchapan Seri Paduka Baginda itu sa-patut-nya, Tuan Yang di-Pertua, tidak-lah di-libatkan di-dalam uchapan Seri Paduka Baginda yang menjadi tonggak tiang seri Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu ini dan sa-bagai satu naongan yang melindungi seluroh ra'ayat yang tidak ada kechualai dalam-nya; sa-patutnya hal yang saperti itu tidak berlaku di-sebutkan; ia-itu "Kechualai Kelantan dan Trengganu." Benar, yang di-sebutkan di-sini pembukaan tanah sa-chara F.L.D.A. tetapi ini bukan bererti bahawa negeri² Kelantan dan Trengganu tidak membuka tanah, Kerajaan² Kelantan dan Trengganu telah membuka dan memberi tanah kepada ra'ayat—and chara-nya biar-lah Ahli² Yang Berhormat dalam Dewan ini sabar menunggu keterangan yang akan di-beri oleh rakan saya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam uchapan Seri Paduka Baginda telah menyebutkan soal pertanian. Pada umum-nya, kalau kita menyebut pertanian, maka kita dapat gambarkan di-mata kita bahawa pertanian ini 90 peratus di-jalankan oleh orang kampung, dan kalau kita menyebut orang kampung mereka ia-lah orang Melayu. Taraf kehidupan ra'ayat dalam negeri ini tidak akan sa-imbang, tidak akan dapat persimbangan di-antara dalam bandar dengan luar bandar kalau sa-kira-nya kehidupan petani² itu tidak di-beri pertolongan yang sa-wajar atau sa-patut-nya. Mithal-nya, dalam ranchangan kemajuan luar bandar yang dibuat di-negeri Kelantan, kita menyediakan satu sekim yang di-namakan Kembubu Sekim. Kembubu Sekim ini dalam-nya kita membuat satu projek mengempang ayer untuk memasokkan ayer kapada ladang ra'ayat sa-banyak lebeh kurang 45,000 ekar kalau saya tidak salah yang sa-lama ini kekeringan oleh kerana tidak ada satu alat, tidak ada satu tali-ayer yang boleh mengayerkan ladang dan sawah mereka itu. Kembubu Sekim ini telah pun di-masukkan dalam ranchangan kemajuan

luar bandar, dan pada pendapat saya Kementerian yang berkenaan telah pun bersetuju, menganggok² tentang baiknya ranchangan ini supaya empangan ayer yang di-buat dengan Kembubu Sekim ini dapat mengayernya 45,000 ekar sawah ra'ayat, dengan yang demikian kehidupan ra'ayat akan bertambah bertambah-nya kehidupan ra'ayat kerja² pertanian akan dapat di-lipat gandakan dalam negeri ini. Sekim ini memakan belanja di-anggarkan \$12 juta, dan akhirnya kami minta \$8 juta untuk pekerjaan awal dan akhirnya sa-kali hilang-lah berita itu dari apa yang kita sangkakan. Jadi dengan tidak menjadikan Kembubu Sekim itu satu ranchangan yang besar untuk pembangunan kehidupan ra'ayat, maka akan kena-lah kata Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar, kalau ra'ayat menderita, kalau taraf hidup ra'ayat tidak dapat di-baiki bukan salah Kerajaan Perikatan, tetapi ada-lah salah Kerajaan PAS. Ini sa-akan², Tuan Yang di-Pertua, bahawa kemelaratan hidup ra'ayat di-kampong Pantai Timor hanya ada dalam masa PAS memerentah, dan sa-akan² sa-belum-nya ra'ayat di-sana bahagia dan senang. Apa-kah benar bagini, apa-kah benar sa-belum Kerajaan PAS memerentah ra'ayat negeri Kelantan itu telah senang-lenang, hidup-nya mewah? Kalau sa-kira-nya Kerajaan Perikatan yang memerentah waktu itu memberikan kerjasama untuk pembangunan, ra'ayat tidak akan lari dari Perikatan dan memileh PAS. Tetapi apa yang berlaku dalam masa kerajaan Perikatan? Kehidupan ra'ayat dalam negeri Kelantan bertambah sempit, bertambah susah di-masa pemerentahan mereka, dan oleh kerana itu-lah ra'ayat memileh PAS. PAS mempunyaï ranchangan untuk pembangunan mereka, tetapi dalam bidang² yang di-tentukan oleh Perlembagaan negeri itu dan oleh Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu; ada pun dalam usaha membuat kemudahan yang lain ra'ayat negeri Pantai Timor ada-lah sama taraf dengan ra'ayat yang bukan Pantai Timor.

Sama taraf yang saya maksudkan, Tuan Yang di-Pertua, ia-itu sama² kita beli minyak motokar \$2.10 sa-gelen chukai sama² kita bayar tetapi kenapa-kah ra'ayat di-Pantai Timor itu tidak

dapat layanan yang baik, ada-kah oleh kerana mereka itu memileh Persatuan Islam sa-Malaya ini? (*Ketawa*). Ini-lah dasar Apartheid, yang tuan² amalkan tuan² tahu?

Mr. Speaker: Tadi saya telah menganjurkan, segala perkataan² hendaklah di-jaga sadikit jangan-lah sampai membangkitkan perasaan melawan Kerajaan, sa-kira-nya awak menggunakan lagi segala kalimah yang boleh membangkitkan perasaan itu saya akan tahan awak.

Enche' Othman bin Abdullah (Tanah Merah): Tuan Yang di-Pertua, di-dalam hujong uchapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menyebut beberapa soal, terutama sa-kali ada menyebutkan tentang dasar luar negeri kita, tentang perjuangan yang di-buat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu. Kita junjung tinggi di atas usaha yang telah di-buat di-atas kerja memperjuangkan ra'ayat Afrika Selatan menentang kalangan orang² kulit puteh. Dunia telah kagum dan memberikan penghormatan yang tinggi kapada Kerajaan dan kapada Perdana Menteri kita di-atas dasar menentang Apartheid Afrika Selatan dan kita menghormati kerana kita mengetahui dan faham bahawa demokrasi itu tidak mengenal kulit, demokrasi itu tidak mengenal diri, demokrasi tidak mengenal tinggi rendah dan demokrasi itu tidak mengenal bangsawan atau abdi.

Entah berapa ratus ribu batu dari-pada sini bahawa sakit yang di-buat daripada dasar Apartheid itu di-rasa oleh Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu ini. Oleh itu saya harap dasar Apartheid yang menyebabkan telah terasa oleh Tanah Melayu ini akan menjadi satu gambar dan pelajaran kapada kita bahawa kita menentang Apartheid. Tetapi di-dalam usaha hendak mengecil²kan dua buah negeri di-dalam negara Persekutuan Tanah Melayu ia-itu Trengganu dan Kelantan dengan membeza²kan politik dalam negeri ini tidak-lah lojik. Kita berjuang menentang Apartheid di-Luar Negeri tetapi kita tidak mengamalkan di-dalam negeri kita sendiri dan kita membeza²kan ra'ayat Pantai Timor, dan

Pantai Barat. Kalau ini berlaku berm'a'ana-lah Tuan Yang di-Pertua, kita berani berchakap tetapi kita sendiri tidak melakukan dengan sabenar-nya.

Tuan Yang di-Pertua, menyentoh soal perdagangan, soal perdagangan dan perekonomian ra'ayat ada-lah menjadi suatu sumbir kehidupan pembangunan ra'ayat yang merdeka. Di-dalam uchapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menyebut bagaimana patut memperbaiki bijeh, getah dan sa-umpama-nya, tetapi ada satu perkara yang rasa saya terlalu penting dan maha penting tidak disebutkan dalam uchapan-nya ia-itu suatu uchapan yang di-buat oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perusahaan tentang hendak menolong perdagangan dan perusahaan orang² Melayu di-Persekutuan Tanah Melayu ini. Dalam persidangan di-antara Menteri² Besar Persekutuan Tanah Melayu membahathkan bagaimana chara-nya hendak meninggikan dan hendak menolong orang² Melayu dalam soal ekonomi. Bagi kita memandang bahawa sa-bahagian ra'ayat negeri ini tidak maju di-dalam perekonomian. Atas usaha Yang Berhormat Menteri itu tentu-lah sa-benar-nya menjadi suatu uchapan yang besar di-dalam titah uchapan Seri Paduka Baginda. Tetapi malang-nya, Tuan Yang di-Pertua, di-dalam uchapan itu tidak ada di-sebut sama sa-kali. Tidak di-sebutkan langsung chara bagaimana Kerajaan pada masa yang akan datang di-dalam ranchangan lima tahun-nya yang kedua ini hendak menolong orang² Melayu, hendak menolong bangsa kita yang melarat ini di-dalam perusahaan, di-dalam hendak membangunkan perekonomian mereka.

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya dan bagi Persatuan saya memandang bahawa patut-lah di-berikan pertolongan sa-chara langsung kepada perusahaan² orang² Melayu, tidak-lah sa-kadarkan hanya membuat sharikat² bas dan sharikat taxi sahaja, tetapi orang² Melayu patut-lah pula di-galakkan supaya pandai melombong, menggali hasil² bumi negeri ini. Kerana kita sudah tahu bahawa dunia kita ini sudah di-takdirkan Tuhan penoh mempunyai segala macham kekayaan dan

segala macham hasil-mahsul tetapi kita orang² Melayu tidak dapat faedah langsung daripada-nya oleh kerana kemiskinan, kekurangan pengalaman dan oleh kerana kekurangan modal.

Kami harap, sa-kali pun uchapan Seri Paduka Baginda tidak meliputi soal² perekonomian untuk orang² Melayu kami harap Menteri yang berkenaan tidak akan pula melupakan perkara ini. Sakian-lah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, di-dalam soal perusahaan tanah.

Berbalek saya dalam soal pertanian tadi, ia-itu Yang Berhormat Menteri Pertanian pada suatu masa dahulu dan waktu ini ada-lah menjadi hasrat di-dalam hati-nya dan kalau sa-kira-nya ia meninggal dunia sa-belum sampai hajat-nya itu akan chelek-lah mata-nya kerana kempungan, Tuan Yang di-Pertua, ia-itu ura² mendirikan kilang membuat baja di-sini kapada petani². Pada suatu masa dahulu telah menjadi suatu pertelingkahan di-antara Menteri Pertanian dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan bahawa ranchangan yang di-buat oleh Menteri Pertanian itu tidak ada sangkut menyangkut dengan Kerajaan dan tidak-lah sanggup Kerajaan membuat-nya, itu hanya initiative atau ranchangan Menteri itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, benar-kah atau tidak tidak-lah saya dapat hendak menyebutkan di-sini, itu terserah-lah kapada Yang Berhormat itu sendiri menyatakan bahawa membuat kilang baja uria itu perlu atau tidak untuk ra'ayat, sa-kali pun di-tentang oleh sa-bahagian kawan²-nya yang mengatakan tidak perlu. Saya memandang perlu, kerana memberi keuntungan kapada ra'ayat. Kalau ini tidak perlu kenapa-kah kilang nanas itu perlu. Kalau nanas itu boleh di-bawa ka-luar negeri di-perdagangkan keluar negeri dan menjadikan satu da'ayah besar menghasilkan negeri ini pengeluaran nanas yang baik quality-nya, dan Kerajaan dengan tegas memberi pertolongan. Kenapa pula dalam usaha hendak memberi keuntungan dan kemudahan terus kapada petani² dengan mengadakan Kilang Urea tidak di-beri bantuan kapada Kementerian ini. Nampak-lah

perbezaan-nya kalau sa-kira-nya kaum capitalist hendak membuat sa-suatu perusahaan perdagangan kaum pemodal hendak membuat Kilang² Nanas yang memberi keuntungan kepada kaum capitalist maka Kerajaan tidak ragu² dan tidak silu² memberi pertolongan, tetapi kalau sa-kira-nya hendak membuat kapada satu² perusahaan dan kilang yang boleh menguntungkan terus kapada petani maka Kerajaan tidak bersedia berbuat demikian.

Tuan Yang di-Pertua, kita berharap dalam kehidupan ra'ayat tani dengan kehidupan ra'ayat buroh ia-itu kalau di-bandingkan di-antara tani dengan buroh tentu-lah berlainan keadaan hidup-nya tetapi sama sa-bagai ra'ayat. Maka pada pendapat saya ra'ayat tani-lah yang banyak mesti Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu menghulorkan dan memberi bantuan terus kapada mereka itu. Berchakap tentang buroh saya tertarek hati benar dalam titah uchapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang di-antara lain berbunyi—

Undang² Mahkamah Perusahaan Tahun 1948 harus akan di-pinda untuk memberi kuasa kapada Menteri Buroh champor tangan dalam sa-barang perbalahan sa-kira-nya di-fikirkan mustahak bagi faedah orang ramai.

Champor tangan Menteri Buroh dalam sa-barang pertikaian buroh. Saya telah beramah-tamah dengan Yang Berhormat Menteri Buroh sama ada di-luar Parlimen ini atau di-mana² sahaja yang saya dapat berjumpa dengan Menteri Yang Berhormat itu tentang kesulitan² buroh yang di-deritai dan yang di-tanggongi oleh sa-bahagian buroh dalam negeri ini. Di-Pantai Timor atau tegas-nya di-kawasan saya di-mana ada buroh² yang maseh ter-aniaya hidup-nya oleh sebab layanan yang di-berikan kapada buroh itu tidak dapat di-beri sa-laku sa-orang manusia yang berhajatkan rumah, yang berhajatkan makanan, yang berhajatkan pakaian dan berhajatkan pendidekan anak²-nya. Layanan ini tidak di-beri dengan sa-penoh-nya. Pernah saya sungutkan dengan Menteri yang berkenaan bahawa sa-orang buroh Melayu di-dalam sa-buah kilang papan mendapat gaji \$2.50 sa-hari, tetapi buroh yang sa-demikian ini juga ia-itu buroh

yang bukan Melayu—buroh China mendapat gaji \$8 sa-hari. Apa-kah perbezaan-nya di-antara buroh Melayu dengan buroh yang bukan Melayu tegas-nya buroh China? Mereka ini sama² mengangkat kayu balak, sama² hidup melarat di-situ, tetapi gaji buroh China lebih mahal daripada gaji buroh Melayu. Perbezaan ini akan menimbulkan perasaan sakit hati dan bila timbul sakit hati

Mr. Speaker: Ini lagi berkenaan dengan Fasal 36 (10) (c) perkataan² yang harus menaikkan perasaan bersakit² hati atau bermusahan²an di-antara satu kaum dengan satu kaum dalam Persekutuan Tanah Melayu. Jadi saya chuma hendak mengingatkan supaya jaga² tentang perchakapan itu. Katakan gaji orang Melayu dengan gaji orang bukan Melayu, kalau macham itu chakap ta' boleh salah di-bawah undang² ini. Perchakapan itu hendak-lah di-jaga. Saya chuma hendak mengingatkan sahaja perkara itu supaya jangan jadi salah. Saya sendiri ta' suka peratoran undang² ini, tetapi apa boleh buat undang² itu sudah ada.

Enche' Othman bin Abdullah (Tanah Merah): Tuan Yang di-Pertua, saya ta' ada niat hendak membangkitkan perasaan itu, tetapi saya hendak menyatakan perbezaan antara buroh Melayu dengan buroh bukan Melayu. Perbezaan dalam hidup dengan gaji pendapatan serta perbezaan rumah. Saya telah pergi ka-kawasan itu dan menengok sendiri. Bila kita pergi ka-kawasan itu dan di-tengok-nya motorcar kita itu ada badge maka majikan di-situ mula-lah memberi amaran kapada buroh². Siapa chakap hal tuan² kapada orang ini maka tuan akan mendapat hukuman. Hukuman-nya buang kerja. Ah, ini-lah satu kezaliman apartheid dalam keadaan buroh yang mesti kita kikis, mesti kita hanchorkan, kerana kita berfaham democracy.

Tuan Yang di-Pertua, anak² mereka tidak bersekolah, rumah mereka itu amat mendukachitakan. Gaji mereka sudah-lah demikian, bila kita datang menyiasat, mereka mendapat anchaman. Saya telah bertanya apa-kah tindakan yang harus di-buat oleh Yang Berhormat Menteri Buroh terhadap perkara

yang saperti itu. Beliau telah menjawab kapada saya: "Ini boleh jadi awak mendengar chakap buroh sahaja, tidak mendengar chakap majikan." Dalam hendak mengetahui apa-kah benar majikan, apa-kah benar buroh maka kita hendak-lah berfikir sama tengah, kita tidak mahu mendzalimi majikan dan kita tidak mahu mendzalimi buroh, tetapi dengan berlaku-nya hal saperti itu dan sa-lama² keadaan pendzaliman terhadap kaum buroh dan terhadap buroh itu di-jalankan dasar apartheid maka amat-lah tidak 'adil bagi Kerajaan negeri ini dan bagi Kementerian Buroh tidak mengambil hal dan tidak champor tangan. Walau pun Menteri Buroh ada berkata yang kata-nya dalam perjumpaan di-sana kami hanya sa-bagai Kementerian yang berdasarkan sukarela supaya di-antara mereka itu dapat berbaik² bagitu dan bagini, tetapi sa-lama Menteri Buroh tidak ada mempunyai kuasa terus untuk membela nasib hidup kaum pekerja maka sa-lama itu-lah mereka akan teraniaya. Memberi kuasa kapada Menteri Buroh champor tangan dalam soal ini saya harap tidak-lah hanya champor tangan ini menguntungkan kaum majikan, sebab champor tangan itu ada dua macham. Yang pertama ia memberi keuntungan kapada majikan, dan yang kedua memberi keuntungan kapada mereka ia-itu buroh itu sendiri. Jadi kalau sa-kira-nya Menteri Buroh ini, Tuan Yang di-Pertua, champor tangan dengan undang² atas nasib buroh tegasnnya nasib mereka yang teraniaya maka amat-lah besar harapan kami dan kami menyokong supaya Menteri ini mempunyai kuasa penoh.

Mr. Speaker: Panjang lagi?

Enche' Othman bin Abdullah (Tanah Merah): Banyak lagi, Tuan Yang di-Pertua (*Ketawa*).

Sitting suspended at 1.00 p.m.

Sitting resumed at 8.30 p.m.

(*Mr. Speaker in the Chair*)

THE YANG DI-PERTUAN AGONG'S SPEECH ADDRESS OF THANKS

Debate resumed.

Question again proposed.

Enche' Othman bin Abdullah (Tanah Merah): Tuan Yang di-Pertua, tadi siang saya telah menyatakan bahawa champor tangan Menteri Buroh terhadap perburohan di-atas sa-barang perbalahan di-antara buroh dengan majikan patut di-adakan dengan ketentuan² bahawa tidak-lah champor tangan Kerajaan atau Menteri Buroh dalam perbalahan ini menguntungkan sa-mata² kapada majikan sahaja. Suatu hal patut saya kemukakan dalam Dewan ini ia-itu terbit daripada perbalahan perburohan, di-Kelantan ada beberapa kejadian yang telah pun saya adukan kepada Yang Berhormat Menteri Buroh di-atas suatu kedzaliman yang di-lakukan oleh majikan terhadap buroh yang telah bekerja bukan satuhun dua tetapi sudah bekerja hampir² 14 tahun. Tetapi oleh kerana estate tempat ia bekerja itu berpindah tangan daripada tuan asal-nya kapada tuan baharu, maka hamba Allah ya'ani buroh yang telah bekerja berbelas² tahun itu telah di-ketepikan bagitu sahaja, kerana dengan niat hendak memasokkan orang² yang sa-ugama, yang sa-kaum atau sa-bangsa dengan tuan baru itu. Dasar perbezaan ini-lah yang berlaku sekarang ini dalam perburohan sa-bahagian tempat dalam negeri Kelantan, yang kalaupula Menteri Buroh dapat menggunakan kuasa-nya untuk membela nasib kaum buroh itu amat-lah baik dan dapat membela keselamatan buroh itu di-belakang hari.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya masok dalam Titah uchapan Baginda dalam soal pelajaran ia-itu di-mana telah di-tekankan oleh Seri Paduka Baginda di-antara lain:

"Perkara hendak memberi pelajaran rendah perchuma dengan sa-berapa segera sedang di-timbangkan, dan sama ada dapat atau tidak di-jalankan dalam tahun 1962 atau kemudian daripada itu akan di-ambil keputusan-nya masa menyediakan Belanjawan tahun 1962."

Di-dalam masa kita membahathkan Penyata Rahman Talib dalam soal pelajaran ini amat-lah besar hati kita semua dalam rangka hendak memberi pelajaran rendah dengan chara perchuma kapada anak² dan kapada ra'ayat negeri ini; harapan ini bertambah besar manakala tiba sa'at-nya

Penyata Rahman Talib di-laksanakan, tetapi saya telah merasa ragu manakala dalam Titah uchapan ini dibayangkan ada-kah hendak di-beri pelajaran sa-chara perchuma kapada anak kita yang di-sekolah rendah itu dapat di-laksanakan atau tidak, dalam Titah uchapan ini nampak-lah oleh saya bahawa uchapan itu sendiri merupakan satu kebimbangan, merupakan satu rasa tidak yakin bahawa ranchangan ini dapat di-jalankan. Walau bagaimana pun, ini ada-lah satu chabaran juga kapada Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu atau Kerajaan Perikatan supaya melaksanakan apa yang memang menjadi dasar yang hendak di-chakapkan itu, dan jangan-lah hanya membuat satu dasar atau satu ranchangan melemak-maniskan kapada murid² sekolah rendah dan guru²-nya, sedang dalam Titah uchapan ini sendiri membayangkan kekeliruan dalam pelaksanaan-nya.

Tuan Yang di-Pertua, berhabbit dengan pelajaran rendah ini kita telah berasa dukachita benar bahawa banyak di-antara anak² di-sekolah kebangsaan itu tidak lulus dalam pepereksaan yang tidak mendapat kedudukan yang membolehkan mereka masuk ka-sekolah menengah. Suatu jawatan-kuasa untuk menerima sa-barang laporan dan menyelidek atas kerendahan dan kekurangan kapada mereka yang telah tidak lulus itu sedang di-jalankan. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, walau pun penyelidekan sedang di-jalankan dan telah berkali² dalam Dewan ini kita menyebutkan bahawa pokok yang penting sa-kali bagi menjayakan supaya anak² kita di-sekolah Melayu atau sekolah kebangsaan sekarang ini hendak-lah ia-itu layanan daripada Kementerian Pelajaran dan Kerajaan terhadap sekolah kebangsaan ini mestilah sa-dapat²-nya di-samakan dengan sekolah jenis kebangsaan. Saya telah menyatakan, Tuan Yang di-Pertua, bahawa layanan yang di-beri kapada sekolah kebangsaan ini amat-lah terlalu jauh kurang-nya bila di-bandingkan dengan layanan yang di-beri kapada sekolah jenis kebangsaan. Kalau kita melawat ka-kampung dan ka-desa di-mana sekolah kebangsaan itu di-dirikan, kita nampak benar bahawa rumah

guru dan rumah sekolah di-mana anak kita belajar itu, dan di-mana guru² itu mengajar, terdapat bahawa rumah itu memang tidak patut di-diami oleh sa-orang pemimpin atau sa-orang guru di-sekolah itu, tidak patut di-diami oleh pelajar pada peringkat permulaan. Sudah-lah, Tuan Yang di-Pertua, bahawa sekolah dan rumah guru tidak layak dan tidak sa-padam dengan kedudukan sekolah jenis kebangsaan di-bandar, maka sa-lain daripada itu kelengkapan² persekolahan, text book yang harus di-ajar kapada anak kita tidak chukup dan kalau pun ada tidak pula sa-suai dan tidak dapat di-terima dalam zaman saperti sekarang ini, sekolah Inggeris atau sekolah jenis kebangsaan mempunyaï buku pelajaran yang lengkap, tidak ada yang kurang kalau kita perhatikan, dan pada tiap² tahun anak² kita yang baharu sekolah itu terpaksa membeli buku baharu kerana buku baharu telah di-sediakan, tetapi malang-nya pada murid² sekolah kebangsaan ini tidak mendapat dan tidak di-sediakan buku yang patut di-pelajari, malah buku itu pernah telah berkuru² umor-nya maseh di-gunakan di-sekolah² itu. Kalau sa-kira-nya, Tuan Yang di-Pertua, kita menyesali atas kelebihan pelajaran di-sekolah rendah dan tidak dapat kejayaan bagi memasuki sekolah menengah itu tidak-lah patut di-kesalkan kapada ibu-bapa yang menjaga anak itu yang kerap kali di-katakan ibu-bapa tidak mengambil endah kapada anak, ibu-bapa tidak mengasoh anak-nya belajar dengan sunggoh². Apa yang hendak di-asoh oleh ibu-bapa kapada anak-nya yang belajar di-sekolah kebangsaan itu, sedangkan ia tahu manakala anak-nya lepas sekolah kebangsaan hendak menjadi postman pun tidak boleh, hendak menjadi office boy pun tidak boleh—(An Honourable Member: Boleh)—Jadi dengan kelebihan perasaan ibu-bapa mendedak anak-nya belajar dengan lebih giat lagi dan oleh kerana demikian itu terbiar-lah anak itu dan banyak-lah di-antara anak kita itu tidak dapat melanjutkan pelajaran-nya sa-lain daripada anak itu tidak mendapat asohan yang baik dari-pada ibu-bapa, kerana ia tahu kedudukan sekolah kebangsaan itu tidak satakat mana. Maka Kerajaan pula tidak menyediakan, bahkan baharu dalam

ranchangan usaha² akan di-buat kata Titah Baginda untuk meninggikan mutu sekolah kebangsaan dan semua darjah aliran bahasa kebangsaan.

Saya tidak mengetahui, Tuan Yang di-Pertua, usaha² yang akan di-buat bagi meninggikan guru Sekolah Kebangsaan itu, chara bagaimana-kah dan apa-kah ranchangan yang sa-benar-nya oleh Kerajaan Perikatan untuk meninggikan taraf guru² bagi Sekolah² Kebangsaan itu. Tuan Yang di-Pertua, sa-lama Sekolah Kebangsaan itu bagini bentok-nya dan sa-lama Kerajaan memandang bahawa Sekolah Kebangsaan itu di-adakan bera ta' bera sahaja atau untuk mengajar anak² itu tahu membacha dan menulis sahaja maka sa-lama itu-lah keperchayaan ibu bapa tidak dapat kita ambil untuk menggesa anak² itu belajar untuk masok sekolah² yang lebuh tinggi daripada itu. Tuan Yang di-Pertua, kelemahan² itu patut-lah Kerajaan mengambil perhatian yang berat dan jangan-lah sekolah itu di-tinggalkan bagitu sahaja dan sudah menderita anak² kita beribu² orang tidak dapat melanjutkan pelajaran-nya dan dengan sebab kelemahan² itu perlu-lah di-atusi dengan sa-berapa segera yang boleh.

Tuan Yang di-Pertua, berchakap dalam bahagian orang² Asli, di-dalam titah uchapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ada menyebutkan di-antara lain² "Kerajaan beta sedang berusaha juga membuat satu dasar jangka panjang bagi mentadbir dan memajukan orang² Asli. Tujuan yang akhir ia-lah supaya orang² Asli ini boleh menyesuaikan diri mereka dengan chara kehidupan di-negara ini dengan tiada pula merosakkan chara hidup dan kebudayaan mereka. Sementara itu Kerajaan Beta chukup sedar betapa mustahak-nya mengelokkan lagi keadaan masharakat dan ekonomi orang² Asli itu". Orang² Asli yang kita maksudkan di-sini ia-lah orang² Darat. Sa-benar-nya kalimah itu ia-lah kalimah baharu bagi kita, patut orang² itu di-sebut orang Darat. Orang² Darat ini banyak berselerak di-Persekutuan Tanah Melayu ini dan telah pun kita bahathkan dalam masa meshuarat belanjawan 1961.

Tuan Yang di-Pertua, di-Ulu Kelantan ada terdapat sa-jumlah orang²

Darat yang telah di-kumpulkan di-suatu tempat dekat Bernam. Pengetua atau Pengawal bagi orang² Darat ini ia-lah orang Inggeris. Sa-benar-nya mereka itu telah banyak kali mengadukan hal mereka kepada wakil² ra'ayat orang Darat yang di-tempatkan itu sadikit pun tidak di-tanya bagaimana hal mereka itu sama ada makan atau tidak, ada-kah beras atau tidak, Pengetua-nya hanya datang dudok dalam rest house kemudian dia balek. Chara sa-macham ini, Tuan Yang di-Pertua, ada-lah merunsingkan fikiran orang Darat itu sa-telah mereka itu di-kampangkan maka sekarang layanan terhadap mereka tidak sempurna. Maka di-dalam titah uchapan Seri Paduka Baginda hendak menjadikan mereka ini suatu ra'ayat yang lebuh berguna pada masa yang akan datang membetulkan hal ahwal perekonomian-nya, membetulkan diri mereka sa-hingga sesuai dudok di-negara yang merdeka, tidak-lah akan terlaksana kalau pengetua² orang darat ini bersifat endah ta' endah sahaja. Dan kalau sa-kira-nya orang² yang memimpin mereka ini ada-lah orang² yang bertujuan membodoh²kan maka tidak-lah dapat tujuan Kerajaan hendak menjayakan kehidupan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, tidak banyak saya hendak berchakap berkenaan dengan perkara yang saya sebutkan ini, chuma saya pergi kapada dasar luar negeri. Berchakap kapada dasar luar negeri kita telah di-bayangkan dalam titah uchapan Seri Paduka Baginda di-sini ia-itu masaalah Irian Barat, masaalah Tibet, masaalah Congo, Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu telah mengambil bahagian di-dalam membela nasib orang² Tibet. Ra'ayat Tibet harus-lah di-berikan kebebasan berugama, kebebasan menganut fahaman sendiri dan kebebasan bagi mencapai tujuan-nya. Kalau sa-kira-nya Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu berjuang mati²an untuk membela ra'ayat Tibet dan untuk melepaskan Tibet daripada chengkaman kominis maka saya nam-pak, Tuan Yang di-Pertua, perbuatan terhadap Tibet kerana hendak memberikan kemerdekaan berugama, kalau kapada mereka itu kita mengambil perhatian, kenapa-kah Tuan Yang di-Pertua, orang² Islam yang ada di-Selatan Siam yang juga ingin hidup

sama seperti itu tidak kita ambil peduli? Orang² Islam yang ada di Selatan Siam itu menurut apa yang kita baca dalam surat khabar mereka itu hendak sembahyang Hari Raya pun di-kawal dengan senapang.

Tuan Yang di-Pertua, patut-lah Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu ini membela nasib dan mengambil perhatian nasib orang² Islam yang sedang terancham kebebasan berugama di negeri Selatan Siam itu. Saya ketahui benar, Tuan Yang di-Pertua, bahawa titah uchapan Seri Paduka Baginda telah menyebutkan "Bahawa Kerajaan Beta berjanji hendak membantu ra'ayat Aljeria". Kerajaan hendak membantu ra'ayat Aljeria pada waktu Aljeria sedang panas ia-itu pada masa Kerajaan Sementara Ferhat Abbas membentuk Kerajaan-nya dan pada waktu itu Kerajaan Perikatan tidak mahu meng-i'tiraf negara Aljeria. Sa-telah di-sa'at akhir ini-lah baharu kita mengatakan bahawa kita berjanji hendak menolong ra'ayat Aljeria. Jadi chara bagaimana-kah Kerajaan Perikatan hendak menolong, barangkali sudah terlambat agak-nya pertolongan itu.

Tuan Yang di-Pertua, akhir-nya yang hendak saya chakapkan ini ia-lah masalah kongsi gelap. Sa-benar-nya, Tuan Yang di-Pertua, dalam negeri kita sekarang ini keamanan patut-lah menjadi dasar pokok dalam titah uchapan Seri Paduka Baginda. Tuan Yang di-Pertua, keamanan bagi negeri kita ini ada-lah punca seluroh kehidupan ra'ayat, tetapi kita takut pada suatu masa hasutan² yang datang dari luar "subversive element" dan kita takut kongsi gelap itu. Kongsi gelap itu, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah gangsterism yang chuba hendak mengambil hak hal orang lain dengan menchari keuntungan diri sendiri. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, orang yang menjadi kongsi gelap ini ia mencuri² membuat kerja. Ia kidnap orang—larikan orang, chuba baling orang dengan batu dan kongsi gelap ini saya boleh mengatakan dalam kawasan atau dalam daerah Pantai Timor sejak Menteri Keselamatan Dalam Negeri ini datang ka-sana maka jumlah kongsi² gelap telah bertambah banyak di-sana (*Ketawa*) dan oleh kerana mereka itu ada Kepala Kongsi

Gelap-nya ia-lah Menteri Keselamatan Dalam Negeri ini sendiri yang mengajar mereka itu berbuat demikian. Oleh sebab itu amat-lah kechewa kalau sakira-nya kita hendak menghapuskan gangsterism dan kita menentang subversive dalam negeri ini sedangkan Menteri yang bertanggong jawab bagi menjaga keamanan dalam negeri ini sendiri menghasut dan membakar darah ra'ayat untuk menjadikan mereka itu dengan apa yang di-katakan menjadi kongsi gelap dengan membuat kachau dan lain² kejahanan akibat daripada chakap² yang tidak bertanggong jawab oleh Menteri yang berkenaan.

Pada akhir-nya uchapan dalam perbahathan saya ini saya hendak menyatakan di-sini kekesalan saya ia-itu—

Kapada ra'ayat Beta yang berugama Islam, Beta suka hendak memberi sadikit nasihat . . Kenapa, Tuan Yang di-Pertua, hanya kapada ra'ayat Islam sahaja yang diberi nasihat—eh orang Islam, sabar-lah tuan² jangan buat gadoh. Berapa kali orang Islam dalam negeri ini buat gadoh, berapa kali orang Islam buat kachau . . . Berapa kali orang Islam dalam negeri ini chuba menghalang orang yang bukan Islam mengerjakan ibadat. Kenapa-kah dalam uchapan ini tidak di-nasihatkan kapada orang bukan Islam bahawa mereka ini mesti menghormati ugama Islam yang telah di-i'tiraf sa-bagai ugama rasmi negeri ini, kenapa-kah orang Islam sahaja. Eh orang Islam, sabar-lah kamu. Jangan-lah kamu berbuat apa², pada hal sa-bagai satu titah kapada ra'ayat hendak-lah nasihat yang di-beri-nya itu merupakan satu nasihat yang sama di-antara orang Islam dengan orang bukan Islam supaya berbaik², hormat-menghormati, kaseh-mengasahi antara satu sama lain sa-suai dengan ajaran-nya tetapi yang ada di-beri nasihat kepada orang Islam sahaja sedangkan orang bukan Islam tidak di-beri-nya. Sa-akan² orang Islam itu jahat benar dan pengachau sedangkan orang bukan Islam amat baik. Tuan Yang di-Pertua, inilah sebab-nya maka beberapa hal yang telah saya kemukakan dalam Dewan ini yang patut di-pertimbangkan baik² dan bagi menegakkan serta menjaya-kan ugama Islam sa-bagai ugama rasmi

saperti yang di-sebutkan ugama kita itu—

.... Kerajaan Beta telah mengadakan pertandingan membacha Koran bukan sahaja di-peringkat kebangsaan bahkan juga di-peringkat antara-bangsa dengan tujuan menegakkan ajaran Al-Koran

Menegakkan ajaran Islam bukan sa-kadar "hanya", saya katakan hanya membacha Koran. Pertandingan membacha Koran tidak akan dapat mening-gikan ajaran Islam mengikut hakikat yang sa-benar-nya. Apa-kah yang dapat meninggikan ajaran Islam itu? Ia-itu mengamalkan dan mengerjakan isi Al-Koran itu. Dalam isi Al-Koran itu menyuroh kita hormat-menghormati apabila masok ka-rumah orang lain dengan meminta izin, beri "Assalamu'alaikum". Ini-lah yang patut di-amalkan oleh Menteri itu yang datang ka-sa-sabuah Negeri, mesti ia mengikut ini, baharu-lah di-katakan mengikut Islam, tetapi kalau chara merompak masok, kemudian mengatakan orang tidak baik maka ini bukan ajaran Islam. Demikian-lah, Tuan Yang di-Pertua.

Enche' Mohamed Yusof bin Mahmud (Temerloh): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bersama² Ahli yang mem-bawa usul ini untok memberi uchapan terima kaseh atas titah uchapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan saya per-chaya atas segala² yang di-uchapkan-nya itu benar, tidak-lah sa-bagaimana sangkaan² atau pun sengaja di-putar belitkan segala uchapan yang telah di-buat itu. Sebab saya kata bagitu ia-lah dalam Titah Baginda berkenaan dengan pembangunan luar bandar di-mana be-berapa ranchangan² yang boleh kita tengok atas perjalanan kemajuan luar bandar, terutama sa-kali chara² memberi tanah kapada ra'ayat yang suka dan berkehendakkan tanah. Di-sini rasa saya patut di-terangkan ia-itu Kerajaan Perikatan telah membuat ran-changan memberi tanah sa-banyak 6 ekar yang mana tanah itu Kerajaan sendiri menebang, menebas, membakar, menanam dengan elok-nya dan di-serahkan kapada ra'ayat jelata yang miskin. Rasa saya tidak ada Kerajaan dalam dunia ini yang membuat ran-changan sa-macham itu, bagitu juga

Ranchangan Tanah Pinggir. Pada masa ini di-daerah saya ada 6 tempat yang akan di-buka bagi permulaan dan tender untok menebang dan menebas telah di-jalankan oleh Kerajaan se-karang dan ini membuktikan yang titah Duli Yang Maha Mulia itu bukan-lah kosong sa-bagaimana yang di-anggap oleh pehak pembangkang. Bagitu juga ranchangan FLDA di-mana kalau kita ada membacha dalam surat khabar dengan wang \$30 million akan di-jalankan pada tahun ini untok di-beri kapada ra'ayat yang miskin, dan ini bukan-lah donging tetapi ada-lah jelas, di-kawasan saya ia-itu di-Kampong Awar di-mana tanah² yang sudah di-tebang dan sedang di-bakar, juga tender² untok membuat rumah pada si-miskin itu telah di-jalankan oleh pehak FLDA dan bagitu juga tender untok membuat terrace dan lubang untuk bertanam getah telah di-jalankan di-mana tender itu telah di-tutup pada hari sa-malam.

Maka rasa saya ini satu bukti yang jelas apa yang di-buat oleh Kerajaan Perikatan dan di-beri kapada ra'ayat jelata yang miskin dalam negeri ini, bagitu juga segala kema'amoran dan kesenangan saperti jalan raya, jikalau Ahli² pembangkang di-Pantai Timor itu lalu di-kawasan saya maka terben-tang satu jalan yang besar yang di-buat di-dalam daerah saya yang menyam-bungi sa-tengah jalan besar Pahang dan akan sampai ka-Jerantut yang mana kawasan itu sudah tertinggal bagitu lama oleh Kerajaan Penjajah dengan terbiar bagitu sahaja. Ini satu tanda yang besar yang kita betul² menjalan-kan janji sa-bagaimana di-adakan pilehan raya dahulu yang kita akan beri kapada ra'ayat jelata.

Dalam Titah Baginda ini banyak-lah ranchangan² yang akan di-jalankan oleh Kerajaan Perikatan untok mem-beri nikmat dan kebahagian kapada ra'ayat jelata. Maka dalam segi meng-dakan bahan baharu untok pendapatan negeri ini, saya mendapat tahu baharu² ini ia-itu Kerajaan dan ra'ayat ada mengelolakan satu perusahaan mem-buat gula dalam negeri ini. Saya rasa ini ada-lah satu lagi perkara yang akan memberi faedah yang besar

kapada ra'ayat kita, sa-lain daripada mendapat pendapatan yang besar ia-itu bijeh dan getah.

Dalam dasar pelajaran, Tuan Yang di-Pertua, kita telah mendapat jaminan ia-itu kalau tidak ada apa aral dan keadaan negeri kita baik, maka pada tahun hadapan anak² kita akan mendapat pelajaran perchuma di-sekolah rendah. Saya rasa ini-lah perkara yang di-nanti²kan oleh seluroh ra'ayat, dan saya perchaya perkara ini akan dapat di-jalankan oleh Kerajaan. Dalam hal ini, saya suka juga memberi pandangan ia-itu dalam pepereksaan L.C.E. ia-itu sharat yang di-kehendaki murid² itu mesti-lah lulus dalam bahasa kebangsaan. Di-dalam perhitongan ini saya harap jangan di-bezakan ia-itu ra'ayat orang Melayu di-adakan pepereksaan khas, orang bangsa asing di-adakan satu pepereksaan yang lain pula, kerana chara ini kita akan dapati yang anak Melayu akan jatoh bilangan-nya daripada mendapat Sijil Rendah Pelajaran ini. Saya harap pepereksaan ini biar-lah sama, waimma apa bangsa sa-kali pun untuk mendapat L.C.E. jangan-lah ada perbezaan.

Dalam bahagian pengangkutan saya berasa besar hati kerana angka orang Melayu telah bertingkat lebuh, dan saya perchaya jika kedudukan saperti ini dapat di-jalankan dengan elok pada masa yang akan datang, maka orang Melayu tidak akan terkebelakang dalam perusahaan kenderaan ini. Saya ada satu kesulitan yang Kerajaan patut ambil perhatian ia-itu elok-lah segala taxi Melayu itu di-satukan di-bawah satu sharikat supaya tidak ada perlumbaan di-antara satu dengan lain untuk mendapat sewa. Kerana dalam daerah saya di-dapati taxi Melayu itu oleh sebab mereka memandang tempat yang di-khaskan itu tidak mendapat wang banyak, maka mereka pun keluar mengambil passenger di-tempat lain yang menyebabkan jatoh-nya tujuan yang besar untuk mengadakan taxi di-daerah² itu.

Berkenaan dengan kesihatan dalam Titah Baginda mengatakan Kerajaan sekarang telah mengambil bahagian dan akan mengambil bahagian yang

chergas untuk menghapuskan penyakit batok kering yang mana rasa ini ada-lah satu penyakit yang sangat besar dalam negeri ini, dan langkah chergas yang di-ambil oleh Kerajaan, dalam hal ini saya dan seluroh ra'ayat dan orang yang mengidap penyakit itu menguchapkan banyak terima kaseh.

Sa-perkara lagi berkenaan dengan Provident Fund. Saya telah di-minta untuk menyuarakan sadikit pandangan ia-itu jika boleh menimbaangkan supaya mereka² yang akan bersara yang akan mendapat balek wang simpanan-nya waktu berumor 55 tahun itu di-benarkan, ia-itu sa-belum bersara waktu mereka itu berumor 50 tahun di-benarkan meminjam wang itu untuk membuat rumah bagi persediaan mereka untuk bersara. Sebab saya telah di-beri tahu ia-itu kesatuan guru ada membuat chara yang seperti itu, dan tentu-lah Provident Fund Board ini dapat juga mengadakan chara yang seperti itu.

Tuan Yang di-Pertua, pada pagi tadi kita telah mendengar sa-orang Ahli Yang Berhormat daripada pehak pembangkang telah menuudoh Kerajaan menjalankan satu tangkapan yang tidak di-kehendaki. Saya berasa hairan jika negeri kita tidak ada undang² untuk menahan mereka yang melanggar undang² yang kita telah buat, saya rasa kalau sa-kira-nya terjadi sa-macham itu, saya tidak tahu apa yang akan terjadi pada negeri ini. Beliau berkata orang Socialist Front sahaja yang di-tangkap. Saya suka memberi tahu di-tempat saya orang Perikatan pun ada di-tahan oleh Kerajaan atas mengambil bahagian yang melanggar undang² Kerajaan, tetapi beliau tidak nampak tentang itu.

Berkenaan dengan demokrasi dan chara yang di-putar-belitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah, saya rasa ini-lah satu perkara demokrasi yang kita jalankan ia-itu membekalkan beliau tadi berchakap dalam Dewan ini. Saya tahu Menteri² yang pergi ka-Pantai Timor telah memberi pada ra'ayat² di-sana ia-lah atas hak

mereka. Jadi saya rasa untuk menerangkan hak mereka itu ada-kah ini disifatkan menghasut untuk mengadakan satu pemberontakan bersenjata?

Bahkan kita telah lihat di-Selangor ini bahawa mereka yang tidak puas hati baharu² ini berkumpul di-hadapan Pejabat Menteri Besar menunjok perasaan. Itu-lah yang di-katakan demokrasi kebebasan sa-saorang itu menunjukkan perasaan bagi pehak yang tidak bersetuju atas satu perkara. Jadi sa-bagai kita dudok dalam dunia demokrasi ini semua ini kita tidak hairan. Sa-perkara lagi saya tidak fikir dan saya tidak pernah mendengar atau terbaca dalam surat khabar bahawa Menteri² itu menyuruh ra'ayat di-Pantai Timor mengadakan pemberontakan senjata untuk menjatohkan Kerajaan itu. Jadi oleh sebab ra'ayat Pantai Timor berjauhan dengan ra'ayat Pantai Barat tidak mengetahui kewajipan mereka, maka Menteri kita memberitahu atas kedudukan yang benar dan hak² yang misti di-dapati bagaimana yang misti di-jalankan oleh Kerajaan tempatan itu apa-lah salahnya.

Penyudah-nya, Tuan Yang di-Pertua, rasa saya dalam uchapan Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ia-lah satu uchapan yang sangat memberi harapan yang besar kepada semua ra'ayat Persekutuan Tanah Melayu ini. Bukanlah Titah Duli Yang Maha Mulia itu mengkehewakan ra'ayat sa-bagaimana kechaman² yang kita dengar daripada wakil Parti Islam Sa-Malaya itu.

Sekian-lah.

Enche' Ahmad Arshad (Muar Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya ada-lah menyokong dan mengalu²kan usul yang ada di-hadapan kita ini bagi memberi uchapan shukor dan terima kaseh kepada ka-bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana Titah uchapan-nya pada masa membuka Parlimen yang ketiga itu. Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah uchapan itu gemar saya menarek perhatian dan mengalu²kan dengan sa-penoh² besar

harapan ia-itu dalam lapangan pertanian. Kita akan melancharkan usaha² mengeluarkan hasil bumi Tanah Melayu ini dan supaya ra'ayat Tanah Melayu ini tidak sa-mata² bergantong kapada getah dan bijeh, usaha ini dapat saya saksikan bagaimana yang terma'alum bahawa Kerajaan telah menghantar saya dengan satu rombongan pergi ka-Pilipina. Negeri itu ada-lah negeri petani. Saya telah dapat melawat dari utara negeri itu hingga selatan maka saya tidak nampak kebun² getah dan saya tidak nampak di-rumah ra'ayat negeri itu getah berhampiran di-rumah masing². Yang saya nampak ia-lah sawah padi, tebu, tembakau dan jagong. Oleh itu kalau usaha ini dapat di-lancharkan di-negeri kita ini saya fikir apa kemewahan yang terdapat oleh ra'ayat negeri Pilipina itu akan dapat pula oleh ra'ayat kita di-kampong². Dalam Titah uchapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, saya tidak nampak ada menyebutkan satu tanaman² yang boleh mendatangkan hasil dan juga boleh mendapatkan wang daripada tanaman² itu, ia-itu tanaman jagong, kachang tanah dan tembakau.

Tuan Yang di-Pertua, saya nampak ra'ayat di-sana sa-lepas mereka menanam padi, mereka menanam pula jagong dan juga menanam tembakau kerana menanam benda² ini tidak memakan masa yang lama chuma tiga empat bulan sahaja sudah mendapat hasil-nya. Kalau kita menanam getah tentu-lah memakan masa tujuh atau lapan tahun.

Tuan Yang di-Pertua, saya berchapak di-dalam bahagian kesihatan ia-itu saya mengalu²kan dalam uchapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam usaha mengurangkan angka kematian khas-nya bagi kanak² dan ibu yang bersalin dalam kalangan penduduk² di-luar bandar. Jadi dalam usaha hendak menghapuskan berbagai² penyakit yang saya nampak ia-itu seperti penyakit batok kering, untut, puru; tetapi saya nampak ada satu penyakit yang banyak menyebabkan kematian kanak² ia-itu penyakit chaching dan penyakit muntah berak.

Tuan Yang di-Pertua, saya pernah melawat dalam kawasan saya ia-itu

di-kawasan Bukit Gambir, pegawai² kesihatan memberitahu kapada saya bahawa banyak anak² di-kampong itu 40 peratus di-serang penyakit chaching. Penyakit chaching ini bukan sahaja menyebabkan anak² itu lemah bahkan menyebabkan lemah tuboh badan, lemah otak dan pelajaran-nya pernah saya tengok sa-orang kanak² yang berumur dua tahun mati keluar chaching dari hidong-nya. Oleh itu usaha mencegah penyakit chaching di-kampung² itu patut-lah di-ambil perhatian yang berat. Dan saya mendapat tahu anak² Melayu yang berumur 2 bulan atau satu bulan yang baharu lahir banyak berlaku kematian dengan sebab berlaku muntah berak. Jadi saya nampak kedua² penyakit ini berpuncha dari-pada dua sebab. Pertama dengan sebab orang kampung itu minum ayer yang ta' baik. Kedua mereka ta' ada mempunyai jamban. Maka kalau kita tengok di-kampung² itu di-parit-lah mereka mandi, di-parit-lah mereka minum, di-pergi tempat mandi dan berchebok. Jadi saya berharap di-beri perhatian supaya orang² kampung khas-nya orang² Melayu yang di-rumah mereka itu di-suroh buat jamban yang ada peratoran menurut nasihat daripada Pejabat Kesihatan.

Sa-lain daripada itu pergi juga diminta mereka membuat-nya mengikut sa-bagaimana nasihat yang di-beri oleh Pegawai Kesihatan Tempatan. Ini bukan-lah saya maksudkan bahawa Kerajaan akan membuat jamban ka-pada tiap² orang Melayu dan bagitu juga pergi, chuma saya berharap supaya Pegawai Kesihatan memberi nasihat yang lebuh terang pada membuat pergi dan juga jamban. Dengan sebab itu-lah saya fikir angka kematian anak² Melayu bertambah, tetapi kenapa kawan kita daripada bangsa Tiong Hua maseh kurang kematian anak² kecil-nya, sebab mereka itu ada mempunyai jamban dan pergi yang sempurna. Sebab itu kurang kematian anak² mereka di-kampong.

Pada akhir-nya, Tuan Yang di-Pertua, saya gemar menarek perhatian dalam Titah uchapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ia-itu—

. . . Beta sentiasa sedar yang Islam adalah ugama rasmi negara ini. Dengan yang demikian baharu² ini Kerajaan Beta telah mengadakan pertandingan membacha Koran bukan sahaja di-peringkat kebangsaan bahkan juga di-peringkat antara-bangsa . . .

Saya sangat mengalu²kan atas kesedaran Kerajaan ini bahawa ugama Islam itu ugama rasmi, tetapi pada usaha yang kedua-nya sa-lain daripada mengadakan ujian Koran itu gemar saya menarek perhatian bahawa sayugia patut di-adakan sa-buah Jawatan-Kuasa Perhubungan Ugama Islam dalam Persekutuan Tanah Melayu ini yang di-anggotai oleh Mufti dan Ketua Jabatan Ugama Islam tiap² Negeri. Jawatan-Kuasa ini ia-lah supaya mengkaji dan membinchangkan dasar yang besar di-amalkan oleh ra'ayat Islam dalam negeri ini. Boleh juga di-katakan apa yang saya chakapkan itu kuat-kuasa-nya ada-lah bergantong kapada Duli² Yang Maha Mulia Raja² Melayu dalam tiap² Negeri, tetapi saya berpandu apa yang telah di-buat oleh Penyimpan Mohor Raja² Melayu dalam usaha menentukan awal puasa dan awal hari raya. Maka saya maksudkan yang Majlis ini akan membinchangkan satu usaha yang besar yang di-amalkan oleh umat Islam dalam negeri ini, umpama-nya dalam perkara harga zakat fitrah, dalam harga maskahwin dan dalam usaha mengurangkan percherai dalam negeri ini. Sebab yang saya tahu kalau dalam negeri Johor zakat fitrah \$1.00 sedangkan di-negeri² lain ada yang 80 sen dan ada yang \$1.50 bagitu juga dalam hal maskahwin. Dalam negeri Johor maskahwin hendak di-naikkan dari \$22.50 kapada \$60. Di-Melaka murah. Saya takut orang Johor nanti ta' laku.

Mr. Speaker: Order! Order! Perkara fasal State ta' boleh bilang menengok fasal bulan. Perkara itu ta' boleh di-bandingkan fasal harga di-Johor. Itu bulan ada lain. Jangan sentoh perkara² itu. Itu hanya-lah kuasa dalam tangan Raja² dalam negeri itu sendiri.

Enche' Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya nampak juga kuasa itu ada di-tangan kebawah Duli² Yang Maha Mulia Raja² Melayu di-tiap² Negeri, tetapi dengan sebab kesulitan yang di-rasai oleh sa-umum ra'ayat

Islam dalam Tanah Melayu ini maka kalau dapat di-adakan satu usaha untuk membetulkan perkara² itu. Pada akhirnya dalam tujuan hendak meninggikan ajaran Koran. Bila di-sebut Koran—Koran itu ada-lah kitab ugama rasmi Kerajaan negeri ini. Jadi saya berkehendakkan supaya Kerajaan menyemak dan menyelidiki Koran yang digunakan dalam Persekutuan Tanah Melayu ini, sebab saya dapat tahu bahawa Koran yang ada sekarang yang di-datangkan oleh penjual² di-zaman penjajah dan kita bimbang Koran yang di-gunakan itu ada gugor atau tidak betul pada asal-nya. Maka saya berharap supaya Kerajaan mengkaji Koran yang di-gunakan itu dan jika-lau boleh Koran itu di-chetak oleh Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu, dan di-samping itu tafsirannya juga sayugia Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu yang menganggap kitab ugama rasmi supaya di-adakan, sebab bukan semua ra'ayat Islam dalam negeri ini yang tahu bahasa Arab, tetapi dengan tafsiran yang menggunakan bahasa kebangsaan maka Koran itu dapat di-gunakan atau dapat di-taroh di-tiap² rumah orang Islam dalam negeri ini dengan dapat di-bacha dan faham. Itu-lah harapan saya, Tuan Yang di-Pertua.

Enche' Mohamed Asri bin Haji Muda (Pasir Puteh): Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri pada malam ini tidak-lah ada tujuan sa-lain daripada menguchapkan terima kaseh kapada Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong seperti mana terima kaseh yang di-beri oleh Ahli² Yang Berhormat dalam Dewan ini, chuma seperti kelaziman daripada pehak kami, Tuan Yang di-Pertua, sunggoh pun kita melafadzkan kata² terima kaseh tetapi kandongan itu kita teliti satu demi satu supaya dapat-lah di-pertimbangkan di-mana yang tidak tegas, di-mana yang kurang atau sa-bagai-nya.

Sahabat saya Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah telah berchakap dengan menggunakan masa yang panjang menerangkan beberapa kalimah dalam Titah uchapan Seri Paduka Baginda itu. Saya tidak berchadang hendak berchakap panjang pada malam ini sa-lain daripada hendak menyentoh

sadikit sa-banyak dalam kandongan Titah uchapan Baginda yang berbunyi—

“Pembahagian tanah² baharu kapada ra'ayat yang berkehendakkan-nya telah di-mulakan oleh Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan dan oleh Kerajaan² Negeri. Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan telah berjaya mengadakan dua puluh tiga ranchangan di-serata Persekutuan Tanah Melayu dan dengan ini dapat-lah kira² 8,000 keluarga di-beri tanah tempat kediaman. Kerajaan² Negeri, kecuali Kelantan dan Trengganu, telah juga mulai membuka tanah mengikut Undang² Tanah (Kawasan Penempatan Beramai²). Kejayaan dalam mentadbirkan hal ehwal tanah ada-lah bergantung kapada kebolehan kita mengadakan peratoran yang sama dan mudah. Oleh yang demikian, dengan tujuan hendak menyatukan chara mentadbirkan tanah, Kerajaan Beta akan mengadakan dengan sa-berapa segera-nya satu Undang² Tanah Kebangsaan.”

Demikian-lah saya bachakan sa-bahagian daripada Titah Seri Paduka Baginda dalam menyatakan kemajuan² yang di-chapai dalam pembukaan tanah. Pada perenggan yang pertama Seri Paduka Baginda telah menyebutkan dengan tidak memberi perbezaan atau perkechualian kapada salah satu negeri dalam Persekutuan Tanah Melayu ini, ya'ani Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu di-bawah Lembaga Kemajuan Persekutuan telah berjaya kata-nya, membuka atau memajukan tanah demikian juga Kerajaan² Negeri. Tetapi dalam menyebutkan tentang masaalah membuka tanah mengikut Undang² Tanah (Kawasan Penempatan Beramai²), Kelantan dan Trengganu telah di-kechualikan dengan terang dan tegas oleh Seri Paduka Baginda dalam Titah yang telah di-lafadzkan pada hari sa-malam.

Tuan Yang di-Pertua, memang benar Titah ini bahawa Kelantan dan Trengganu tidak mengambil bahagian yang sama menurut ranchangan tanah Persekutuan ya'ani membuka tanah chara Undang² Tanah Kawasan (Penempatan Beramai²) (Group Settlement Areas). Akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua, ini bukan-lah berma'ana bahawa Kerajaan Kelantan dan Trengganu tidak membuka tanah untuk kesenangan dan kebahagiaan ra'ayat pada masa yang akan datang. Sunggoh pun kedua² Kerajaan Negeri itu tidak mengikut atau belum lagi menjalankan usaha pembukaan tanah sa-chara kawasan

penempatan beramai² itu, tetapi apa yang telah berlaku dalam negeri Kelantan tahun ini sahaja Kerajaan Negeri itu telah membuka 19,986 ekar tanah, dan Kerajaan Negeri Trengganu telah pun mengishtiharkan akan membuka sa-luas 5,000 ekar tanah. Yang sa-benar-nya, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan² Kelantan dan Trengganu memang lebuh tahu chara² yang lebuh berguna dan lebuh berkesan dalam membuka tanah kapada ra'ayat negeri itu. Kerana itu-lah Kerajaan Negeri itu membuat ranchangan berlainan dengan dasar dan ranchangan atau chara Kerajaan Persekutuan, baik chara F.L.D.A. atau Group Settlement Areas.

Dalam Titah Seri Paduka Baginda di-sebutkan bahawa 23 ranchangan seluroh Persekutuan Tanah Melayu telah di-jalankan dengan dapat menempatkan sa-ramai 8,000 keluarga untuk mendapat tanah dan tempat tinggal di-seluroh Persekutuan Tanah Melayu. Nilaian 23 ranchangan dan nilaiannya sa-ramai 8,000 keluarga ini bukan-lah satu jumlah yang besar bagi sa-buah Kerajaan yang luas seluroh Tanah Melayu. Jadi patut-lah saya nyatakan dalam Dewan ini bahawa dalam 23 ranchangan ini termasuk satu daripada-nya ranchangan tanah di-Ayer Lanas—bagi Ahli Yang Berhormat yang tidak tahu kedudukan ilmu ‘alam negeri ini, Ayer Lanas itu dudok-nya dalam negeri Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tidak-lah mustahak saya mengulas dalam Dewan ini berkenaan dengan tanah sa-chara F.L.D.A. seperti yang di-nyatakan dalam Titah Baginda itu. Sebab walau bagaimana pun PAS sa-bagai satu parti yang berlainan dasarnya dengan Parti Perikatan tentu-lah Kerajaan-nya pun akan berlainan pula chara, dasar dan pentadbiran-nya, dan oleh kerana tanah ada-lah soal Kerajaan Negeri, maka berlainan dasar itu tentu lebuh nyata dalam soal pembahagian atau hal-ehwal tanah. Undang² Tanah (Kawasan Penempatan Beramai²) sa-bagaimana yang kita luluskan bersama dalam Dewan ini, pada fahaman saya tidak-lah sa-kali² mewajibkan Kerajaan Negeri ini membuka tanah menurut Undang² itu, tetapi ia-itu hanya membolehkan

Kerajaan Negeri ini membuat ran-changan menurut Undang² Tanah (Kawasan Penempatan Beramai²) itu, dan apabila di-lakukan demikian maka turut-lah pentadbiran tanah itu mengikut undang² tersebut; akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua, undang² itu tidak pula menutup jalan lain bagi pembukaan tanah. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri Kelantan ada mempunyai tanah sendiri dan demikian juga Kerajaan Kelantan ada mempunyai chara-nya yang sendiri. Maka dengan chara yang bersendiri itu di-buka-lah seperti yang saya sebutkan tadi 19,986 ekar di-Kelantan dan di-jadualkan di-buka 5,000 ekar di-Trengganu.

Oleh yang demikian, saya rasa perkechualian dalam Titah Seri Paduka Baginda terhadap Kelantan dan Trengganu itu boleh-lah meng-gambarkan sa-suatu yang menyebabkan orang berpendapat bahawa Kelantan dan Trengganu tidak ada ranchangan membuka tanah. Ini tentu-lah satu perkara yang di-kehendaki oleh Titah itu supaya orang berfaham demikian, dan perkataan itu nyata-lah bertujuan hendak mengelirukan orang ramai dalam satu perchubaan yang murah nilai-nya bagi memperkecilkan usaha² orang lain.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Ahli Yang Berhormat dari Larut Selatan yang menjadi penchadang usul ini panjang benar ia ‘ashek bercherita kemajuan di-tempat-nya, maka saya rasa saya pun boleh juga bercherita sadikit sa-bagai chontoh menerangkan soal kemajuan atau pembukaan tanah negeri Kelantan. Tuan Yang di-Pertua, seperti negeri lain di-Tanah Melayu, tanah memang-lah menjadi satu soal pokok bagi ra'ayat di-luar bandar, bukan sahaja di-Kelantan bahkan di-mana² negeri pun yang ada orang Melayu hidup-nya bertani, maka soal tanah menjadi soal utama dan penting bagi mereka, lebuh² lagi, Tuan Yang di-Pertua, di-Pantai Timor. Sebab kehidupan orang Pantai Timor sejak turun-temurun bertani sa-bagai satu mata pencharian-nya. Tuan Yang di-Pertua, menginsafi hal yang sa-demikian ini-lah, maka sa-bagai chontoh saya cheritakan yang Kerajaan Kelantan telah chuba hendak

mengadakan satu perhitongan yang lebih tepat daripada chara agak², mengadakan satu pendaftaran hendak mengetahui berapa-kah jumlah orang yang benar² mahukan tanah, maka hasil daripada pendaftaran yang telah di-lakukan oleh Lembaga Kemajuan Tanah negeri itu di-dapati lebih dari-pada 54,000 keluarga yang hendakkan tanah di-negeri Kelantan, yang hampir² separoh terdiri daripada orang yang tidak mempunyai tanah langsung. Berdasarkan chara² yang saperti ini, Tuan Yang di-Pertua, maka pehak negeri Kelantan telah memikirkan hendak membuat satu kaedah yang lebih berkesan dan lebih sempurna dengan mengasaskan chara bagaimana supaya tanah itu segera dapat di-beri kapada ra'ayat, chara bagaimana-kah supaya tanah itu lebih banyak dapat di-bahagikan kapada ra'ayat dan chara bagaimana-kah supaya ra'ayat dapat kejayaan dalam membuka tanah itu. Memang benar, Tuan Yang di-Pertua, kalau di-pandang dengan sa-pintas lalu dan dari sudut kesempurnaan pembukaan tanah bagi ra'ayat mesti-lah bergantong kapada soal kewangan, sama ada di-beri bantuan wang atau pun sama ada saperti yang di-nyatakan oleh sa-orang Ahli Yang Berhormat ia-itu Kerajaan sendiri menebang dan menebas, kemudian di-serahkan kepada orang ramai.

Akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana yang kita ketahui dengan nyata ia-itu kalau kita hendak bergantong kapada soal kewangan sa-mata² dengan mengenepikan hasrat dan semangat kemahuan ra'ayat yang berkubar² berkehendakkan tanah dan semangat bekerja yang memang telah hidup berkurun² pada jiwa ra'ayat itu sendiri yang telah menjadi bukti dan dalil bagaimana semangat bekerja, yang mana telah di-tunjukkan oleh mereka dengan chara yang luar perikatan. Mereka telah membuka tanah sa-chara haram beramai² yang mana hasil pembukaan tanah itu mereka berjaya, sama ada Kerajaan hendak mengitirafkan pembukaan tanah sa-chara haram—itu soal lain—tidak perlu saya sebutkan dalam Dewan ini, tetapi itu satu gambaran menunjukkan bahawa semangat ra'ayat

hendak membuka tanah memang besar, dan kebesaran semangat itu telah di-buktikan dengan perbuatan dan perbuatan itu telah menunjukkan hasil yang gilang-gemilang bagi mereka sendiri.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kalau Kerajaan Negeri berkehendakkan membuka tanah sa-berapa chepat yang boleh dan sa-berapa banyak yang boleh, maka kita mengambil satu chara dan satu kaedah bahawa soal bantuan itu di-letakkan soal yang kedua, tetapi soal kesempurnaan dalam pelaksanaan pembukaan tanah ra'ayat itu maka penyegeeraan dan kesempurnaan perikatan mesti di-utamakan dalam membuka tanah itu. Maka dapat-lah kita menyusun dasar yang saya katakan tidak perlu menerangkan-nya dan hasil-nya itu-lah saya katakan 19,986 ekar telah dibuka. Saya rasa Ahli² Yang Berhormat dalam Dewan ini, Tuan Yang di-Pertua, patut-lah mengetahui bahawa semenjak dua bulan yang lepas tanah itu telah di-buka dan mendapat kejayaan yang gilang-gemilang. Saya suka menyatakan dalam Dewan ini, Tuan Yang di-Pertua, ada satu anggapan yang tidak baik yang telah digambarkan oleh sa-tengah² ahli pehak Perikatan sa-olah² orang² di-Kelantan itu tidak di-beri tanah. Pada satu masa dahulu sa-waktu Menteri Pertanian membuka kunchi ayer yang besar di-Kepala Batas lama dahulu sa-belum Pilehan Raya di-adakan ia-itu pada masa Ayer Lanas satu kawasan pembukaan tanah di-bawah ran-changan F.L.D.A. di-mulakan bekerja, maka Yang Berhormat telah juga memberi suatu pengertian tentang erti miskin. Kata-nya ra'ayat yang dahulunya tidak pernah chukup makan nasi sa-hingga sekarang perut-nya bunchit² tidak terkawal kesihatan-nya, tidak ada rumah hanya dudok di-kaki lima. Ra'ayat yang hanya berpakaian sa-helai sa-pinggang, ra'ayat itu-lah Kerajaan Perikatan menghantar membuka tanah di-Ayer Lanas. Ra'ayat itu-lah lima tahun yang akan datang akan mendapat tidak kurang daripada \$1,000 sa-bulan. Gambaran yang saperti itu ada-lah gambaran yang lebih daripada had yang patut. Dan harus-lah nilai

miskin yang di-gambarkan oleh Menteri Pertanian itu juga sedang di-chuba bagi menilaikan kemiskinan orang² yang masok membuka tanah di-bawah ranchangan tanah di-Kelantan itu sekarang. Jadi sa-olah² orang² yang tidak chukup makan nasi itu-lah di-bawa oleh Kerajaan PAS di-hantar di-tengah² hutan di-biarkan mereka itu kelaparan dan di-makan oleh harimau-lah. Tuan Yang di-Pertua, orang² Melayu yang di-pileh membuka tanah di-Ayer Lanas itu benar dan benar pula orang² miskin yang di-ambil di-bawah ranchangan Kerajaan PAS akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua, darjah kemiskinan yang di-gambarkan itu tidak ada, fakir miskin minta sedekah pun tidak ada yang tidak berjumpa nasi. Jadi Tuan Yang di-Pertua, sunggoh pun mereka itu tidak mempunyai tanah akan tetapi kemiskinan itu tidak-lah seperti di-gambarkan itu. Tuan Yang di-Pertua, menggambarkan hidup di-tengah hutan membuka tanah tidak-lah boleh di-samakan dengan gambar hidup sa-orang Menteri, makan besar dan sedap² dengan makan gulai daging, ayam goring. Masharakat di-kampung itu hidup chukup dengan tiga gantang beras sa-kati ikan kering, sadikit belachan atau budu untuk sa-bulan atau dua bulan. Jadi berdasarkan kaedah saperti ini, Tuan Yang di-Pertua, nyata-lah bahawa ranchangan itu akan mendapat kejayaan. Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyatakan bahawa apa yang saya terangkan dalam soal ranchangan pembukaan tanah di-Kelantan itu bukan-lah saya menyatakan ranchangan itu lebeh baik daripada ranchangan F.L.D.A. tetapi apa yang saya nyatakan ia-lah lebeh sesuai bagi semangat orang Kelantan. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, di-dalam sa-bulan dua ini ada beberapa keluarga yang engkar tidak mahu masok membuka tanah itu, ini ada-lah oleh hasutan² yang menchuba menghasut keluarga² itu sa-bagaimana kata orang Kelantan “.....”

Mr. Speaker: Jangan-lah di-buat gaya Kelantan kerana susah hendak memahamkan-nya (*Ketawa*).

Enche' Mohamed Asri bin Haji Muda: Saya ada juga mendengar di-

antara Ahli Yang Berhormat ini berchakap lagu Kedah.

Mr. Speaker: Asalkan boleh faham tidak mengapa.

Enche' Mohamed Asri bin Haji Muda: Sekarang saya chakap betul. Maksud-nya bagini, apa-lah guna-nya kamu pergi di-tengah hutan itu, ini semua-nya akan merosakkan hidup kamu sahaja. Oleh kerana pengaroh itu, ada di-antara-nya yang tidak mahu pergi. Itu-lah, Tuan Yang di-Pertua, kegiatan pehak Perikatan chuba membuat hasutan² fitnah. Ada lagi pula kata-nya, kalau sa-kira-nya Parti Perikatan memerentah pada tahun 1964 nanti kamu semua-nya akan di-halau keluar. Oleh itu pehak PAS telah mengadakan gerakan basoh (*Ketawa*) untuk membasoh kesan² yang telah di-tinggalkan oleh Yang Berhormat Menteri² itu. Di-sini, Tuan Yang di-Pertua, betapa murah-nya pehak Perikatan membuat hasutan² yang tidak bertanggong-jawab dan ini menunjukkan telah bengkerap politik mereka itu dalam memberikan uchapan-nya. . . .

Mr. Speaker: Perkara itu sudah pun di-sebutkan oleh itu jangan-lah di-panjang²kan lagi.

Enche' Mohamed Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua, Kedatangan Menteri² Perikatan terdiri daripada Menteri Pertahanan merangkap Menteri Pembangunan Luar Bandar merangkap Timbalan Perdana Menteri champor dengan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, champor dengan Menteri Pelajaran dan champor lagi dengan Menteri Perdagangan dan Perusahaan ka-negeri Kelantan baharu² ini sa-benar-nya jangan-lah tersalah sangka. Kalau salah² perhitungan orang² pehak parti Perikatan akan bertepok sa-akan² lawatan itu berjaya saperti yang di-gambarkan oleh Timbalan Perdana Menteri baharu² ini, tetapi sa-benar-nya kejayaan itu ada-lah kejayaan kulit luar sahaja. Datang ka-sa-sabuah negeri dengan membawa satu propaganda dengan sa-chara tidak betul dan datang dengan membawa sa-chara politik bengkerap saperti itu memang-lah ra'ayat Kelantan telah tahu dan oleh sebab itu pula kami telah menjalankan

pergerakan penerangan tentang hal itu, dan perkara itu sudah dapat di-mengertikan serta di-ketahui oleh ra'ayat sa-benar-nya dengan tidak payah penjelasan² yang lebuh panjang. Chuma satu sahaja nampak-nya pehak kalangan Perikatan negeri Kelantan telah bertambah berani melakukan sa-suatu di-luar daripada batas undang². Keberanian itu ia-lah oleh kerana panglima besar-nya ia-itu Menteri Keselamatan Dalam Negeri yang telah chuba meneru mereka supaya melakukan-nya.

Ahli Yang Berhormat dari Temerloh kalau saya ta' salah dalam ingatan saya telah chuba mengatakan bahawa mengikut sa-tahu dia walau pun ia tidak ikut dalam rombongan Menteri Keselamatan itu hanya mengatakan bahawa hak² ra'ayat itu sahaja. Ada-kah mengatakan hak ra'ayat itu boleh meng-hasut? Saya menjawab bahawa hak ra'ayat itu tidak salah dan tidak meng-hasut, tetapi menyuroh ra'ayat membuat sa-suatu yang boleh menimbulkan kesan yang tidak baik dalam masharakat maka boleh di-sifatkan menghasut. Dia chuba membawa perbandingan dengan negeri Selangor ia-itu membenarkan tunjok perasaan dari kumpulan ra'ayat Kampung Sireh—keluarga Hamid Tuah. Ini saya rasa satu kenyataan yang tidak bagitu jelas. Ada-kah benar negeri Selangor telah membenarkan ra'ayat atau isteri Hamid Tuah itu menunjok perasaan? Mengikut apa yang saya tahu bahawa sa-buah chawangan UMNO kalau saya ta' salah UMNO Ulu Langat atau Kuala Langat telah membuat satu keputusan dalam meshuarat-nya yang mendesak Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu supaya menarek balek hak² kera'ayatan orang² yang berpiket di-hadapan Pejabat Menteri Besar Selangor dan menghalau mereka balek ka-Bagan Api² di-Sumatera, kerana mereka telah membuat sa-suatu yang tidak baik di-sana. Saya rasa kalau di-kaikan dengan uchapan Ahli Yang Berhormat dari Temerloh dengan uchapan yang di-beri oleh Menteri Keselamatan Dalam Negeri di-Pantai Timor baharu² ini nyata-lah boleh kita tafsirkan bahawa uchapan Menteri Keselamatan Dalam Negeri itu lahir daripada gejala² yang berkubar² perasaan jiwa tentang bagaimana rasa malu-nya pehak parti

Perikatan oleh perbuatan orang² dari Kampung Sireh itu yang berpiket di-Pejabat Menteri Besar Selangor. Jangan-lah Menteri Besar Selangor sahaja yang kena piket oleh ra'ayat, mudah²an

Mr. Speaker: Order! Order! Perkara piket itu perkara Negeri Selangor. Itu tidak ada kena-mengena dengan Persekutuan. Saya hendak ingatkan bahawa itu semua perkara Negeri. Jadi ta' boleh di-panjangkan perkara itu, mithal-nya boleh—jangan panjang.

Enche' Mohamed Asri bin Haji Muda: Saya berchakap, Tuan Yang di-Pertua, kerana ada berkaitan dengan uchapan wakil dari Temerloh. Ini satu daripada-nya chontoh yang dapat saya nyatakan lagi waktu Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah mengatakan bagaimana chara perbuatan rombongan Timbalan Perdana Menteri memberi penerangan kapada ra'ayat Pantai Timor bagi menghasut atau sa-bagainya. Suara² daripada pehak penyokong Kerajaan mengatakan betul—itu benar, sa-hingga melompat keluar kalimah Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah bahawa itu-lah dasar apartheid dalam politik. Ini menunjukkan satu gambaran yang jelas pada Dewan ini sa-bagaimana tuduhan yang di-chakapkan oleh parti pembangkang terutama daripada pehak PAS tentang soal mainan yang di-jalankan oleh pehak rombongan Perikatan ka-Pantai Timor itu betul manakala pehak Kerajaan mengatakan itu betul dengan suara ramai dalam Dewan ini. Tuan Yang di-Pertua, alang-kah kechewa-nya tentang Titah Seri Paduka Baginda tatkala Baginda menyatakan rasa muhibbah serta memuji dengan chara democracy yang di-jalankan di-Malaya ini—alang-kah kechewa-nya kalau sa-macham ini maseh di-lakukan oleh kalangan ra'ayat terhadap keselamatan dalam negeri ini.

Sa-lain daripada itu saya suka berchakap sadikit sa-banyak lagi dalam perkara dharurat di-negeri ini ia-itu dalam perkara Kerajaan negeri ini menentang Communist di-sempadan Siam. Saya teringat perchakapan Yang Berhormat Perdana Menteri baharu² ini yang tersiar dalam surat khabar

mengatakan kalau Chin Peng itu dapat di-tangkap oleh Kerajaan Siam dan di-serahkan kepada Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu maka Kerajaan ini tidak akan menghukum-nya, sebab Chin Peng itu baik. Ia sudah berjanji sa-waktu ia berchakap di-Baling (Kedah) dahulu. Saya perchaya Chin Peng bukan-lah Communist international, tetapi Communist sa-tempat dalam negeri ini. Saya tidak tahu uchapan yang di-keluarkan oleh Perdana Menteri kita itu sa-bagai uchapan yang putus asa—dengan mengatakan perjuangan Communist Malaya bukan Communist international, atau satu uchapan yang tersilap atau sengaja salah, sebab dalam gerakan badan penerangan dalam negeri ini menge luarkan pamphlet yang menyatakan kejahatan Communist dalam negeri ini dan dengan keterangan pamphlet yang di-keluarkan itu nyata-lah membabit kan gerakan Communist dalam negeri ini sa-bagai gerakan Communist international. Bagaimana-kah sa-orang Perdana Menteri kita boleh mengatakan bahawa gerakan Chin Peng itu tidak boleh di-kaikan dengan Communist international, sedangkan apa yang dibuat oleh Chin Peng itu di-sambut dengan rasa gumbira dengan suara yang bulat serta dengan pujian yang baik dari Radio Peking, Moscow dan sa-bagai-nya. Saya rasa hendak meng asingkan gerakan Communist di-Malaya ini sa-bagai gerakan Communist sa tempat dari Communist international ta' dapat, bahkan saya rasa terpaksa lah Perdana Menteri kita menarek balek perchakapan-nya itu, sebab itu ada-lah berlawanan dengan tekat perjuangan Kerajaan negeri ini yang lagi dahulu pun menentang Communist.

Ada satu perkara baharu dalam Titah uchapan Seri Paduka Baginda ini yang sangat² menarek perhatian saya ia-itu hendak mendirikan satu Tugu untuk di-abadikan kenangan kapada pahlawan² yang telah berjuang mem pertahankan negeri ini daripada sa-barang anchaman baik dalam zaman sa-belum merdeka dahulu mahu pun sa-sudah merdeka sekarang ini termasok-lah tentera² Commonwealth. Dengan belanja \$1 million itu akan terdiri-lah sa-buah taman yang endah di-mana ra'ayat akan berkunjung dan akan bermegah-

lah jiwa ra'ayat dengan sa-buah Tugu yang bagitu besar, endah dan chantek. Membuat satu Tugu dengan belanja \$1 million ini pada sa-pintas lalu memang baik, tetapi kalau sa-benar-nya betul dengan mendirikan Tugu ini sa-mata² untuk menguchapkan terima kaseh kapada pahlawan² dan perajurit² yang telah berjuang membela keamanan dan mempertahankan kemerdekaan negeri ini sa-bagai satu ingatan yang harus di-abadikan kapada mereka maka sa-patut-nya-lah usaha itu tidak di-jadikan Tugu, sa-balek-nya di-jadikan satu ikhtiar dengan modal yang \$1 million mithal-nya bagi memberi pertolongan kapada keluarga² pahlawan, perajurit² yang bernama dan tidak bernama yang telah meninggalkan kurban: anak² yang terlantar, isteri² yang terlantar dengan di-adakan scholarship khas bagi anak² askar itu, maka ini saya rasa lebih berkesan daripada mengadakan Tugu. Meng adakan satu Tugu yang mati, batu yang tidak berchakap yang ta' dapat menge luarkan sa-barang duit atau bantuan bagi orang² yang menjadi kurban peninggalan daripada perajurit² atau pahlawan² itu ada-lah satu usaha yang kalau pun ta' boleh di-katakan sia², tetapi satu usaha yang kurang besar guna-nya jikalau di-bandtingkan dengan satu usaha atau ikhtiar bagi memberi kehidupan keluarga pahlawan² kita yang telah berjuang.

Saya rasa perkara usaha atau pun niat hendak mendirikan Tugu ini boleh jadi ilham daripada lawatan Tunku Abdul Rahman ka-Amerika, daripada mana ilham itu di-dapati sama ada daripada Iwo Jima atau daripada mana, saya tidak tahu.

Tuan Yang di-Pertua, pada akhirnya saya hendak berchakap sadikit dalam perkara kesihatan saperti yang di-gambarkan oleh Titah Seri Paduka Baginda hendak mengadakan satu kawalan yang rapi menjaga kesihatan ra'ayat negeri ini. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa dalam ikhtiar untuk mengawal kesihatan ra'ayat dalam Persekutuan Tanah Melayu, maka soal pokok yang tidak boleh di-lupai oleh Kementerian Kesihatan ini ia lah soal doktor dan jururawat. Saya tidak berani mengatakan ada-kah

benar Persekutuan Tanah Melayu ini kekurangan doktor dan jururawat, tetapi apa yang saya berani tegaskan bahawa doktor dan jururawat di-Pantai Timor memang benar kurang. Waktu saya mengidap sakit baru2 ini saya telah pergi ka-General Hospital Kota Bahru dan General Hospital Kuala Lumpur, menduduki dua Hospital dalam sa'at yang sama dan sakit yang sama saya dapat merasa satu perbezaan yang paling jauh. Dalam ward General Hospital Kota Bahru yang saya duduk itu hanya di-jaga1 oleh sa-orang Trained Nurse, dalam ward di-Kuala Lumpur di-jaga1 oleh sa-orang nurse, dua Trained Nurse dan sa-orang Sister. Ini perbezaan yang jauh, demikian juga dalam soal doktor.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu ada-kah kekurangan doktor dan jururawat di-Pantai Timor disebabkan oleh kerana "pileh kaseh" atau sa-bagai-nya, tetapi boleh jadi kekurangan doktor dan jururawat di-Pantai Timor oleh kerana kebanyakan doktor kita seperti kelaziman sejak zaman berzaman, bukan sahaja doktor bahkan pegawai² lain pun bila sebut hendak hantar ka-Pantai Timor banyak menggeleng kepala, bahagian polis pun menggeleng kepala dan bahagian yang lain pun banyak menggeleng kepala. Saya rasa elok-lah kalau pehak Kementerian yang berkenaan memikirkan bagaimana-kah satu ikhtiar supaya doktor itu tidak menggeleng kepala bila bertukar ka-Pantai Timor. Mithal-nya, mengadakan satu elaun khas, doktor² yang pergi ka-Pantai Timor, bukan sahaja ka-Kelantan dan Trengganu tetapi juga di-sabelah Pahang akan di-beri elaun khas tiap² bulan kerana khidmat-nya. Saya rasa dengan chara yang saperti ini boleh menarek minat doktor² itu hendak pergi ka-Pantai Timor, kalau tidak, akan bertompok-lah doktor itu di-Kuala Lumpur atau di-sebelah Pantai Barat ini. Sa-buah General Hospital Kuala Lumpur yang orang sakit-nya hanya barangkali dua kali ganda ramai-nya dengan orang sakit di-General Hospital Kota Bahru mempunyai doktor sa-puloh kali ganda daripada doktor di-General Hospital Kota Bahru.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, perkara ini patut-lah mendapat perhatian dari-pada Yang Berhormat Menteri Kesehatan. Mudah²an persaembangan pembahagian doktor dalam semua negeri ini 'adil dan saksama.

Tuan Haji Ahmad bin Saaid (Seberang Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong chadangan sahabat saya Ahli Yang Berhormat 'dari Larut Selatan untuk menguchapkan sa-tinggi² terima kaseh kapada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, dan juga saya mengambil peluang menyokong di atas dasar² yang telah di-chatikan dalam Titah uchapan Duli Yang di-Pertuan Agong itu. Dalam Titah Baginda ini yang menarek hati saya ia-lah berkenaan dengan perusahaan kelapa. Titah Baginda ada menyebutkan:

"Sa-buah Pusat Penyelidekan Nanas akan di-tubohkan untuk menjalankan penyelidekan dengan lebih giat lagi. Mengenai perusahaan kelapa, Jawatan-Kuasa Penasihat Kelapa yang di-tubohkan pada tahun lepas sedang membangunkan dengan teliti sama ada boleh atau tidak di-adakan ranchangan menanam sa-mula dan memulehkan kebun² kelapa di-kawasan² yang besar di-negeri ini."

Saya berharap dengan harapan yang tinggi supaya Jawatan-Kuasa ini mengkaji dengan sa-dalam²-nya dan memberi bantuan kapada pekebun² kelapa untuk menanam sa-mula pokok² yang tua dan pokok² yang rosak. Dengan chara ini dapat-lah kebun² kelapa itu mengeluarkan hasil yang lebih dan pendapatan pekebun² kelapa akan bertambah lagi.

Sa-perkara lagi, ingin menarek perhatian Yang Teramat Mulia Perdana Menteri khas-nya berkenaan dengan chadangan-nya hendak mendatangkan satu usul dalam Dewan Yang Berhormat ini untuk meminda Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu. Di-sini saya suka mengeshorkan kapada beliau ia-itu waktu menge-mukakan pindaan patut juga Fasal 152 (3) di-pinda bersama². Ini mengenai Bill², yang mana Fasal 152 (3) berbunyi:

"Notwithstanding the provisions of Clause (1), for a period of ten years after Merdeka

Day, and thereafter until Parliament otherwise provides, the authoritative texts—

- (a) of all Bills to be introduced or amendments thereto to be moved in either House of Parliament, and
- (b) of all Acts of Parliament and all subsidiary legislation issued by the Federal Government shall be in the English language."

Saya harap Yang Teramat Mulia Perdana Menteri tambahkan ayat ini:

"In the English language and the Romanised Malay language."

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, dapat-lah sahabat² saya yang tidak tahu bahasa Inggeris dalam Dewan ini mengkaji segala Bill² dan "Acts of Parliament" dan membolehkan mereka itu mengambil bahagian dalam perbahahan dalam Parliament ini dengan sa-berapa elok-nya dan di-samping itu dapat-lah kita dari satu masa ka-satu masa memajukan bahasa kebangsaan mengikut peringkat yang sa-suai dan kita harap akan di-laksanakan pada tahun 1967 dengan sa-penoh-nya.

Sa-perkara lagi yang saya ingin berchakap ia-lah tentang pendaftaran buroh. Saya telah berchakap berkenaan dengan keadaan pendaftaran buroh dan pejabat buroh sekarang ini nampak-nya tidak bagitu memuaskan hati, kerana tidak ada satu undang² bagi memaksa majikan² mengambil pekerja² melalui Pejabat Pendaftaran Buroh; pada masa sekarang ini majikan di-benarkan mengambil pekerja² dengan bersendirian. Chara ini kerja-nya tidak bagitu lichin dan banyak di-antara orang² yang telah mendaftar itu tidak mendapat peluang kerja, sa-tengah²-nya telah 3-4 tahun mendaftarkan nama-nya tidak dapat kerja juga. Sa-chara ini tidak dapat di-kawal dan di-awasi dengan sa-elok²-nya.

Saya harap Yang Berhormat Menteri Buroh supaya membuat satu undang² ia-itu majikan mesti-lah mengambil pekerja melalui Pejabat Pendaftaran Buroh, kalau tidak, akan di-denda atau di-hukum pada mereka itu.

Lagi satu perkara, khas-nya untuk faedah penuntut² Melayu, kita hendak-lah membaiki chara pengambilan untuk perkhidmatan Kerajaan, dan juga

bahasa kebangsaan kita hendak-lah di-utamakan juga. Akan tetapi manakala kita lihat dalam siaran i'lan bagi peminta² kerja saya berasa sangat kechewa oleh kerana maseh lagi di-tegaskan kelayakan chalun² minta kerja itu mesti lulus "Overseas School Certificate" atau "Federation of Malaya School Certificate with a credit in English." Jadi, Tuan Yang di-Pertua, bukan-kah baik di-tambah "with a credit in Malay." Baharu-lah kena jalan-nya, bukan sahaja Bahasa Inggeris di-utamakan tetapi Bahasa Kebangsaan juga mesti di-utamakan.

Satu perkara lagi, berkenaan dengan Titah uchapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang menyebutkan "Kerajaan Beta akan meneruskan dasar-nya hendak menambah bilangan orang² Melayu yang mengambil bahagian di-dalam lapangan pengangkutan." Saya menguchapkan terima kaseh. Pada masa ini beberapa sharikat² bas di-mileki oleh orang² Melayu dan saya berharap perusahaan ini akan dapat di-tambah supaya di-kawal dan di-kelolakan oleh orang² Melayu. Jangan-lah jadi kata orang "Melayu jual Melayu".

Tuan Yang di-Pertua, saya mendengar uchapan daripada pehak pembangkang, kata-nya bahawa Yang Berhormat Meteri² semua-nya menganaktirikan negeri Trengganu dan Kelantan. Di-sini saya berpendapat sangat²-lah tidak benar. Kalau-lah sabar²-nya Yang Berhormat² itu menganaktirikan Kelantan dan Trengganu maka tentu-lah mereka tidak menyediakan ranchangan² dan memasukkan anggaran² dalam Development Estimate. Di-sini Tuan Yang di-Pertua, saya telah kajikan dengan halus-nya dan di-dapati peruntukan daripada Kementerian² itu khas bagi Trengganu dan Kelantan sa-banyak 4 million dua puluh dua ribut enam ratus ringgit. Berbagai² ranchangan lagi di-adakan di-dalam anggaran perbelanjaan itu maka dengan ini tuduhan itu tentu-lah tidak benar sama sa-kali. Berkenaan dengan ranchangan tanah itu maka mereka telah ada ranchangan tanah-nya sendiri yang di-fikirkan lebih baik dan lebih molek konon-nya.

Satu perkara lagi mereka telah menyatakan bahawa uchapan Duli Yang Maha Mulia itu ada-lah menge-lirukan ra'ayat. Itu ada-lah tidak benar juga kerana Duli Yang Maha Mulia terang² telah menjelaskan dan kita semua telah mengetahui bahawa Lem-baga Kemajuan Tanah Persekutuan Tanah Melayu telah berjaya menga-dakan 23 ranchangan di-serata Perse-kutuan Tanah Melayu; dengan itu dapat-lah lapan ribu keluarga di-beri-kan tanah, jadi saya berharap-lah Yang Berhormat² pehak ahli PAS itu jangan-lah mempermain²kan Titah uchapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya telah mendengar lagi bahawa Yang Berhormat wakil Pasir Puteh mengatakan bahawa Perikatan tidak ada modal politik. Saya suka menegaskan tuduhan yang melulu itu siapa-kah yang sa-benar-nya tidak ada modal dan siapa-kah yang sa-benar-nya yang bengkerap politik. Kalau kita kaji halus² di-mana-kah tumboh-nya Partai Islam Sa-Malaya itu. Bagaimana-kah pe-mimpin²nya daripada PKMM dahulu masok dalam Persatuan Islam Sa-Malaya. Tumboh-nya atau beranak-nya ia-lah pada tahun 1952 di-Butter-worth, dan di-bentok oleh 'alim ulama UMMO Sa-Malaya. Tujuan-nya suchi murni untuk memperbaiki hal ahwal orang² Islam dan tidak sama sa-kali menchampori politik. Tetapi Persatuan Islam telah di-gulingkan oleh satu puak dan di-tukarkan nama-nya dengan nama Persatuan Islam Sa-Tanah Melayu. Daripada mana-kah datang-nya orang² itu semua orang tahu, bahawa datang-nya daripada orang² yang telah bengkerap politik-nya. Perkara itu tidak dapat di-nafikan, sekarang ini pengaroh² mereka itu hampir² hapus kerana menurut siaran di-dalam surat khabar sa-malam di-Kuala Kerai 9 orang chalun Perikatan di-dapati menang tidak payah bertan-ding, jadi sekarang berma'ana per-ikatan telah menang. Nampak-lah pengaroh PAS itu makin sa-hari makin meleset (*Ketawa*) bengkerap dalam politik, tidak ada modal lain melain-kan datang dalam Dewan ini berk Kok berderai² tetapi ekor-nya bersalut dengan tahi.

Sekian-lah, Tuan Yang di-Pertua.

Enche' Zulkiflee bin Muhammad: Tuan Yang di-Pertua, mujor nampak-nya dengan pindaan waktu meshuarat ini banyak orang mengantok dan sa-tengah²-nya chuba berchakap dan mengigau, tetapi ta' mengapa-lah, Tuan Yang di-Pertua, ini satu experiment dan dalam experiment itu tentu-lah banyak kurban² experiment mudah²an pada masa yang akan datang tidak akan berlaku. Usul di-hadapan ini ada-lah satu usul yang terus di-kemukakan oleh sa-orang Ahli Yang Berhormat yang menguchapkan terima kaseh kapada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas titah Duli Yang Maha Mulia itu. Saya pada mula-nya hendak berchakap kemudian, sebab saya me-nunggu Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri supaya berchakap terlebeh dahulu, tetapi ta' mengapa saya berchakap dahulu, chuma saya ada tekit saya dan saya akan kemukakan pindaan kemudian, supaya perbahathan ini panjang.

Apa yang ada di-hadapan kita ini ia-lah uchapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Uchapan ini tiap² kali di-kemukakan untok di-bahath bersama dalam Parlimen ini supaya dasar Kerajaan itu dapat di-halusi bagi masa yang akan datang. Ini ia-lah amalan democracy, tetapi sa-belum saya masok ka-situ saya hendak menegor teknik uchapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang agak-nya satu teknik yang merusut, makin lama makin ke-chut. Dahulu apabila uchapan Duli Yang Maha Mulia itu di-bahathkan maka ada satu hujongan atau appendix yang di-sertakan bersama. Di-dalam-nya itu ada keterangan cherita yang banyak di-sini dengan ada-nya satu hujongan lain yang menerangkan kerja² dalam erti-kata yang concrete. Ini telah di-pinda dan ini umum-nya procedure merosot kerana sudah kechut chara pemerentahan Perikatan.

Tuan Yang di-Pertua, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah banyak memuji kerana baik perjalanan democracy dalam negeri ini. Dahulu

dari padanya ini saya telah beruchap lebih kurang dan dalam uchapan itu dapat-lah di-pandang hingga ka-mana democracy itu sudah berjalan dan hingga ka-mana "dia-mau-kerasi" itu sudah berjalan. Saya tidak suka mengulang perkara itu, tetapi saya memandang berat chara democracy yang sengaja timbul di-dalamnya satu chara hendak menekan fahaman politik yang ada pada parti² politik. Memang benar-lah dalam hubungan kita di-Parlimen ini dan juga di-luar perchubaan kita yang bersunggoh² hendak mengujudkan satu suasana dan usaha yang sihat dan subor bagi perkembangan democracy dalam negeri ini. Maka apa yang di-sebutkan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong itu hendak-lah sama² di-amalkan oleh pehak Kerajaan dan pehak pembangkang. Kemesraan di-antara anggota² Parlimen menegor di-belakang surat khabar dan sa-bagai-nya tidak-lah chukup, tetapi perasaan bertanggong jawab kapada negara, perasaan merasai bahawa tiap² pehak itu mempunyai tugas masing² dalam menyumbangkan tenaga-nya untuk perkembangan hidup yang baik hendak-lah di-akui. Saya mengulang rasa kesal saya atas ada-nya perchubaan untuk mencegah perkembangan democracy dalam negeri ini. perbezaan politik tidak-lah salah, kalau perbezaan itu di-salorkan di atas chara² yang baik yang di-dalamnya dapat ra'ayat memahami-nya dengan perbezaan itu-lah tiap² pehak menunjukkan wakil-nya, tetapi tekanan atas perbezaan tidak-lah boleh di-jalankan kerana itu berlawanan dengan jiwa democracy yang di-puji dan di-sanjung oleh titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Tuan Yang di-Pertua, bahawa yang besar dalam sa-suatu negeri democracy ia-lah pembezaan. Jadi biar-lah kita gunakan demokrasi dengan aman dan adil.

Tadi dalam uchapan yang di-sebutkan oleh rakan² saya di-sini banyak kenyataan² yang telah berlaku bkenaan dengan Kelantan dan Trengganu, tetapi saya di-sini hendak menyebutkan tempat² yang ada orang² Persatuan Islam yang sunggoh² terkorban. Saya tahu terdapat policy

yang lain yang menganak-tirikan dalam kawasan² yang di-menangi oleh pehak Kerajaan ini sendiri, dan sa-kira-nya Menteri Yang Berhormat mahukan pada kenyataan yang bermula pada bila² masa pun, yang Ranchangan Kemajuan Luar Bandar ta' di-adakan di-satu tempat kerana penyokong² Persatuan Islam lebuh banyak dalam tempat itu. Ini pun nampak, Tuan Yang di-Pertua, dalam kertas yang di-kemukakan dalam Dewan ini kapada kita pada hari ini berkenaan dengan Jawatan-Kuasa Kemajuan Luar Bandar. Ahli Yang Berhormat dari Setapak yang malam ini ta' ada telah bertanya kepada Timbalan Perdana Menteri—dalam kertas ini di-muka 6 nombor 11—bertanya kapada Timbalan Perdana Menteri ada-kah kawasan Setapak termasok di-dalam Ranchangan Luar Bandar. Jika ya, apa-kah sebab-nya maka wakil ra'ayat yang terpilih bagi Parlimen/Negeri tidak di-pelawa berkhidmat di-dalam Jawatan-Kuasa Luar Bandar. Apa-kah yang telah di-jawab oleh Timbalan Perdana Menteri? Ya, jawab-nya. Ada-lah hak Kerajaan² Negeri melan tek kerja pembangunan itu. Buku Merah dan directive yang di-kemukakan oleh Kerajaan ini terang² telah mengatakan Ahli Parlimen dan Ahli Undangan Negeri ada-lah dengan sendiri-nya berhak menjadi ahli bagi Jawatan-Kuasa Kemajuan Luar Bandar bagi kawasan itu.

Apabila di-tolak kawasan Setapak daripada kaedah ini tidak-lah dapat di-napikan dengan mudah-nya dengan sa-mata² berdiri di-sini mengatakan—tidak, tidak-lah dapat di-napikan bahawa ada kerja berbeza² parti² politik di-dalam ranchangan pembangunan luar bandar dalam negeri ini. Tidak-lah berguna, Tuan Yang di-Pertua, Seri Paduka Baginda bertitah menyuroh ra'ayat berbaik² mewujudkan satu semangat kerjasama yang sunggoh dalam ranchangan kemajuan luar bandar ini sa-kira-nya ra'ayat itu di-beza² kan. Ada lebuh baik kalau ditulis dengan terang—kerana ini di-napikan oleh Menteri—kalau di-tulis terang² bahawa ranchangan ini bukan

ranchangan kemajuan luar bandar bagi negara, tetapi bagi Parti Perikatan. Tetapi, apabila di-minta keterangan, maka dalam uchapan yang kita dengar dalam Parlimen ini berkata-lah pehak² yang bertanggong jawab bahawa ranchangan kemajuan luar bandar ini ada-lah ranchangan negara. Benda² yang saperti ini, Tuan Yang di-Pertua, di-lakukan boleh-lah di-katakan oleh Menteri yang bertanggong jawab bahawa dia tidak-lah dapat berbuat apa², ini kehendak daripada Kerajaan Negeri. Kalau Kerajaan Negeri memandang kawasan Setapak umpamanya—saya tidak hendak menjadi loyar kawasan Setapak ini—tetapi yang menjadi soal kapada saya ia-lah tekanan politik—kalau Kerajaan Negeri tidak mahu itu saya tidak boleh buat apa². Tuan Yang di-Pertua, apabila kita hendak membangunkan satu ranchangan yang tegas dalam-nya kita berkehendakkan kerjasama, ra'ayat tentu-lah tidak suka kapada anasir mempengarohi dasar pembangunan itu sendiri walau pun anasir² itu daripada kawan kita sendiri. Kalau Kerajaan Negeri Selangor yang pada masa ini dipegang oleh parti pemerentah tidak tahu perentah yang di-arahkan daripada Kementerian Pembangunan Luar Bandar yang juga parti-nya sendiri, maka tidak ada-lah satu sebab yang kita berharap kepada kerjasama bersama daripada orang lain. Ini-lah, Tuan Yang di-Pertua, saya katakan bagi kemajuan ranchangan ini kerjasama amat-lah penting di-wujudkan.

Apabila Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri melawat Kelantan dan Trengganu di-antara uchapan²-nya ia berkata: Kalau tuan² hendak pada ranchangan kemajuan luar bandar maka Kerajaan kasehan juga kapada tuan² kerana tuan² orang Melayu, tetapi Kerajaan tidak akan memberi menerusi Kerajaan Negeri. Tidak-lah saya tahu apa maksud-nya bagaimana hendak di-beri ranchangan kemajuan? Ada-kah ia akan beri kapada ra'ayat, bererti boleh jadi akan di-bentok satu jawatan-kuasa lain daripada apa yang telah di-bentok oleh Kerajaan² Negeri Kelantan dan Trengganu, dan wang akan di-churahkan di-sana untuk di-belanjakan mengikut kehendak orang

yang di-setuju'i oleh Kementerian. Ini tentu-lah berlawanan dengan chara dan tata pentadbiran negeri ini, dan ini akan menimbulkan terpisah-nya ranchangan kemajuan luar bandar ini daripada menjadi sa-buah ranchangan bagi negara. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, apabila saya sebutkan ini saya berharap jangan-lah di-pandang apa yang di-sebutkan ini sa-mata² kerana sentimen politik, tetapi apa yang di-sebutkan ini kami mengharapkan supaya ranchangan ini dapat di-beri kepada ra'ayat.

Dalam uchapan ini, Tuan Yang di-Pertua, sa-kurang²-nya ada 37 perkara yang besar yang saya telah perhatikan daripada isi² yang di-sebutkan dalamnya, dan dalam uchapan ini terdapat ulangan daripada apa yang telah di-sebutkan dalam uchapan Seri Paduka Baginda pada masa yang lalu. Saya telah melihat beberapa kalimah dan saya akan keluarkan dalam Dewan ini yang tertera dalam uchapan itu satu daripada-nya ia-lah Kerajaan ini dahulu mengaku sunggoh² akan menche-gah dan memerangi rashwah atau makan suap dalam pentadbiran Kerajaan. Sunggoh pun dalam uchapan ini Seri Paduka Baginda telah bertitah ia tidak akan mengulang benda yang sudah dan akan berjalan terus, tetapi, Tuan Yang di-Pertua, perkara rashwah ada-lah satu perkara yang besar yang sengaja di-tinggalkan oleh uchapan ini, boleh jadi kerana ia takut membuka pintu kapada orang lain masuk. Rashwah baharu yang di-bangkitkan oleh sa-orang ahli di-sini berkenaan dengan lombong Sungai Lam, yang telah berjanji-lah Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri di-hadapan wakil² ra'ayat di-Dewan Ra'ayat ini bahawa Kerajaan akan menyiasat hal lombong Sungai Lam. Saya tidak tahu apa yang telah jadi, tetapi saya per-chaya dalam surat khabar timbul-lah tepok² belakang sahaja sa-hingga menyebabkan perkara ini tidak di-terangkan.

Tuan Yang di-Pertua, negeri kita ini negeri yang muda yang terdedah kepada kuman penyakit masharakat yang banyak yang kalau kita tidak segera membetulkan-nya akan menyelapak kehidupan negeri ini pada masa

yang akan datang dalam politik. Maka kalau soal rashwah tidak di-baiki, dan hinggakan dalam perkara yang telah di-kemukakan di-sini dan telah terang² di-akuï oleh Kerajaan, tidak dapat di-jalankan dengan segera dan tidak dapat di-kemukakan jawapan-nya, maka tidak-lah besar harapan kita kapada kebersehan pentadbiran dalam Kerajaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang tidak di-sebutkan di-dalam Titah Seri Paduka Baginda ini yang saya memandang besar—boleh jadi orang memandang kecil ia-lah berkenaan dengan iktisad orang Melayu. Banyak cherita hendak memajukan perusahaan, banyak cherita hendak memajukan perdagangan, hendak kaya dan hendak senang, tetapi tidak ada cherita tentang hendak memajukan ekonomi orang Melayu walau pun kita telah mendengar bahawa Menteri Perdagangan dan Perusahaan ada mengambil langkah dalam hal ini. Dukachita saya memandang perkara yang besar ini tidak di-masukkan.

Tuan Yang di-Pertua, kedudukan bangsa Melayu di-dalam soal ekonomi negeri ini hendak-lah di-jadikan satu perkara yang mesti di-tegaskan oleh Kerajaan, kerana ini ada-lah telah menjadi satu perkara yang tegas di-dalam titah uchapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Tuan Yang di-Pertua, boleh jadi ada yang mengatakan bahawa Kementerian² telah mengambil langkah, jadi tidak payah-lah ia mengambil berat lagi. Kalau bagitu-lah mantek-nya atau lojik-nya, Tuan Yang di-Pertua, tentulah tiap² Kementerian itu mengkemukakan hasrat dan ranchangan-nya untuk sa-suatu Kemajuan itu. Kalau Kementerian Perdagangan sunggoh² benar menjalankan kerja-nya untuk memajukan perkara² ini sudah-lah memang pada tempat-nya.

Tuan Yang di-Pertua, ada satengah² perkara itu tidak di-jalankan mengikut sa-mesti-nya. Satu daripada perkara yang di-diamkan ia-lah berkenaan dengan Malayanisation. Soal Malayanisation atau soal memalaynisekan perkhidmatan² dalam negeri

ini ada-lah satu daripada soal yang sedang di-ambil berat oleh Kerajaan hari ini. Kerana ada Kementerian² oleh sebab tidak di-malayanisekan maka telah menghadapi beberapa kesulitan, satu daripada-nya ia-lah Kementerian Pengangkutan. Tuan Yang di-Pertua, pernah Kementerian Pengangkutan membuat satu dasar tetap ia-itu supaya orang² Melayu di-ambil lebih banyak di-dalam perkhidmatan Kementerian itu. Akan tetapi pegawai yang tidak di-malayanisekan dalam Kementerian itu yang besar pengaroh-nya, tidak payah-lah saya sebutkan nama-nya di-sini, tidak mahu menjalankan kerja²-nya atau tugas-nya. Kata-nya, kalau dia di-paksa menjalankan tugas itu ia akan meletakkan jawatan-nya. Tuan Yang di-Pertua, ini-lah sebab-nya maka saya katakan soal membersekhan perkhidmatan negeri ini daripada pegawai² yang bukan sahaja tidak mahu menghormati kita bahkan ada di-antara pegawai² itu tidak mengerti kapada tanggong-jawab yang di-berikan kapada-nya. Kalau-lah sa-lagi orang² saperti itu kekal, Tuan Yang di-Pertua, maka tidak dapat tidak akan terbantut-lah segala ran-changan² yang baik itu.

Pada malam ini kita bahathkan bagi maksud hendak menentukan dasar Kerajaan yang sedang di-jalankan pemerentahan-nya pada masa ini. Tuan Yang di-Pertua, memandang kapada kedaulatan negeri ini dan memandang kapada penting-nya kita berdiri di atas kaki sendiri sa-bagai sa-buah negeri yang telah merdeka maka saya memandang teriti perjanjian pertahanan yang di-buatkan oleh Kerajaan Inggeris itu patut-lah di-kaji dan di-betulkan serta di-sesuaikan mengikut kehendak ra'ayat negeri ini sa-bagai sa-buah negeri yang merdeka.

Tuan Yang di-Pertua, satu bangsa yang berdaulat itu mesti-lah membayar harga kedaulatan itu sadikit demi sadikit. Maka sa-sudah dua tahun kita tidak mahu lagi membayar harga itu. Ini-lah masa-nya hendak membayar harga kedaulatan itu dengan menyusun sa-mula kedudukan ketenteraan dalam negeri ini supaya di-pegang oleh anak negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, perjanjian pertahanan itu mahu tidak mahu adalah melibatkan negeri ini di-dalam pertarongan International. Menurut dasar Kerajaan, Tuan Yang di-Pertua, pertarongan dalam dua kumpulan pehak Timor dan Barat di-dalam politik International itu ada-lah satu pertarongan yang benar² adil yang mengikut pertarongan idioloji sama-mata². Kerana itu tidak-lah mustahil bahawa pada suatu masa nanti Tanah Melayu ini akan tersepit dan akan mendapat bahaya yang besar.

Tuan Yang di-Pertua, soal ini akan saya ulas di-hujong nanti, sebab soal dasar luar negeri ini ada-lah satu perkara yang patut kita bahathkan halus². Menurut apa yang di-sebutkan oleh Tuan Yang di-Pertua pada Dewan ini bahawa di-satu masa yang akan di-adakan perbahathan dasar luar negeri terutama sa-kali, Tuan Yang di-Pertua, soal ini penting tetapi sampai hari ini belum tiba masa-nya oleh kerana agak-nya Perdana Menteri belum lagi bersedia maka sebab itu saya berfikir tepat-lah kalau saya pileh bahawa ini-lah masa-nya bagi menjalankan-nya, dan saya akan mengemukakan pindaan dalam hal ini supaya perbahathan itu specific supaya di-bahathkan dasar Kerajaan dalam menjalankan dasar ini satu demi satu. Sebab chara uchapan² di-dalam-nya jangan-lah umum saperti yang sekarang kita lakukan dalam membuat ulasan.

Apabila kita sentoh soal pertarongan di-luar negeri ini teringat-lah saya kepada langkah² selok-belok kerja² international yang di-bawa oleh Perdana Menteri semenjak Yang Berhormat itu memegang dan menjalankan tugas Kementerian Luar Negeri. Kita berada di-dalam Commonwealth dan dengan berada dalam Commonwealth itu banyak-lah chara² terutama dan kadang² meyakinkan kita dan kadang² menyenangkan kita dalam Commonwealth dan banyak pula musoh kita. Perdana Menteri sendiri pun tahu bahawa Commonwealth ini pun ta' boleh di-harap, sebab ia-itu "British" Commonwealth. Chap-nya British Commonwealth. Dan Perdana Menteri memikirkan chuba² kita bawa puak²

kita sahaja yang dekat² maka timbul-lah ASAS dan di-bawa-lah Yang Terutama President Garcia berunding maka sampai-lah kapada sefahaman bahawa kita ada-lah serumpun dari Malay race atau yang di-panggil Malaysian race yang patut-lah di-rapatkan, sebab dunia pada masa sekarang ini hendak menchari kawan. Tetapi Yang Berhormat Perdana Menteri belum pun selesai lagi ASAS-nya pada waktu sembahyang di-Mesjid Wocking (England) ternampak bahawa ra'ayat Islam di-sana ramai yang terdiri dari orang² Pakistan, India, Afrika, Indonesia dan lain². Chuba-lah kita dirikan Commonwealth Islam pula! —Ini ta' jadi. Chara yang bagini dengan segala tawadzuk saya katakan ta' jadi. Kita berdasar bebas, biar-lah kita kaji, biar-lah kita ator, biar-lah kita bahathkan masak². Sebab, Tuan Yang di-Pertua, saya dari Persatuan Islam tentu-lah bersetuju Commonwealth Islam itu bagus di-adakan. Tetapi ada-kah Yang Berhormat Perdana Menteri itu benar² setuju? Sedang dia pernah kata Orang Arab itu ta' menolong kita! Jadi yang akan menjadi anggota² Commonwealth itu puak² itu-lah (*Ketawa*). Maka bagaimana-kah politik international yang hendak di-amalkan oleh negeri ini dengan telatah oleh pehak Perdana Menteri itu, oleh sebab yang demikian saya merasa biar-lah Kerajaan dalam perkara dasar luar-nya menegaskan dasar luar-nya itu dengan sa-penoh hati, jangan chuba main kayu tiga dalam politik international. Sa-barang main kayu tiga dalam politik international akan mengakibatkan pertarongan yang akan melibatkan negeri ini dalam perkara perang dan ini tidak akan menguntungkan kita.

Saya fikir patut-lah di-jadikan satu perbahathan yang specific dan saya akan kemukakan pindaan saya untuk itu. Kita sa-bagi sa-buah Kerajaan yang mengendalikan nasib anak bangsa kita mesti-lah memandang jauh dalam hendak meletakkan di-mana negeri kita ini. Tidak-lah chukup, Tuan Yang di-Pertua, sa-bagi menghargakan penjuang² kita dengan hanya mengadakan Tugu National ia-itu di-adakan satu Tugu dengan harga \$1 million lebeh. Katakan-lah \$1 million dan di-letakkan

patong orang² di-bawah bendera dengan membawa senapang dan orang² yang terkurban. Ini-kah kepentingan mereka ini sa-bagai tentera penjuang? Letakkan-lah mereka itu di-mana mereka berdiri sa-bagai satu pertarungan yang mesti di-hadap oleh mereka dan Kerajaan hendak-lah mem-

balas budi mereka, bukan hanya dengan tugu! Tuan Yang di-Pertua, dalam

Mr. Speaker: Ahli² Yang Berhormat meshuarat ini di-tempohkan sa-hingga pukul 9.30 pagi esok.

Adjourned at 11.00 p.m.

WRITTEN ANSWERS TO QUESTIONS

MINISTRY OF AGRICULTURE AND CO-OPERATIVES

Ex-Special Constables

1. Enche' Ahmad Boestamam bertanya kepada Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama berapa-kah bilangan mata² khas di-Persekutuan Tanah Melayu yang sedang di-ambil tindakan mahkamah supaya menjelaskan pinjaman² mereka kepada Kerajaan.

Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama (Enche' Abdul Aziz): Bilangan bekas mata² khas yang telah di-da'awa di-mahkamah bagi mendapatkan balek wang pinjaman yang di-berikan kepada mereka ia-lah sa-ramai 1,961 orang.

2. Enche' Ahmad Boestamam bertanya kepada Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama ia-itu ada-kah Kementerian-nya sedar bahawa ada-nya kegelisahan yang di-rasakan oleh bekas mata² khas apabila tamat tempoh perkhidmatan mereka dengan tidak di-beri apa² kerja sa-bagai ganti-nya oleh Kerajaan, dan juga di-paksa oleh Kerajaan supaya membayar sa-mula pinjaman², jika ya, terangkan langkah² yang akan di-jalankan untuk membantu mereka menjauhkan kegelisahan mereka itu.

Enche' Abdul Aziz: Kementerian ini sangat² sedar akan kesulitan yang harus di-alami oleh bekas mata² khas apabila mereka di-rentikan daripada jawatan. Maka bagi mengelakkan kesulitan² itu Kementerian ini telah mengadakan faedah² kebendaan untuk bekas mata² khas yang boleh mendapat-nya, sa-baik-baik mereka di-berhentikan.

Faedah² itu ia-lah:

- (a) pertolongan untuk mencharikan kerja;
- (b) bantuan tanah tanian;
- (c) pinjaman pemulehan;
- (d) pemberian terus;
- (e) di-hantarkan balek ka-negeri asal-nya.

Faedah Kebendaan yang tersebut di atas ini ada-lah sa-lain daripada Faedah² Wang Tunai Penggalan biasa

yang di-bayar oleh Jabatan Polis apabila sa-saorang mata² ini berhenti.

Bekas mata² khas hanya di-da'awa di-mahkamah untuk mendapat semula pinjaman-nya manakala mereka telah beberapa bulan tidak menyempurnakan bayaran ansor hutang-nya. Da'a-waan sa-chara ini hanya di-jalankan sa-sudah semua chara² yang lain untuk mengembalikan hutang-nya itu tidak berjaya, mithal-nya sa-sudah di-hantar pemberitahu bertulis, sa-telah berjumpa dengan mereka sendiri dan sa-sudah di-beri amaran tetapi tidak di-endahkan oleh mereka. Sa-lain dari pada itu Kementerian ini, dengan persetujuan Jabatan Perbendaharaan, bersedia menimbaangkan hal mata² yang benar² susah. Beberapa pinjaman telah di-potong dengan kebenaran Pejabat Perbendaharaan dan dengan shor daripada Kementerian ini. Menteri Pertahanan sendiri selalu juga menimbaangkan hal² orang yang tidak mampu menjelaskan hutang-nya.

3. Enche' Ahmad Boestamam bertanya kepada Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama ada-kah Kementerian-nya bersedia menuahkan sa-buah Jawatan-Kuasa bebas untuk menyelidek kegelisahan yang sedang di-deritai oleh bekas mata² khas dan mengeshorkan bagaimana chara-nya yang boleh menamatkan kegelisahan itu.

Enche' Abdul Aziz: Pada fikiran Kementerian ini tidak mustahak dilantek Jawatan-Kuasa bebas khas untuk memereksa kesulitan² yang di-sebutkan itu, dengan sebab Kementerian ini sentiasa bersedia menimbaangkan hal orang yang benar² susah. Sa-bagaimana yang di-terangkan terlebih dahulu, beberapa pinjaman telah di-potong dengan kebenaran Pejabat Perbendaharaan dengan shor daripada Kementerian ini.

MINISTRY OF EDUCATION

University-Graduate Teachers in Government Secondary Schools

4. Enche' Zulkiflee bin Muhammad bertanya kepada Menteri Pelajaran ia-itu:

- (a) berapa bilangan guru² yang mempunyai ijazah university yang telah

di-hantar ka-tiap² Sekolah² Menengah Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dalam tahun 1961;

(b) kenapa-kah selalu benar di-tukar² kan Pengetua Sekolah Zainab di-Kota Bharu itu.

Menteri Pelajaran (Enche' Abdul Rahman bin Haji Talib):

(a) Jawapan kapada bahagian pertama daripada pertanyaan ini ia-lah saperti berikut—

<i>Sekolah</i>	<i>Bilangan</i>
Sekolah Tuanku Muham-mad, Kuala Pilah ...	1
Sekolah Tun Fatimah, Melaka	1
Sekolah King Edward VII, Taiping	1
Sekolah Victoria, Kuala Lumpur	1
English College, Johore Bahru	1
Sekolah Inggeris Derma, Kangar	1
Sekolah Penang Free, Pulau Pinang	1
Sekolah Menengah Cliff-ord, Kuala Lipis ...	1
Sekolah Menengah Sultan Sulaiman, Kuala Trengganu	3
Maktab Sultan Ismail, Kota Bharu	3
Sekolah Sultanah Asmah, Alor Star	2
Sekolah Tinggi, Muar ...	1
Sekolah Menengah West-lands, Pulau Pinang ...	1
Sekolah Dato' Abdul Razak, Tanjung Malim	1
Jumlah ...	19

(b) Dukachita ia-itu selalu benar di-tukarkan Pengetua Sekolah Zainab, Kota Bharu itu. Sebab² besar maka terjadi-nya perkara demikian ia-lah kerana kekurangan guru² perempuan kelulusan mak-tab atau sekolah tinggi yang ada kelayakan dan pengalaman serta belum bersuami. Dua pengetua sekolah ini yang di-tukarkan

dalam sadikit tahun yang lalu, Pengetua yang pertama di-tukarkan kerana menjawat jawatan yang lebih tinggi lagi sa-bagai Guru Besar sa-buah Sekolah Menengah tumpangan bagi murid perempuan dan Pengetua yang kedua terpaksa di-tukarkan apabila ia berkahwin supaya dapat dudok bersama dengan suami-nya.

MINISTRY OF EXTERNAL AFFAIRS

Second Secretary in Consulate at Jedah

5. Tuan Haji Hasan Adli bin Haji Arshad bertanya kapada Menteri Luar ada-kah benar ia-itu Setia Usaha Kedua di-Konsol Tanah Melayu di-Jedah telah di-lantek, jika ya, terangkan,

- (a) Nama pegawai yang di-lantek.
- (b) Ada-kah di-lantek buat semem-tara atau tetap.
- (c) Ada-kah jawatan itu telah di-i'lankan.
- (d) Ada-kah pegawai itu fasih ber-bahasa Inggeris atau Arab.
- (e) Apa-kah pengalaman dan penge-tahuan pertadbiran negeri tem-pat beliau berkhidmat yang ada pada pegawai ini.

Perdana Menteri:

- (a) Ya, nama pegawai tersebut ia-lah Tuan Haji Othman bin Haji Mohd. Yussof.
- (b) Beliau di-lantek dengan chara perjanjian (selama 3 tahun).
- (c) Jawatan itu tidak perlu di-i'lan kepada orang ramai.
- (d) Beliau fasih di-dalam bahasa Arab.
- (e) Beliau telah tinggal di-Mekah selama 8 tahun di-Madrasah Assulitiah dan oleh itu tahu-lah benar dia akan hal ehwal negeri Mekah.

MINISTRY OF HEALTH AND SOCIAL WELFARE

Social Welfare Services Lotteries Board Organisations and Welfare Services eligible for aid

6. Enche' Ahmad Boestamam bertanya kapada Menteri Kesihatan dan Kebajikan Masharakat ia-itu apa-kah jenis

pertubuhan dan khidmatan masyarakat yang boleh meminta bantuan kewangan dari Lembaga Loteri Kebajikan Masharakat.

Menteri Kesihatan dan Kebajikan Masharakat (Dato' Ong Yoke Lin): Menurut Seksyen 7 (2) Undang² Lembaga Perkhidmatan Loteri Kebajikan Masharakat Menteri Kesihatan dan Kebajikan Masharakat membuat suatu perentah membenarkan Lembaga ini mengadakan kumpulan wang pada tiap² kali Loteri itu untuk menjalankan ranchangan² yang tertentu yang telah di-luluskan oleh Lembaga ini. Biasanya perkara² yang berikut ada-lah tujuan² maka Loteri² itu di-benarkan: (*sila lihat, mithal-nya, Gazette Notification 1029 bertarikh 6-4-61*)

- (i) Kebajikan bagi orang² yang Chachat dan Miskin.
- (ii) Kebajikan bagi orang² Buta.
- (iii) Rawatan bagi Penyakit Batok Kering.
- (iv) Bantuan kapada orang² Lemah dan Miskin.
- (v) Memelihara Pergerakan² Pemuda yang bukan pergerakan siasah dan yang halal.
- (vi) Mengadakan Taman Permainan Orang Ramai.
- (vii) Adat istiadat orang² Kampong.
- (viii) Maksud² kerana Orang Ramai, Persaudaraan, Keugamaan dan Pelajaran.
- (ix) Bantuan kapada Pemulehan bagi Orang² sakit Kosta.

Mana² pertubuhan atau perkhidmatan kebajikan yang tujuan²-nya termasuk dalam mana² kepala yang tersebut di atas ini, boleh meminta bantuan kewangan daripada Lembaga ini.

7. Enche' Ahmad Boestamam bertanya kepada Menteri Kesihatan dan Kebajikan Masharakat ia-itu ada-kah pehak Lembaga Loteri Kebajikan Masharakat memberitahu sebab² maka di-tolak sa-suatu permohonan itu, jika tidak kenapa.

Dato' Ong Yoke Lin: Lembaga ini tidak di-kehendaki memberi tahu mereka yang permohonan-nya tidak berjaya akan sebab² maka permohonan²

itu di-tolak. Semua permohonan² itu ditimbang oleh Lembaga ini menurut taraf-nya masing².

Shortage of Government Doctors

8. Enche' Ahmad Boestamam bertanya kepada Menteri Kesihatan dan Kebajikan Masharakat ia-itu ada-kah Kerajaan kekurangan doktor² Kerajaan di-Persekutuan Tanah Melayu, jika demikian, apa-kah langkah yang di-jalankan bagi mengatasi masaalah ini dan berapa-kah lama baharu kekurangan itu dapat di-bereskan.

Dato' Ong Yoke Lin: Dengan mengambil kira akan semua doktor yang berjumlah seramai 506 orang, 411 orang doktor yang berkhidmat dengan Kerajaan. Bilangan ini tidak termasuk 68 orang Doktor Pelateh dan 12 orang doktor² yang lain yang telah di-hantar ka-negeri ini untuk berkhidmat di-bawah Kementerian ini menurut Ranchangan Colombo, Pertubuhan Kesihatan Sedunia, Medico Incorporated of New York, the Hooper Foundation of California, the U.S. Army Research Institute, Washington, dan the British Research Council. Bilangan doktor² dalam Khidmatan Kerajaan bagi tahun² 1957-1961 ada-lah saperti berikut:

1957	262
1958	320
1959	368
1960	391
1961 (pada 1-4-61)	411

Langkah² yang telah di-ambil oleh Kerajaan untuk mengatasi keadaan ini ia-lah:

- (1) memberi biasiswa² Kerajaan lebih banyak lagi dan biasiswa untuk penuntut² dalam Fekulty Perubatan di-University of Malaya;
- (2) mendapat Biasiswa² Ranchangan Colombo lebih banyak lagi untuk melatih doktor²;
- (3) menuahkan sa-buah Fekulty Perubatan di-University of Malaya di-Kuala Lumpur dengan seberapa segera yang boleh;
- (4) menganjorkan dan mendapatkan lebih banyak lagi tempat² bagi penuntut² Malayan di-beberapa² buah Sekolah Perubatan dalam negeri² Commonwealth;

- (5) mendapat lebuh banyak lagi Pegawai² Perubatan daripada negeri Commonwealth, dan dari-pada tempat² yang lain;
- (6) pengambilan yang lebuh giat lagi akan graduate Perubatan Malayan yang belajar di-luar negeri atas belanja mereka sendiri;
- (7) menggalakkan lebuh banyak lagi Doktor² muda Malayan masok dalam Perkhidmatan Kerajaan dan tidak kapada bekerja sendiri, supaya dapat mereka menyumbangkan khidmatan-nya kapada negeri ini yang berkehendakkan tenaga itu terutama sekali memandang kapada ranchangan kesihatan kita kapada kawasan luar bandar.

Memandang kapada dasar Kerajaan untuk mengembangkan Perkhidmatan² Kesihatan dan Perubatan dan memelihara kan taraf-nya, haruslah mengambil beberapa tahun sa-bbelum Kerajaan boleh mendapat Pegawai² Perubatan bagi memenohkan semua kehendak² Kerajaan. Walau bagaimana pun, keadaan sekarang telah beransor baik, sunggoh pun di-adakan Malayanisation.

MINISTRY OF THE INTERIOR

Roads in Kampong Dato' Kramat

9. Enche' Ahmad Boestamam bertanya kepada Menteri Dalam ada-kah jalan masok ka-Dato' Kramat akan di-jadikan sa-bagai sa-buah "jalanraya orang ramai" jika demikian, ada-kah penukaran ini akan di-jalankan sa-bbelum berakhir-nya tahun ini untuk membolehkan di-adakan lampu jalan.

Menteri Dalam (Dato' Suleiman bin Dato' Abdul Rahman): Jalan² yang ada di-Kampong Dato' Kramat itu ada-lah di-anggap sa-bagai "Jalan Raya". Jalan Dato' Kramat akan di-bena sa-mula dalam tahun ini dan lampu² di-tepi jalan akan di-adakan.

MINISTRY OF LABOUR

Fatal and non-fatal Industrial Accidents

10. Enche' K. Karam Singh asks the Minister of Labour to state:

- (a) What is the number of fatal industrial accidents specifying the

number of workers' deaths in each section of Malayan economy (e.g. transport, mining, timber-industry, etc.), during the past one year stating the number for each State.

- (b) In how many cases was workmen's compensation awarded and what was the amount actually paid.
- (c) How many non-fatal accidents took place in the same fields and how much compensation was actually paid.
- (d) What measures does the Ministry propose to reduce industrial accidents.

The Minister of Labour (Enche' Bahaman bin Samsudin): Fatal and non-fatal accidents that occurred during 1960 in the various industries in the Federation:

Industry	Accidents		
	Fatal	Non-fatal	Total
Rubber Estates ...	42	5,543	5,585
Coconut Estates ...	1	354	355
Oil Palm Estates	6	755	761
Tea Estates ...	1	58	59
Pineapple Estates	1	66	67
Logging ...	27	162	189
Timber Yard ...	7	116	123
Toddy Production	2	22	24
Fishing ...	—	121	121
Other Agricultural and Forest Industries	2	92	94
Iron Mining ...	3	99	102
Tin Dredging ...	4	248	252
Tin Mining ...	8	371	379
Gold Mining ...	—	56	56
Other Mining ...	1	55	56
Quarrying ...	9	107	116
Sawmilling ...	18	633	651
Manufacturing ...	8	631	639
Construction ...	19	905	924
Public Utilities ...	1	157	158
Commerce ...	9	210	219
Railways ...	2	242	244
Road Transport ...	14	214	228
Water Transport ...	5	786	791
Other Transport ...	2	108	110
Services (including catering Services, Banks, etc.)	10	386	396
Total ...	202	12,497	12,699

- (a) It will be seen from the table above that a total of 202 fatal accidents took place in 1960 in the various industries listed therein. It is regretted that no figures are kept of these accidents on a State basis.
- (b) Compensation to the amount of \$928,521 was awarded for 141 cases.
- (c) 12,497 non-fatal accidents took place in the various industries and \$1,703,157 was paid as compensation.
- (d) Regulations, under the Machinery Ordinance, have been made so as to prevent, as far as possible, accidents from occurring in places where machinery is used. The Workmen's Compensation Ordinance also serves to deter employers from being careless in so far as their employees are concerned. Wherever and whenever it is deemed necessary Government has, as it did recently to the Workmen's Compensation Ordinance, amended the existing legislation to make more effective its preventive and deterrent, and of course, protective measures.

It will be appreciated, however, that no matter how comprehensive Government's legislation is in this respect it would not be possible to prevent accidents from occurring for the simple reason that the accident prone tendency of human beings varies unpredictably from time to time and between individuals. Realising this Government has, periodically, appealed to both employers and workers that they should, in their own interests, exercise great care in their work places and also obey the safety instructions issued by the Machinery Department. Carelessness and negligence are the causes of most of the accidents and legislation against these two common traits of human beings and its enforcement is most difficult, if not impossible.

Negeri
RANCHANGAN L.K.T.P.—

Kedah	...	Ranchangan	Luas-nya
Bukit Tembaga	1,500 ekar
Batu Lapan	1,000 "
Guar Napai	1,500 "
Sungei Tiang	4,800 "

Trainees under the Central Apprenticeship Board

- 11. Tuan Haji Ahmad bin Abdullah** bertanya kapada Menteri Buroh berapa-kah bilangan murid² menurut bangsa yang telah di-lateh oleh Lembaga Apprentice Pusat di-Persekutuan Tanah Melayu dalam tahun 1959 dan 1960, dan apa-kah jenis latehan yang di-berikan kepada mereka.

Enche' Bahaman bin Samsudin: Bilangan apprentices yang di-lateh oleh Lembaga Apprentice Pusat dengan menunjukkan jenis latehan-nya*.

		1959	1960
1. Fitting (General Mechanical)	...	61	100
2. Fitting (Diesel Engine)	...	57	59
3. Turning	...	11	12
4. Turning and Machining	...	5	12
5. Motor Mechanics	...	37	46
6. Electrical Fitting	...	17	30
7. Electrical Fitting and Armature Winding	...	8	12
8. Electrician	...	28	53
9. Armature Winding	...	2	3
10. Refrigeration and Air-Conditioning	...	—	4
		226	331

* Bilangan mengikut bangsa² tidak ada di-simpan.

MINISTRY OF RURAL DEVELOPMENT

Land Development Projects

- 12. Enche' Ahmad Boestamam** bertanya kapada Timbalan Perdana Menteri berapa-kah bilangan ranchangan kemajuan tanah menurut ranchangan Pembangunan Luar Bandar dalam tiap² negeri dan berapa-kah luas tiap² satu ranchangan itu.

Timbalan Perdana Menteri (Tun Abdul Razak): Bilangan ranchangan² kemajuan tanah menurut Ranchangan Pembangunan Luar Bandar, di-dalam perengkat²-nya masing², di-dalam tiap² Negeri dan luas-nya kawasan² itu di-dalam tiap² ranchangan ada-lah saperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Ranchangan</i>	<i>Luas-nya</i>
Perak	Ijok	5,500 ekar
Selangor	Gedangsa	8,350 "
Negri Sembilan ...	Labu	5,300 "
	Sendayan	7,134 "
Melaka	Kemendore	4,200 "
	Solok Menggong	1,100 "
	Machap	1,500 "
	Hutan Percha	3,200 "
Johor	Endau	2,500 "
	Kulai	2,600 "
	Kong Kong	3,800 "
	Parit Hj. Idris	322 "
	Sungei Tiram	550 "
	Ayer Hitam	4,500 "
	Bukit Serampang	4,100 "
	Tenang	4,010 "
Kelantan	Ayer Lanas	4,200 "
Trengganu ...	Chalok	4,200 "
Pahang	Lembah Bilut	12,600 "
	Kg. Awah	5,000 "
	Sg. Kertam	2,650 "

RANCHANGAN² PERKAMPONGAN BERAMAI²—

Kedah	Wang Tepus	450 ekar
	Kampung Palas	1,104 "
Perak	Ayer Ibul	1,200 "
	Selarong	320 "
	Jalong	2,000 "
	Lasah	4,000 "
	Kampung Rasau	672 "
Selangor	6½ mile Cheras Road	378 "
	8 m.s. Ulu Klang	600 "
	10th mile Bentong Road	690 "
	16th m.s. Kuang	200 "
	Sungei Tekali (1st phase)	336 "
	Sungei Tekali (2nd phase)	358 "
	Sungei Merab	210 "
	Labu	900 "
Negri Sembilan ...	Ulu Senaling (Kuala Pilah)	2,400 "
	Bukit Besar } (Tampin)	1,600 "
	Bukit Rokan }	
Johor	Midoi	3,125 "
	Batu 27	1,117 "
	Teck Wah Heng	2,326 "
	Sri Wangi	1,200 "
	Kundang Ulu	2,766 "
	Bukit Batu	3,000 "
	Pasak	2,000 "
	Simpang Rengam	950 "
Pahang	Sungei Ling	1,500 "
	Sungei Dua	1,090 "
Melaka	Durian Tunggal	500 "
	Solok Ayer Bemban }	
	Solok Ayer Belaga }	
	Bukit Kuau	800 "
	Ulu Jus dan Gapis	200 "
Kelantan	Tiada	
Trengganu ...	Tiada	

<i>Negeri</i>	<i>Ranchangan</i>	<i>Luas-nya</i>
RANCHANGAN PERKAMPONGAN PINGGIR—		
Kedah Tiada		
Perak Ayer Kelat (Ulu Perak)	250	ekar
Danglang (Ulu Perak)	100	"
Ulu Ayer Chegar (Ulu Perak)	50	"
Kuak (Ulu Perak)	45	"
Ulu Sapetang (Krian)	25	"
Kampong Selamat (Krian)	65	"
Dungal (Krian)	360	"
Matang Timbal (Krian)	600	"
Bagan Bharu (Larut dan Matang)	700	"
Batu 12 (Larut dan Matang)	87	"
Sg. Limau (Larut dan Matang)	118	"
Belum Bediri (Larut dan Matang)	100	"
Matang Glugor (Larut dan Matang)	250	"
Lengkuas Timor (Kuala Kangsar)	50	"
Changkat Jong (Kuala Kangsar)	200	"
Bekot Seroli (Kuala Kangsar)	1,000	"
Suak Perang (Kuala Kangsar)	80	"
Suak Gapis (Kuala Kangsar)	100	"
Ulu Kangsar (Kuala Kangsar)	180	"
Salak Baharu (Kuala Kangsar)	500	"
Kuala Poh (Kuala Kangsar)	130	"
Suak Rambutan (Kuala Kangsar)	120	"
Ulu Meran (Kuala Kangsar)	150	"
Suak Pelang (Kuala Kangsar)	130	"
Kuala Dipang (Kinta)	250	"
Bali (Kinta)	60	"
Gunong Pari (Kinta)	380	"
Sahom (Kinta)	120	"
Sg. Dara East (Batang Padang)	200	"
Simpang 3 Chenderiang (Batang Padang)	100	"
Berang Ulu (Batang Padang)	50	"
Kampong Poh (Batang Padang)	200	"
Redang Punggor (Hilir Perak)	7,000	"
Batang Kunchor (Hilir Perak)	134	"
Batu 12 (Hilir Perak)	110	"
Changkat Tareh (Hilir Perak)	480	"
Selangor Jenderam	210	"
Negri Sembilan ... Broga (Seremban)	200	"
Ulu Beranang (Seremban)	280	"
Sungei Kepak (Seremban)	270	"
11th m.s. Mantin (Seremban)	220	"
Panchor Ampangan (Seremban)	30	"
Kelapa Sebatang (Tampin)	1,000	"
Kampong Sendayan (Tampin)	250	"
Kampong Ulu Sogoh (Port Dickson)	456	"
Ayer Ham (Port Dickson)	125	"
Tampin Kanan (Port Dickson)	32	"
Kampong Pilin (Rembau)	340	"
Kampong Serdang Pedas (Rembau)	216	"
Durian Daun Pilin (Rembau)	580	"
Purun (Jelebu)	936	"
Kampong Chennah (Jelebu)	333	"
Pertang (Jelebu)	450	"
Pasir Timbol (Kuala Pilah)	120	"

<i>Negeri</i>	<i>Ranchangan</i>	<i>Luas-nya</i>
Johor	Kampong Kepis (Kuala Pilah)	300 ekar
	Tanjong Temeris (Kuala Pilah)	730 "
	Kampong Rembang Panas (Kuala Pilah)	465 "
	Anak Ayer Pisang (Kuala Pilah)	250 "
	Kampong Beting (Kuala Pilah)	100 "
	Kampong Seting Ulu Batu 43 (Kuala Pilah)	150 "
	Kampong Seting Ulu Batu 36 (Kuala Pilah)	910 "
	Kampong Bayai	2,090 "
	Tangkak (Muar)	68 "
	Tangkak (Muar)	240 "
	Tj. Sembrong (Batu Pahat)	330 "
	Kg. Bahru (Batu Pahat)	340 "
	Tj. Sembrong (Batu Pahat)	2,000 "
	Pogoh (Segamat)	3,014 "
	Jabi (Segamat)	2,400 "
	Jementah (Segamat)	80 "
	Buloh Kasap (Segamat)	540 "
	Bekok (Segamat)	700 "
	Niyor (Kluang)	1,056 "
	Ulu Benut (Kluang)	391 "
	Paloh (Kluang)	320 "
	Paloh (Kluang)	250 "
	Machap (Kluang)	80 "
	Sedili Besar (Kota Tinggi)	1,015 "
	Kota Tinggi	380 "
	Ulu Sg. Johore (Kota Tinggi)	88 "
	Senai/Kulai (Johor Bahru)	200 "
Pahang	4th Mile Maran Road (Temerloh)	900 "
	Paya Lang (Temerloh)	2,600 "
	Paya Luas (Temerloh)	365 "
	Kabot (Temerloh)	600 "
	Paya Pamah (Temerloh)	530 "
	Jawi-Jawi (Bentong)	450 "
	102 m. Jelebu Road (Bentong)	345 "
	Sg. Garam (Bentong)	625 "
	Jerkoh (Lipis)	2,000 "
	Berchang (Lipis)	500 "
	Telemim (Lipis)	300 "
	Sg. Nacha (Lipis)	630 "
	Kerambit (Lipis)	500 "
	Ulu Temalir (Raub)	400 "
	Bt. Rejab (Raub)	200 "
	Kuala Tahan (Jerantut)	300 "
	63 m. Jerantut Maran Road	500 "
	Ulu Jeneris (Jerantut)	300 "
	Durian Hijau (Jerantut)	900 "
	Paya Gunong and Betong (Jerantut)	300 "
	15 m. Gambang Road (Kuantan)	700 "
	Tanah Merah (Kuantan)	500 "
Kelantan	... Tiada	
Trengganu	... Tiada	

13. Enche' Ahmad Boestamam bertanya kepada Timbalan Perdana Menteri mana-kah negeri yang paling maju, dan negeri yang paling mundur di-dalam ranchangan Pembangunan Luar Bandar dan apa sebab-nya.

Tun Abdul Razak: Tidak-lah dapat di-tentukan dengan tepat negeri manakah yang paling maju dan negeri mana-kah yang paling mundur di-dalam ranchangan kemajuan tanah kerana keadaan² dan perkara² yang berlainan

di-dalam masing² negeri. Pada ‘am-nya boleh-lah di-katakan ia-itu semua negeri² melainkan Kelantan dan Trengganu, sedang menchapai kemajuan di-dalam ranchangan tanah masing². Sebab² maka Kelantan dan Trengganu tidak bagitu maju ia-lah kerana kedua² buah negeri itu enggan bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan dan kedua² buah negeri itu tidak menerima Dasar Kemajuan Tanah Persekutuan Negeri Perlis dan Pulau Pinang, disebabkan oleh tidak di-dapati tanah yang sesuai untuk kemajuan tersebut maka tidak-lah di-rencanakan apa² ranchangan di-kedua² buah negeri itu.

Rural Development Committees

14. Enche' Ahmad Boestamam bertanya kepada Timbalan Perdana Menteri ada-kah kawasan Setapak termasok di-dalam Ranchangan Luar Bandar, jika ya, apa-kah sebab-nya maka wakil ra'ayat yang terpilih Parlimen/Negeri tidak di-pelawa berkhidmat di-dalam Jawatan-Kuasa Luar Bandar.

Tun Abdul Razak: Ya, ada-lah hak Kerajaan Negeri² melantek Ahli² Jawatan-Kuasa Pembangunan-nya sendiri.

Allocation of Funds to States under Rural Development Plan

15. Tuan Haji Hasan Adli bin Haji Arshad bertanya kapada Timbalan Perdana Menteri bagaimana-kah charanya Kerajaan Persekutuan menentukan jumlah wang yang di-beri kepada masing² Negeri mengikut Ranchangan Pembangunan Luar Bandar.

Tun Abdul Razak: Dasar membiayaï Ranchangan Pembangunan Luar Bandar sa-bagaimana yang di-sebutkan di-dalam Hujongan “D” dalam “Buku Merah” ada-lah saperti berikut :

“Bantuan Wang Persekutuan di-timbangkan apabila Kerajaan² Negeri telah menyiapkan perkara yang berikut:

- (a) telah membuat suatu ranchangan yang mengandungi semua butir² Pembangunan Luar Bandar di-dalam negeri itu;

- (b) telah mentaksirkan jumlah wang di-kehendaki bagi melaksanakan ran-changan itu;
- (c) telah yakin ia-itu segala perbelanjaan yang terdaya telah di-belanjakan dari-pada wang negeri.”

Pendek-nya, dasar ini ia-lah wang² Persekutuan hanya akan di-beri kapada Kerajaan Negeri sa-kira-nya Kerajaan Negeri telah membuktikan yang mereka telah mulakan pelaksanaan mereka sendiri, wang² dan daya usaha untuk menjayakan kemajuan ranchangan Pembangunan Luar Bandar.

Apabila telah terang-lah yang Kerajaan Negeri telah berusaha dengan apa yang terdaya oleh-nya, segala usaha akan di-kerjakan oleh Kerajaan Persekutuan untuk mengadakan wang untuk perbelanjaan yang sa-lebeh-nya.

Priority of Projects

16. Tuan Haji Hasan Adli bin Haji Arshad bertanya kapada Timbalan Perdana Menteri ada-kah dasar Kerajaan Persekutuan menerima shor Kerajaan Negeri bersabit dengan keutamaan ranchangan menurut Ran-changan Pembangunan Luar Bandar.

Tun Abdul Razak: Ya, dengan sharat Kerajaan Persekutuan berhak mengubah keutamaan² itu, apabila di-fikirkan mustahak.

Jerangau-Kuala Dungun Road

17. Tuan Haji Hasan Adli bin Haji Arshad bertanya kapada Timbalan Perdana Menteri di-dalam pelaksanaan ranchangan pembangunan luar bandar ada-kah Kerajaan akan memberi keutamaan untuk menyiapkan jalan Jerangau-Kuala Dungun, jika tidak, kenapa, dan jalan mana-kah yang akan di-beri keutamaan.

Tun Abdul Razak: Keutamaan akan di-berikan kapada kerja bagi menyiapkan jalan ini; tetapi keutamaan saperti ini, bagaimana pun, akan di-kira sa-telah di-timbangkan mustahak tidak-nya jalan ini daripada jalan² yang lain di-dalam jalan Kebangsaan.

**MINISTRY OF WORKS, POSTS
AND TELECOMMUNICATIONS**

Women labourers in P.W.D.

18. Tuan Haji Ahmad bin Abdullah bertanya kepada Menteri Kerjraya, Pos dan Talikom berapa-kah bilangan buroh² perempuan termasok-lah buroh² jalan yang berkhidmat dengan Jabatan Kerjraya Persekutuan Tanah Melayu dalam tahun 1958, 1959 dan 1960.

Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom (Dato' V. T. Sambanthan): Bilangan buroh² perempuan ia-itu termasok-lah buroh² jalan yang bekerja di-Jabatan Kerjraya ia-lah saperti berikut:

<i>1958</i>	<i>1959</i>	<i>1960</i>
1,460	...	1,431 ... 1,272

**THE PRIME MINISTER'S
DEPARTMENT**

Registered Voters

19. Tuan Haji Ahmad bin Abdullah bertanya kepada Perdana Menteri

berapa-kah bilangan pengundi² yang telah berdaftar, menurut bangsa di-Persekutuan Tanah Melayu.

Perdana Menteri: Bilangan pengundi² yang telah di-daftarkan dalam masing² negeri ada-lah saperti berikut:

Perlis	40,078
Kedah	290,479
Pulau Pinang	227,033
Perak	469,187
Kelantan	224,255
Trengganu	117,961
Pahang	126,022
Selangor	352,504
Negri Sembilan	123,023
Melaka	113,197
Johor	324,733
			<hr/>
			2,408,472

Bilangan menurut bangsa² di-Persekutuan Tanah Melayu tidak di-dapati.